

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA
KE DALAM MESYUARAT (Halaman 17)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong
- *Y.B. Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah*
[Tambun] (Halaman 17)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaim an, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed, S.S.S.A., D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)

- Yang Berhormat Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

- Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A., (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)

Yang Berhormat Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)

- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kewangan, D.S.S.A. (Klang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN***Setiausaha Dewan Rakyat*

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Salamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Selasa, 22 Februari 2000
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

1. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Jalan Kokol Menggatal dalam kawasan Gaya dapat dinaikkan tarafnya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Kokol Menggatal merupakan jalan yang ditakrifkan sebagai jalan luar bandar. Jarak panjang jalan ini adalah 22 kilometer dan sebahagian jalan ini sejauh 4.6 kilometer telah pun dinaik taraf sebagai jalan berturap dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Di bawah Program Jalan Luar Bandar penurapan bahagian jalan sejauh 7 kilometer lagi telah dicadangkan di bawah program yang sama dalam Rancangan Malaysia Kelapan kelak.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, supaya Menteri Kerja Raya dapat mengenali apakah begitu serius dan teruk keadaan jalan ini, adakah Menteri Kerja Raya akan bersetuju menerima jemputan saya untuk melawat kawasan ini dan melihat keadaan ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat negeri Sabah beberapa kali tetapi kawasan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi boleh juga kita melawat untuk mendapat tahu apakah keadaan jalan dan apakah rancangan boleh disegerakan dalam kawasan itu.

Tuan Chow Kon Yeow: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan mengapa jalan tersebut di kawasan Gaya ini tidak dapat dinaik taraf sepenuhnya sepanjang jalan itu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Mengapa secara berperingkat-peringkat, adakah ini satu strategi kerajaan untuk mendapat sokongan pengundi, setiap kali menjelang pilihan raya, satu peringkat jalan dinaik taraf dan tunggu pilihan raya yang akan datang barulah buat bahagian-bahagian yang lain?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan tidak ada kaitan dengan pilihan raya. Pilihan raya lain, perancangan lain, mendapat peruntukan lain, belanjawan untuk menjalankan projek itu lain. Saya ingat Ahli Yang Berhormat sudah salah faham berkenaan dengan politik. Pembinaan jalan tidak ada kaitan dengan politik. Pembinaan jalan adalah mengikut rancangan, mengikut peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan. Jadi, tidak masuk politik. Kalau masuk politik pun saya bukan bertanding di sana. Boleh tuduhlah, oh you bertanding di sana fasal itu sahaja buat jalan. Kita rancang ini, kita duduk di Kuala Lumpur, kita melawat beberapa tempat untuk mendapat tahu apakah keupayaan barulah kita buat jalan.

2. **Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sama ada kementerian beliau akan mengeluarkan lesen teksi untuk orang perseorangan di Kuala Lumpur dan apakah perlindungan-perlindungan yang telah diberi kepada pemandu-pemandu teksi sekarang selepas kementerian meneliti kelemahan-kelemahan yang timbul sejak sistem yang dijalankan sekarang beroperasi.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pembangunan Usahawan tidak lagi mengeluarkan lesen teksi kepada individu. Keputusan tidak mengeluarkan lesen teksi kepada individu telah dilaksanakan sejak tahun 1996 apabila kerajaan

memutuskan bahawa perkhidmatan teksi di bandaraya-bandaraya besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Ipoh dikendalikan oleh syarikat-syarikat besar sahaja.

Melalui pengeluaran lesen teksi kepada syarikat-syarikat besar tersebut, KPUN telah menetapkan piawaian perkhidmatan teksi seperti penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan dan pengendalian teksi serta penekanan terhadap disiplin. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang menimbang untuk mengeluarkan lesen teksi untuk orang perseorangan dan sebagai permulaan, di Kuala Lumpur dan di Johor Bahru. KPUN telah sentiasa memberi perhatian terhadap pemandu-pemandu teksi dengan mengadakan sesi perjumpaan dan dialog bersama Menteri dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan. KPUN sedang meneliti dan memberi perhatian utama ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pemandu-pemandu semasa perjumpaan seperti di antaranya perjanjian dan sewa harian yang tidak seragam dan pemberian lesen teksi kepada individu.

Kementerian secara terus-menerus akan menilai kembali serta mencari jalan penyelesaian ke atas kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan oleh pemandu-pemandu teksi termasuk menimbang kembali dasar pembekuan pemberian lesen teksi kepada pengusaha individu.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak boleh dinafikan masalah teksi di Kuala Lumpur ialah apabila musim hari perayaan iaitu musim Tahun Baru Cina ataupun perayaan-perayaan yang lain, iaitu kekurangan teksi. Soalan saya, apakah perancangan kerajaan supaya apabila musim-musim perayaan tersebut, kita tidak menghadapi masalah kekurangan teksi, mungkin boleh difikirkan, kalau tidak diberikan kepada syarikat-syarikat yang dipunyai oleh sesuatu kaum, mungkin boleh difikirkan permit-permit teksi boleh diberikan kepada syarikat-syarikat kaum seperti kaum Dayak. Apabila musim perayaan, kaum Dayak boleh juga jadi pemandu teksi, kalau kekurangan teksi di Kuala Lumpur.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau Dayak banyak di Kuala Lumpur boleh buat permohonan kepada sayalah. *[Ketawa]* Sememangnya untuk pemberian lesen permit kepada orang perseorangan ini sedang dipertimbangkan oleh kita. Sebenarnya oleh kerana kita merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, tidak mungkin kita menghadapi masalah kekurangan teksi pada waktu-waktu perayaan kerana kita semua tahu kalau raya Cina, pemandu Melayu bawa kereta dan kalau raya Melayu orang Cina bawa kereta, Deepavali pun macam itu juga.

Saya bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat iaitu supaya kita melihat pembahagian diberikan kepada pelbagai kaum supaya kita dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pernah pihak kementerian mengadakan kajian? Kalau pernah pun saya ingat kalau dapat dibentangkan sedikit hasil kajian. Kalau tidak pernah, kalau dapat dicadangkan dapat dibuat kajian di antara pengusaha perseorangan dengan pengusaha yang bersyarikat dari segi keberkesanan, dari segi kecekapan, dari segi kompelin-kompelin yang diterima, layanan-layanan, disiplin dan sebagainya tentang pemandu-pemandu teksi ini.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian menerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan selalu mendapat kunjungan daripada mereka yang terlibat dengan lesen ini. Sebenarnya hasil daripada sungutan daripada pihak merekalah yang mendorong kerajaan pada hari ini untuk memikir semula untuk tidak membekukan pemberian teksi kepada perseorangan. Jadi, sebab itu kita sentiasa menerima pandangan daripada rakyat. Seperti Yang Berhormat sebut itu jawapannya ya, SPKP sentiasa membuat pengkajian dari masa ke semasa.

3. **Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan terdapat kawalan atau sekatan dari pihak kementerian dalam mengizinkan program sambutan alaf baru seperti yang dianjurkan oleh *Salem Cool Planet* di

Lapangan Terbang Subang dan sambutan di Bukit Bintang;
dan

- (b) apakah kerajaan sedar acara-acara liar menyambut alaf baru boleh mengakibatkan banyak masalah sosial seperti maksiat, minum arak dan zina.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian;

- (a) Kuasa bagi meluluskan penganjuran sebarang perayaan termasuk program seperti acara sambutan alaf baru dan lain-lain adalah di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan. Pihak penganjur yang mendapat kelulusan dari pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti pihak berkuasa tempatan dan Dewan Bandaraya perlulah akur dengan syarat-syarat kelulusan yang diberikan. Kementerian Dalam Negeri hanya akan bertindak menghalang sesuatu perayaan sekiranya penganjuran tersebut dikhuatiri boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, bagi mana-mana perayaan yang telah diberikan kebenaran pihak polis sentiasa memberi kerjasama untuk menjaga keselamatan agar sesuatu perayaan itu tidak berlaku kejadian-kejadian buruk atau tindakan-tindakan liar yang boleh merosakkan harta benda awam ataupun kesesakan lalu lintas.
- (b) Pihak Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa masalah maksiat, minum arak dan zina tidak semata-mata bergantung kepada perayaan-perayaan seperti acara-acara menyambut alaf baru. Masalah-masalah tersebut perlu ditangani secara komprehensif dan melibatkan semua pihak termasuk ibu bapa, masyarakat dan juga parti-parti pembangkang. Dalam perkataan lain, tidak munasabah sama sekali jika Yang Berhormat menyatakan bahawa acara-acara perayaan menyambut alaf baru semata-mata ini telah mengakibatkan masalah sosial seperti maksiat, minum arak dan lain-lain.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit penjelasan. Kita semua telah maklum bahawa masalah yang timbul ialah persembahan yang dibuat oleh pihak yang tertentu dalam menyambut acara di Tahun Baru. Maka adakah kerajaan bercadang dan bersetuju dengan saya untuk mengelakkan masalah gejala sosial di kalangan muda-mudi lebih teruk lagi, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kerajaan boleh mengarahkan pihak berkuasa tempatan dan sebagainya supaya sambutan-sambutan di alaf baru ini tidak dikeluarkan lesen lagi.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak KDN, kita mempunyai keyakinan terhadap pihak-pihak berkuasa tempatan sebelum sesuatu perayaan ataupun acara-acara untuk sesuatu perayaan diberikan kelulusan, maka segala masalah dan faktor-faktor akan diberikan pertimbangan. Maka kita mempunyai keyakinan iaitu pihak berkuasa memang waras dari segi memberi pertimbangan. Jika terdapat keraguan, pihak berkuasa akan merujuk kepada KDN dan kita akan beri pandangan dan jika perlu, kelulusan ini tidak dikeluarkan.

Tuan Haji Wan Nik bin Wan Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sambutan alaf baru yang berlangsung pada awal tahun ini berlaku pada bulan Ramadan. Dari sudut adat, budaya dan keagamaan sendiri pun kita lihat ada percanggahan. Oleh kerana itu, kita meminta pendirian kerajaan dalam perkara ini. Adakah pihak yang berkenaan, misalnya pihak kerajaan sedar perkara ini dan adakah usaha-usaha untuk membatalkan ataupun untuk meniadakan program tersebut sebelum perkara itu berlaku.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya katakan tadi, sebelum sesuatu permohonan dapat diberikan pertimbangan oleh pihak berkuasa tempatan seperti DBKL, segala alasan dan faktor akan diambil kira. Memang kita tidak dapat menafikan bahawa agama Islam ini adalah agama rasmi negara kita dan sentiasa diberikan kedudukan dan taraf yang tinggi. Dalam masa yang sama juga kita harus mengambil kira iaitu negara ini adalah negara masyarakat majmuk dan jika terdapat apa-apa pun perayaan-perayaan, dan jika ianya tidak bercanggah dengan agama Islam dan didapati sihat dan wajar diberi pertimbangan, maka ianya akan diberikan tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu.

[Soalan No. 4 – Y.B. Song Swee Guan (Bandar Kuching) tidak hadir]

5. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan rumah pegawai kerajaan di Putrajaya;

- (a) adakah ianya akan dijual kepada pegawai-pegawai termasuk pegawai-pegawai kanan; dan
- (b) sekiranya ya, apakah yang akan terjadi selepas pegawai-pegawai tersebut bersara, berhenti atau dipindahkan dan apakah akan ada kemudahan untuk pegawai yang akan menggantikan mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan rumah kediaman kerajaan di Putrajaya yang di bawah kawal selia Jabatan Perdana Menteri akan dikekalkan sebagai kuarters dan bukan untuk dijual kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan. Pegawai-pegawai kerajaan dibenarkan menduduki rumah tersebut semasa masih berkhidmat dengan kerajaan sahaja dan perlulah mengosongkan rumah-rumah tersebut apabila bersara, berhenti atau dipindahkan daripada Putrajaya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masih dalam perumahan lagi yang lebih umum di Putrajaya, kalau dapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menggariskan secara kasar sahaja tentang peratusan-peratusan rumah jenis eksklusif, jenis mewah, jenis harga tinggi, jenis harga sederhana dan jenis harga murah yang dibina di Putrajaya.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kuarters kerajaan yang akan dibina di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya adalah sebanyak 35,000 unit secara berperingkat-peringkat. Dari jumlah tersebut sebanyak 5,794 unit kuarters kerajaan dijangka siap pada tahun 2001. Pecahan mengikut jenis kuarters adalah seperti berikut:

(i)	Precinct B	
	<u>Jenis</u>	<u>Bil(Buah)</u>
	Semi D	- 108
	Teres A	- 190
	Teres B	- 140
	Apartment A	- 184
	Apartment B	- 934
	Jumlah	1,556
(ii)	Precinct 9	
	<u>Jenis</u>	<u>Bil(Buah)</u>
	Teres A	- 294
	Teres B	- 417
	Apartment A	- 350
	Apartment B	- 1,052
	Jumlah	2,113

(iii)	Precinct 10	
	<i>Jenis</i>	<i>Bil(Buah)</i>
	Banglo A	- 4
	Banglo B	- 2
	Banglo C1	- 5
	Banglo C2	- 1
	Banglo D	- 15
	Banglo E	- 80
	Jumlah	107
(iv)	Precinct 11	
	<i>Jenis</i>	<i>Bil(Buah)</i>
	semi D	- 140
	Link dua	- 615
	link E	- 482
	Jumlah	1,237
(v)	Precinct 16	
	<i>Jenis</i>	<i>Bil(Buah)</i>
	Anglo A	- 2
	Banglo D	- 75
	Apartment A	- 332
	Apartment B	- 372
	Jumlah	781
	Jumlah Besar	5,794

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2001 - daripada sekarang sehingga tahun 2001, bangunan tersebut dijangka siap sebanyak 5,794 unit.

Bagi tahun 2005 ia dijangka disediakan 15,000 unit lagi. Sekian.

6. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah pasport antarabangsa dan tempatan warganegara Malaysia yang telah dirampas bagi tahun 1995 – 1999; dan
- (b) apakah sebab-sebab perampasan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1995 hingga tahun 1999 sebanyak 5,162 naskhah pasport Malaysia telah pun ditahan serta nama-nama pemegangnya disenaraihitamkan oleh pihak Imigresen Malaysia. Antara sebab-sebab pasport ditahan ataupun nama pemegangnya disenaraihitamkan ialah:

- (i) atas perintah mahkamah bagi memastikan pemiliknya tidak melarikan diri ke luar negeri kerana sedang menghadapi perbicaraan;
- (ii) diisytiharkan muflis oleh mahkamah ;
- (iii) atas permintaan Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana tidak menjelaskan cukai pendapatan; dan
- (iv) pernah dihukum oleh mahkamah sama ada di dalam atau di luar negeri kerana kesalahan jenayah seperti pengedaran dadah dan kegiatan yang mengancam keselamatan dan menjejaskan nama baik negara.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Antara sebab-sebab rampasan pasport tersebut selain daripada yang ada melanggar undang-undang ataupun dituduh dalam mahkamah, saya memang ada mendapat aduan daripada rakyat, di mana bukan terlibat dengan tuduhan di mahkamah

ataupun melakukan kesalahan yang besar, mungkin tinggal lebih masa (*overstay*) dan sebagainya, perkara yang lebih kecil daripada melanggar undang-undang.

Jadi, pasport tersebut pun ditahan dalam satu tempoh yang begitu lama. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian menetapkan satu tempoh yang tertentu mengenai kes-kes yang berlainan supaya pemegang pasport ini mendapat balik pasport mereka, kalau tidak melakukan kesalahan yang lebih besar. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kluang. Memang benar selain daripada sebab-sebab tersebut yang saya katakan tadi, juga terdapat begitu ramai orang yang melanggar undang-undang ataupun peraturan-peraturan di bawah Akta Pasport. Satu misal ialah jika seorang warganegara kita pergi ke luar negeri (tidak kira negara mana), jika mereka *overstay*, dengan izin, dan apabila mereka balik, kerajaan harus menahan pasport mereka buat sementara supaya satu siasatan dapat dijalankan untuk menentukan sama ada pemegang pasport yang berkenaan menjalankan apa jenis kegiatan di negara lain. Mungkin seseorang pemegang pasport, *overstay* oleh kerana beliau sengaja *overstay* sebab beliau bekerja secara haram di negara lain.

Tetapi walau bagaimanapun, selepas siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa iaitu pihak Imigresen, jika terdapat pemegang pasport berkenaan tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang haram ataupun kegiatan-kegiatan yang tidak sihat, yang melanggar undang-undang di negara berkenaan maka pasportnya akan dipulangkan balik dan saya diberitahu oleh pihak Imigresen iaitu pada lazimnya pihak Imigresen memerlukan tempoh maksima dua tahun untuk menjalankan siasatan dan jika siasatan itu dapat ditamatkan dengan tidak ada apa-apa masalah maka pasportnya akan dipulangkan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan dalam mengembalikan pasport bagi mereka yang telah diisytiharkan bankrap dan juga orang-orang yang didakwa dalam mahkamah atas sesuatu tuduhan jenayah di mana terdapat seorang perempuan yang telah diisytiharkan bankrap telah dilaporkan ke luar negara, ke UK dan tinggal di sana lebih satu bulan, apakah kerana perempuan itu menjadi juru kempen UMNO, itu menjadi kriteria untuk membolehkannya mendapat semula pasport untuk melancong.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Begitu juga dengan seorang Penolong Gabenor Bank Negara yang telah didakwa satu tuduhan pun dapat semula pasportnya untuk ke luar negara. Saya pohon mendapat penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Bila pasport seseorang ditahan oleh kerajaan di bawah syarat-syarat yang saya katakan tadi, khususnya sebab kemuflihan seseorang, maka pemegang pasport ini dapat diberikan balik pasportnya selepas beliau menjelaskan segala hutang dan dibebaskan dari kemuflihan dan ada juga alasan-alasan yang spesifik, katalah pemegang pasport dan pasport beliau telah pun ditahan tetapi oleh kerana beliau harus pergi ke luar negara oleh kerana sesuatu sebab, kemungkinan atas alasan spesifik seperti bersimpati pihak kerajaan boleh memberikan pertimbangan, tetapi ini tidak bermaksud seseorang bila dia diberikan peluang untuk pergi ke luar negara bila dia balik, dia tidak serahkan pasport itu, pasport itu akan diserahkan kepada kerajaan semula.

Memang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah satu perkara yang baru, kita tidak mempunyai rekod-rekod seumpama yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberikan satu laporan kepada saya, mungkin saya dapat membuat jawapan yang spesifik.

Tuan Mohamad bin Sabu: Umi Hafilda keluar negeri.

Dato' Chor Chee Heung: Hai, tidak boleh cakap macam itu, itu tidak rasmi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

7. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) Indeks Harga Pengguna (IHP) pada Oktober, November dan Disember 1999 dan memberi perbandingan bagi tempoh yang sama tahun 1998; dan
- (b) apakah rancangan dan program kementerian untuk memastikan IHP tidak naik terlampau tinggi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah pada 29 Februari 2000 kerana kedua-dua soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh, silakan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada masa ini kita tidak mempunyai satu ukuran khusus untuk mengukur inflasi, iaitu situasi yang merujuk kepada kedudukan paras harga keseluruhannya dalam ekonomi atau dengan izin, *general level of prices in the economy*. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara termasuk Malaysia menggunakan Indeks Harga Pengguna (IHP) sebagai ukuran kadar inflasi.

Dalam konteks ini, kadar inflasi bagi Malaysia pada masa kini, iaitu berdas arkan IHP pada tahun 1999 ialah 2.8%. Kadar ini adalah lebih rendah daripada 5.3% pada tahun 1998. Kadar inflasi bagi bulan-bulan Oktober 1999, November 1999 dan Disember 1999 berbanding dengan bulan-bulan yang sama tahun lepas ialah masing-masing 2.1%, 1.6% dan 2.5%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa paras harga pengguna bulanan bagi beberapa bulan kebelakangan ini telah menunjukkan *trend* yang stabil dan rendah, umpamanya untuk bulan Disember 1999 berbanding dengan November 1999, IHP hanya naik sebanyak 1%, ini pun adalah disebabkan oleh permintaan terhadap barang-barang pengguna yang tinggi pada musim perayaan. Bagi bulan Januari 2000 paras harga tidak berubah, bermakna negara mengalami inflasi sifar untuk bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menyebut bahawa Singapura dan China mengalami penurunan paras harga pengguna masing-masing sebanyak -0.5% dan China -2.1%, iaitu apa yang dikatakan sebagai kadar inflasi negatif. Ingin saya maklumkan bahawa Malaysia juga mengalami inflasi negatif, iaitu bagi bulan-bulan Mac 1999 (-0.2%), Jun 1999 (-0.1%) dan Ogos 1999 (-0.1%).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan dalam paras harga pengguna atau kadar inflasi bergantung kepada beberapa faktor seperti kedudukan pertukaran mata wang asing negara serta kedudukan inflasi negara-negara yang kita berdagang yakni faktor luar dan juga faktor-faktor dalaman dalam ekonomi, umpamanya kapasiti pengeluaran negara dan juga kedudukan permintaan dalam negeri atau, dengan izin, *domestic demand*. Dalam pada itu, strategi pembangunan negara kita menekankan kepada pertumbuhan ekonomi berterusan dalam konteks paras harga yang stabil.

Untuk mencapai tujuan tersebut, iaitu pertumbuhan ekonomi dengan paras harga yang stabil, khususnya dari aspek kestabilan harga, antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian saya ialah seperti berikut:-

- (i) Menentukan harga secara pentadbiran iaitu melalui perbincangan dengan pihak industri terlibat bagi barang-barang keperluan seperti tepung gandum, ayam, minyak masak dan gula. Barang-barang tersebut merupakan komponen-komponen penting dalam IHP di mana wajarnya ialah 4.24%.

- (ii) Memantau perkembangan harga bagi 233 jenis barangan keperluan harian. Ini bertujuan memastikan bahawa harga berada pada paras yang stabil serta bekalannya mencukupi di pasaran.
- (iii) Pemantauan harga barang-barang keperluan pada musim perayaan dijalankan untuk memastikan bekalan adalah mencukupi dan harga tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Kementerian juga sedang dalam proses mewujudkan Skim Penstabilan Harga yang akan merangkumi sistem amaran awal serta mekanisme tindakan, dengan izin, *trigger mechanism*, bagi membolehkan tindakan segera diambil ke atas bekalan barangan tertentu khususnya makanan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian saya telah memberi kesan positif kepada IHP. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kadar inflasi yang lebih rendah memerlukan juga langkah-langkah yang bersifat makro seperti mengekalkan regim perdagangan yang liberal dan meningkatkan pengeluaran barangan makanan dalam negara serta memastikan kos pengeluaran produk-produk negara termasuk makanan adalah di tahap minimum, memastikan pertambahan pengeluaran negara dengan menggunakan kapasiti yang sedia ada kepada peringkat optimum dan sebagainya.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri sendiri atas usaha-usaha gigih untuk mencapai matlamat inflasi sifar. Pada saya satu cara yang berkesan untuk memastikan harga barangan yang berpatutan ialah tanda harga yang jelas dan sistematik, kalau tidak salah saya baru-baru ini Yang Berhormat Menteri sendiri ada membuat satu pengumuman tentang kementerian akan memperkenalkan satu cara tanda harga yang baru.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan lebih detail tentang cara tanda harga baru ini dan bila ia akan dilaksanakan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sememangnya kita mendapati dalam pemeriksaan yang telah pun kita jalankan di seluruh negara, masih terdapat ramai para peniaga yang tidak mematuhi secara terperinci peraturan mengenai dengan pelabelan dan juga tanda harga ini. Ini adalah kerana kecuaihan pihak-pihak yang berkenaan ataupun kurang pemahaman tentang peraturan yang telah pun kita tetapkan berkenaan dengan pelabelan harga ini.

Oleh sebab itu, saya telah pun mengarahkan pihak pegawai saya mengambil tindakan untuk meneliti semula peraturan ini dan mengenakan satu kaedah secara pelabelan yang lebih baik dan lebih kemas, umpamanya dalam tinjauan saya ke pasar-pasar di kedai-kedai, banyak peniaga hanya melambakkan label-label mereka dengan tidak ada kenyataan yang jelas tentang barangan mana yang ditetapkan harga yang tertentu tadi.

Maka ini kita akan lakukan selepas kita adakan perbincangan dengan pihak persatuan-persatuan peniaga supaya mereka faham tentang cara dan kaedah yang kita hendak laksanakan, tidak merupakan satu perkara yang seharusnya membebankan kepada peniaga. Kadang-kadang dengan sebab pelabelan baru, mungkin kos bagi peniaga itu akan terpaksa ditanggung lebih dari biasa.

Kita sedang meneliti cara-caranya, umpamanya apakah kita perlu membenarkan lagi peniaga-peniaga hanya meletakkan tanda harga bagi setiap barangan ataupun diletakkan hanya dalam satu papan tanda yang agaknya jelas, yang dengan cara sekali gus dapat diketahui oleh pihak pengguna sebelum mereka membeli barangan-barang tadi.

Keduanya, saiz yang dianggap sesuai, yang jelas dan kita terpaksa juga mengambil kira bahawa ada pelbagai jenis peniaga. Di pasar besar ataupun di pasar basah umpamanya agak sukar untuk meletakkan tanda harga di atas ikan ataupun daging, yang ini kadang-kadang dibuat oleh pihak peniaga, tetapi kalau di pasar raya mungkin senang untuk meletakkan tanda harga yang sesuai.

Jadi, perkara-perkara ini kita sedang ambil kira dan kita akan menentukan satu

garis panduan baru selepas kita berbincang dengan pihak peniaga-peniaga, cara bagaimana mereka hendak melaksanakan dan kita akan menetapkan satu tempoh yang agak sesuai, tidak terlalu lama untuk membolehkan mereka melaksanakan itu dan mengganti mungkin label-label yang telah digunakan selama ini di tempat-tempat perniagaan mereka.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucap syabaslah kepada Yang Berhormat Menteri dari Pagoh kerana sama-sama dengan lapan menteri yang lain yang sanggup hadir pagi ini.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sila teruskan soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita puji pun tidak boleh. Apa masalah dengan Rompin pagi ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan soalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya banyak soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana satu pula? Masalah IHP ini sungguh rumit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini soalan tambahan.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi seperti kadar inflasi 2.8% membayangkan keadaan di desa dan bandar dan adakah Yang Berhormat sanggup mengkaji semula kaedah untuk mengadakan IHP ataupun CPI ini berasingan untuk desa dan untuk bandar kerana di setiap tempat pun tidak serupa. Kalau Yang Berhormat ada pergi beli-belah sama ada di pasar tani dan di pasar raya dan sebagainya, kita nampak perbezaan harga itu amat sangat, misalnya kalau kita beli betik

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, soalannya itu sudah jelas.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan ini memang hendak menjelaskan keadaan yang sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payahlah Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun Yang Berhormat Pagoh ada pergi, saya tengok dia ada pergi, di dalam TV pun kita melihat dia pergi merayau-rayau dan sebagainya. [Ketawa] Memang kita lihat tetapi mungkin dia tidak dapat menjelajah ke semua tempat, cuma terhadlah dan bolehkah Yang Berhormat terangkan sekali lagi mengapa berlaku kecoh dan pertikaian mengenai ayam setiap kali menjelang perayaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak lagi soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu saya kira sudah masuk tiga soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat tidak bermaksud lain bila dia kata saya 'merayau-rayau'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kita harapkan begitu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Dalam konteks bahasa Malaysia maknanya mungkin tidak berapa positif, tetapi sebenarnya saya memeriksa dan memantau harga barang-barang di pasar-pasar.

Sebenarnya, Indeks Harga Pengguna adalah satu *indicator* yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi antarabangsa dan ini dibuat untuk mengambil kira faktor-faktor dalam apa yang disebut '*basket of goods and services*' iaitu dalam bakul barangan dan juga perkhidmatan. Oleh sebab itu kita gunakan ini sebagai panduan

sahaja. Kalau kita hendak melihat secara lebih terperinci, kita boleh pergilah ke Johor Bahru ataupun kita boleh pergi ke Kota Bharu ataupun ke Pulau Pinang, tentulah ada perbezaan di antara satu wilayah ataupun pusat-pusat perniagaan dengan tempat-tempat yang lain. Itu tidak dapat kita nafikan. Tetapi itu bukan ukuran sebenarnya kadar inflasi, kita harus menggunakan kadar purata negara, jadi sebab itulah seperti yang saya sebutkan tadi kita ambil ini sebagai suatu indeks ukuran harga yang sebenarnya, tetapi memanglah betul bahawa terdapat perbezaan harga bagi barang-barang keperluan di tempat-tempat yang tertentu, umpamanya pasar Chow Kit tidak sama dengan harga pasar Johor Bahru ataupun pasar di Kepong, sebagai contoh, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong.

Kita ambil kira soal itu dan sekarang ini kita sudah pun mengambil satu inisiatif untuk mengenal pasti secara lebih terperinci kedudukan harga dan juga bakul barangan tadi di tiap-tiap tempat. Meneliti kenapakah di setengah-setengah tempat harga itu agak tinggi ataupun setengah-setengah barangan itu lebih rendah daripada tempat-tempat yang lain. Kita hendak mengambil kira daripada pokoknya, daripada pangkalnya.

Kalau umpamanya harga barang seperti ayam di Kota Kinabalu harganya sampai RM6, kemudian itu di Pasar Chow Kit cuma RM5.40 kita hendak tahu kenapa ada perbezaannya. Ini untuk memberikan kita suatu panduan untuk, mungkin merundingkan dengan pihak-pihak tertentu, apakah kemungkinan kos bagi barang-barangan tertentu itu dikurangkan, maka kesannya ialah mungkin IHP akan dapat direndahkan. Demikian juga bagi barang-barangan yang dianggap perlu, yang ini kita pantau di segi Akta Kawalan Harga Barang yang sudah pun ada dikuatkuasakan oleh kementerian.

Soal yang kedua tentang harga ayam, Tuan Yang di-Pertua. Ini telah pun kita bereskan. Sebenarnya tidak kecoh, yang buah kecoh setengah-setengah pihak sahaja kerana mereka membuat saranan supaya diboikot sedangkan hakikat dan kenyataannya daripada pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian tidak ada bukti bahawa harga ayam dijual lebih daripada paras harga yang diluluskan oleh kerajaan iaitu kadar siling RM6 tetapi mungkin ada perbezaan antara satu tempat dengan tempat yang lain. Maka sebab itu kita sudah panggil bincang, musyawarah dan mencari jalan, akhirnya semua pihak bersetuju kita harus kekalkan di bawah paras RM6 seberapa yang mungkin dan kalau boleh lebih murah daripada itu.

Jadi, sekarang ini tidak ada lagi perbahasan dan kita sudah pun bersetuju untuk sekarang ini mengadakan satu mesyuarat semula di mana jawatankuasa sedang meneliti apakah wajar harga ayam itu dikekalkan ataupun dikurangkan dan ini belum lagi kita putus. Insya-Allah, saya fikir dalam masa seminggu, dua akan dibawa kepada pihak Jemaah Menteri untuk kita maklumkan harga yang sebenarnya.

8. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan dirancang bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan rakyat Malaysia dalam pembangunan ekonomi di rantau BIMP-EAGA. Setakat ini, berapakah jumlah pelaburan negara jiran dari rantau terlibat yang telah dilaburkan di dalam wilayah Malaysia yang terlibat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana *detail* yang panjang melibatkan pelbagai pelaburan dan juga data-data yang dikumpulkan masih belum dikemaskini dan dipastikan untuk dimaklumkan kepada Yang Berhormat, cadangan yang paling baik ialah bagi soalan ini diutus kepada beliau dalam bentuk tulisan.

Walau bagaimanapun, ada lima perkara yang harus diambil berat dalam soal penentuan pelaburan di kawasan BIMP-EAGA itu. Pertama ialah, tahap yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak pelabur. Keduanya, data-data yang diterima oleh agensi-agensi dan ketiga, berkaitan dengan kemampuan pihak-pihak tempatan untuk menerima cadangan-cadangan tersebut. Keempat, menentukan supaya paras pelaburan itu sesuai dengan garis-garis panduan yang ditentukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta kemampuan pelabur-pelabur tempatan. Akhirnya, bagi

memastikan bahawa kerajaan-kerajaan negeri juga mengambil berat serta minat dalam pelaburan-pelaburan tersebut.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mempercepatkan lagi ekonomi rantau BIMPEAGA ini, saya ingin tahu adakah organisasi-organisasi yang bertanggungjawab dalam usaha ini akan memperkembangkan organisasi mereka ataupun komiti-komiti di tiap-tiap bandar yang besar khususnya di kawasan seperti di Miri, Kota Kinabalu (KK), Manila, Bandar Seri Begawan dan bandar-bandar yang lain lagi.

Dato' Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan itu telah pun dibincangkan dan sekiranya persetujuan yang asas diterima bagi pihak bandar-bandar tersebut untuk meneliti beberapa kemungkinan pelaburan yang berkenaan, ianya tidak menjadi masalah.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, antara prinsip yang digunakan sebagai dorongan membangun BIMPEAGA ini ialah konsep *Prosper thy Neighbor*, dengan izin, iaitu harapan ialah apabila negara-negara di perkelilingan negara Malaysia khususnya negeri Sabah ini membangun, maka para pendatang asing yang berlarian di persisiran pantai itu akan balik dengan sendiri oleh kerana sudah maju di peringkat negara mereka masing-masing. Saya ingin bertanya, apa sebenarnya potensi BIMPEAGA ini untuk mencapai matlamat itu dan adakah kerajaan setakat ini mempunyai maklumat setakat mana, setakat berapa banyak para pelarian ini pulang kerana peningkatan pembangunan ekonomi dalam negara-negara mereka ataupun adakah ini masih dalam *hypothesis*, dengan izin.

Dato' Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, amat sukar bagi kerajaan memantau atau memastikan amaun ataupun data berkaitan dengan kemungkinan ataupun pengembalian pelaburan yang asas yang boleh dibawa atau didirikan oleh mereka yang terlibat dengan golongan pendatang asing itu. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka berpotensi untuk melabur semula dan melibatkan diri dengan perniagaan-perniagaan tertentu, tidak ada halangan bagi kerajaan untuk memastikan permohonan sama ada daripada keluarga mereka atau pertubuhan mereka yang melibatkan diri peniaga sendiri.

9. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan: -

- (a) jumlah penjaja berlesen dan tidak berlesen dan bilakah pembekuan lesen akan ditarik balik supaya ramai penjaja boleh memohon dilesenkan; dan
- (a) kedudukan pusat penjaja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pusat penjaja swasta dan prestasi masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 31 Disember 1998, sebanyak 34,517 lesen telah dikeluarkan kepada penjaja-penjaja di sekitar Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang merancang dan membangunkan 17 kawasan pusat penjaja baru yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan api, air dan peralatan/kelengkapan untuk memudahkan kerja-kerja pembersihan di kawasan penjaja. Pembekuan lesen penjaja akan ditarik balik sebaik sahaja pusat-pusat penjaja ini siap dibina dan penjaja-penjaja akan disusun semula dalam pusat-pusat penjaja yang disediakan.
- (b) Pada masa ini DBKL telah menyediakan 37 kawasan penjaja yang mengandungi 636 ruang untuk menjalankan perniagaan. Sementara itu pihak swasta juga menyediakan 49 pusat penjaja yang mengandungi 686 unit untuk memberi peluang kepada penjaja menjalankan perniagaan

mereka. Pusat-pusat penjaja ini sentiasa diawasi terutamanya dari segi kebersihan. DBKL akan menyelenggara pusat-pusat penjaja ini apabila diperlukan. Pihak swasta juga akan mengawasi pusat-pusat penjaja mereka dan DBKL meminta pihak swasta supaya memberi tumpuan dari segi kebersihan bagi menggalak orang ramai dan pelancong mengunjungi gerai-gerai mereka. Pihak swasta juga diminta mengadakan kursus dan pemeriksaan yang lebih kerap ke atas pusat-pusat penjaja di bawah pengawasan mereka.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa akibat pembekuan pengeluaran lesen atau permit oleh DBKL, ramai penjaja haram terpaksa menjalankan perniagaan kerana mencari nafkah keluarga dan tidak mendapat pekerjaan lain tetapi pihak DBKL sering bertindak merampas barang-barang perniagaan dan kenderaan penjaja tanpa memberi amaran terlebih dahulu dan dikehendaki membayar kompaun yang tinggi. Tidakkah boleh pihak DBKL terutama penguatkuasa bersikap fleksibel dan bertolak ansur dengan membenarkan mereka berniaga asalkan tidak menimbulkan apa-apa gangguan lalu lintas atau lain-lain.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, sama ada sedar atau tidak, sememangnya saya sedar oleh kerana penguatkuasa DBKL ini menjadi amat *unpopular* di kalangan penjaja oleh kerana mereka bertindak untuk menangkap penjaja-penjaja yang tidak berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya amat prihatin terutama sekali kepada masyarakat Malaysia yang memerlukan bantuan seperti penjaja-penjaja tetapi dalam soal yang mustahak ini kerajaan juga berhadapan dengan satu dilema besar iaitu tanggungjawab DBKL ialah untuk menempatkan DBKL itu di mata dunia setaraf dengan ibu kota-ibu kota dunia di Eropah, umpamanya. Jadi, untuk mencapai tahap itu, maka kita tidak boleh berkompromi dengan soal-soal, misal kata kebersihan. Ada tinjauan yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai DBKL yang berwajib di negara-negara ASEAN umpamanya, mereka mengunjungi Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura dan kita diberitahu bahawa sekadar 40,000 lesen penjaja yang dibenarkan di negara-negara tersebut dan penjaja-penjaja ditempatkan di tempat-tempat yang khusus. DBKL sekarang ini telah juga mengeluarkan perintah pembangunan kepada pihak swasta agar setiap bangunan diadakan lebih kurang 2 peratus daripada total untuk ruang niaga.

Jadi, kalau umpamanya penguat kuasa DBKL fleksibel seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, fleksibiliti mana lagi yang kita mahu buat ini, sedangkan sekarang ini pun telah juga kita dirayu oleh masyarakat di ibu kota ini, di mana kita boleh baca dalam surat khabar di mana mereka ini menyeru DBKL lagi bertegas dalam soal kebersihan. Yang kita cerita di sini Yang Berhormat ialah penjaja-penjaja yang menjaja di siring-siring jalan dan di lorong-lorong. Mereka ini tidak mempunyai kemudahan seperti air untuk membersihkan, tidak mempunyai api dan sedemikianya. Jadi, ini yang menjadi masalah.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur hari ini ekonomi negara telah kembali pulih dan oleh itu ramailah golongan belia tempatan mula menjinakkan diri dengan dunia perniagaan secara kecil-kecilan dan yang paling mudah ialah menjaja tetapi kita juga sering mendengar rakyat atau belia negara asing berniaga atau menjaja tanpa lesen di beberapa tempat sama ada yang dikhususkan untuk menjaja ataupun tidak dikhususkan di negara ini khasnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur ini.

Persoalannya, apakah pihak kerajaan sentiasa membuat pemantauan bahawa pemilik lesen-lesen penjaja kecil ini, walaupun dari segi kebersihannya berada dalam keadaan baik mengusahakan perniagaan mereka sendiri tanpa menyewakan kepada pihak kedua atau ketiga khasnya rakyat asing di negara ini.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, itu sememangnya antara lain tugas penguatkuasa untuk memantau sama ada syarat-syarat dalam lesen perniagaan itu telah dipatuhi atau tidak tetapi sekiranya Ahli Yang

Berhormat bagi Tampin mempunyai laporan terperinci umpamanya di kawasan Yang Berhormat ataupun di mana-mana sahaja di Kuala Lumpur ini mengenai dengan ruang perniagaan di mana lesen itu digunakan oleh orang lain yang tidak patut berniaga di situ, sila beri laporan dan saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat supaya tindakan tegas akan diambil.

[Soalan No. 10 - Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman] tidak hadir]

11. Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan angka untuk pengangguran di Sabah baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kadar pengangguran ini.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, menurut penyiasatan Tenaga Buruh 1999 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Sabah pada suku tahun keempat 1999 ialah 4.6 peratus. Ini adalah kurang sedikit daripada kadar pengangguran di Sabah bagi suku tahun keempat 1998 sebanyak 4.8 peratus. Langkah-langkah untuk mengurangkan kadar pengangguran di Sabah adalah merupakan tindakan bersama Kerajaan Pusat, negeri dan sektor swasta. Bagi kerajaan satu strategi utama adalah mengamal dan melaksanakan dasar dan program bagi mempertingkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negeri Sabah kerana di antara lain ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru. Selain daripada itu, secara khusus Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia telah dan terus akan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kadar pengangguran di Sabah seperti berikut:

- (i) memobilisasi pencari-pencari kerja di Sabah ke negeri-negeri lain yang memerlukan pekerja. Dalam tahun 1998 seramai 1,329 orang pencari kerja dari Sabah telah berjaya ditempatkan di kilang-kilang di Semenanjung Malaysia;
- (ii) menambah bilangan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jabatan Tenaga Rakyat di negeri Sabah supaya lebih ramai pencari kerja diberi latihan kemahiran sebelum memasuki pasaran buruh dan ini akan menambahkan peluang pekerjaan mereka. Sebagai langkah permulaan, sebuah ILP baru telah mula dibina di Sabah pada tahun 1999 dan dijadual untuk disiapkan pada tahun ini;
- (iii) meningkatkan aktiviti bimbingan kerjaya kepada para pelajar dan pencari kerja supaya mereka memilih pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran mereka dan mengurangkan sikap terlalu memilih pekerjaan;
- (iv) menyebarkan maklumat pasaran buruh seperti kekosongan jawatan dengan lebih kerap dan meluas melalui media cetak dan elektronik supaya pencari-pencari kerja mengetahui di mana dan jenis pekerjaan yang wujud;
- (v) meningkatkan keberkesanan pendaftaran pencari kerja dan kekosongan jawatan serta pendapatan pencari kerja ke dalam jawatan kosong.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tempoh hari Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan bahawa bulan hadapan iaitu bulan Mac ada tiga buah kilang elektronik yang besar akan ditutup di negeri Kedah. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu dengan penutupan kilang elektronik yang besar di Kedah ini, berapa ramaikah pekerja ini akan mengalami pengangguran dan bagaimanakah kerajaan hendak mengatur supaya pekerja-pekerja yang menganggur ini mendapat pekerjaan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan ini nampaknya khusus untuk Sabah.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpujulah kepada Menteri untuk menjawab. Sila Menteri, kalau hendak jawab.

Tuan Lim Hock Seng: Perenggan yang kedua kalau baca soalan ini....

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini khusus untuk negeri Sabah.

Tuan Lim Hock Seng:langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan pengangguran dan bukan ditujukan kepada negeri Sabah sahaja.

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpujang kepada Menteri.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan ini memang silap ini. Yang saya kata ialah kilang di Pulau Pinang, bukan di negeri Kedah dan Kementerian Sumber Manusia telah wujudkan satu *One-Stop Agency* untuk menentukan bahawa segala bantuan dan pertolongan yang kita boleh beri, kita beri supaya pekerja-pekerja yang akan terjejas akan diberi bantuan. Ini adalah Kerajaan Barisan Nasional, ini adalah sikap kami. Kita bukan cakap sahaja. Kita beri, bukan seperti Yang Berhormat daripada pembangkang ini.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada kementerian, adakah kehadiran pendatang asing yang ramai di Sabah menyebabkan kekurangan jawatan, kekurangan kerja-kerja dan peningkatan kadar pengangguran di Sabah. Adakah itu antara sebab ianya berlaku. Sekian.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasarnya memang tidak mungkin kerana dasar kerajaan ialah memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan di mana majikan diperlukan untuk memberi – bukan sahaja memberi keutamaan sekiranya ada pekerja tempatan, kita mestilah bagi mereka peluang untuk mengisi kekosongan itu. Namun demikian terdapat dalam banyak bidang, khususnya di bidang pertanian dan sebagainya – sungguhpun ada pekerja tempatan tetapi mereka tidak sanggup, tidak ingin untuk menceburi bidang tersebut. Jadi pihak majikan diberi peluang untuk menggunakan tenaga pekerja asing. Itu sahaja.

12. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) berapa anggaran sebenar projek Kemasin-Semerak di Pasir Puteh, Kelantan dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan hingga kini; dan
- (b) apakah sebab projek Kemasin-Semerak ini mengambil masa yang begitu lama untuk menyiapkannya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di -Pertua,

- (a) kos projek Kemasin-Semerak, Kelantan, dianggarkan sebanyak RM576.23 juta iaitu RM162.2 juta bagi fasa I dan RM414 juta bagi fasa II. Jumlah yang dibelanjakan sehingga kini adalah sebanyak RM302.97 juta; dan
- (b) secara amnya sebab-sebab projek Kemasin-Semerak mengambil masa yang lama untuk disiapkan boleh dibahagikan kepada 3 iaitu:
 - (i) Keluasan Projek -
Projek Kemasin-Semerak meliputi jajahan Bachok, sebahagian jajahan Kota Bahru dan jajahan Pasir Puteh yang melibatkan kawasan seluas 78,350 hektar;
 - (ii) Teknikal -
Ia melibatkan 4 komponen utama iaitu tebatan banjir, pengaliran, pengambilan balik tanah dan pembangunan pertanian;

- (iii) Kewangan -
Kos pelaksanaan yang terlibat adalah sangat tinggi.

Berasaskan kepada faktor-faktor tersebut, pelaksanaan projek ini perlu dibahagikan mengikut fasa bagi memudahkan perancangan serta penyediaan peruntukan. Fasa I yang meliputi jajahan Bachok dan sebahagian jajahan Kota Bahru telah dimulakan pada tahun 1982 dan siap pada tahun 1991. Fasa II pula telah dilancarkan pada tahun 1989 dan dijadualkan siap pada tahun 1999. Walau bagaimanapun pihak kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan beberapa komponen tebatan banjir dan skim pengairan projek ini berikutan dengan kegawatan ekonomi yang dialami pada tahun 1997 sehingga tahun 1998.

Oleh itu pelaksanaan projek ini telah disemak semula dan dijadualkan siap pada tahun 2007 tertakluk kepada peruntukan yang akan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan seterusnya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Oleh kerana ini terlalu lama untuk disiapkan iaitu kemungkinan sehingga tahun 2007 sedangkan ianya dimulakan tahun 1982 makna kira-kira lebih kurang 20 tahun lebih. Adakah kerajaan sedar bahawa sebahagian besar rakyat khususnya petani menghadapi masalah untuk mengusahakan tanah mereka dan adakah kerajaan akan membayar ganti rugi terhadap kos menunggu, dengan izin, *work waiting cost* pada petani-petani yang tidak dapat mengusahakan tanah mereka lebih kurang 20 tahun itu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa projek ini terbahagi kepada dua fasa, fasa I dan fasa II. Fasa I yang meliputi kawasan lebih kurang 1000 ekar telah pun siap sepenuhnya manakala fasa II dijangka dapat disiapkan pada tahun 2007 nanti. Tujuan projek Sem Erak-Kemasin dijalankan ialah dengan tujuan untuk menjadikan kawasan ini sebagai kawasan jelapang padi yang boleh menyumbang kepada keperluan beras negara, itu tujuannya. Jadi, petani-petani di kawasan ini yang dulunya menanam padi sekali setahun sekarang boleh menanam padi dua kali setahun, sudah tentu hasil padi dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung pendapatan petani juga dapat dinaikkan.

Walaupun keseluruhan fasa II belum disiapkan tetapi para petani di kawasan ini masih boleh mengusahakan tanaman padi bukan dua kali setahun tetapi sekali kali. Jadi kita ingin mengubah cara penanaman padi di kawasan ini yang dulunya ditanam secara mencedung, sekarang matlamat kita supaya ia boleh ditabur terus, padi di kawasan ini boleh diusahakan secara perladangan dengan menggunakan jentera dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ini tidak habis lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sikit.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Nanti saya tidak habis lagi hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri sedang jawab

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Penjelasan daripada jawapan. Bukan soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Samalah

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri sedang jawab.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kejaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggulah, menteri jawab.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Jadi kita tengok kerajaan pusat telah membelanjakan peruntukan yang cukup banyak bagi faedah para petani walaupun

para petani itu datangnya dari negeri Kelantan yang tidak memilih parti Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa soal jawab telah cukup.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan fakta.

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa soal jawab telah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 10 dan 13 hingga 22 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN
(TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tata tertib dan penganan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang Persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

‘Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Petua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh”. [21 Februari 2000]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin akan

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun] 11.05 pagi.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 30(4)(c)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila baca.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengikut peraturan 30(4)(c) menambah perkataan-perkataan berikut kepada usul yang dibahaskan sekarang. Penambahannya ialah

“Dan membuat ketetapan bahawa Dewan yang mulia ini ;

- (a) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen semua parti untuk menjalankan siasatan terhadap dakwaan pemberian komisyen atau *kickback* misteri sejumlah RM10.6 juta kepada Telekom Malaysia; dan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Duduklah. Dia baca tidak ada notislah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu saya sudah tengok ini peraturan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Ada notiskah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: kalau hendak buat usul tu kena buat dan hantar

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Ini tidak boleh dibenarkan membaca. Kalau ada notis dibenarkan membaca.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Rompin, itu kena hantar awallah. Kita akan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Kalau tidak hantar awal, tidak boleh baca.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Dia ada.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Saya pun hendak baca juga ini, ada usul juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat dia hendak menjelaskan apa maksud dia tetapi kalau dia hendak baca usul itu saya tidak benarkanlah. Jadi kalau dia hendak hantar, kalau dia hendak mengemukakan usul ini dia kena hantar awallah.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, pemindaan ini tidak perlu notis, walau bagaimanapun saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini sedangkan – kadangkala satu, dua patah perkataan kita hendak pinda pun kita buat usul awal dan kita akan bantangan dalam Majlis ini. Apatah lagi kalau usul yang panjang ini sudah barang tentu mesti dihantar lebih awal. Itu penjelasan saya.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 30, ia tidak mengatakan ia perlu notis. Walau bagaimanapun

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak. Ia tertakluk kepada yang lain. Kalau Yang Berhormat baca satu ini sahaja

Puan Chong Eng: Yang mana, yang mana Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada. Kepada usul tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia adalah tertakluk kepada kuasa, kuasa kita yang lain. Apabila hendak mengemukakan usul mestilah dikemukakan awal

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, ini pindaan kepada usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau gunakan ini memanglah berterusan, tidak menjadi maknalah.

Tuan Kerk Kim Hock: Peraturan berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia ada peraturan tertentu, mesti 24 jam kita mesti kemukakan. Saya tidak dapat hendak pastikan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan 26(1)(a). Maka tidak perlulah notis dibagikan untuk membolehkan Yang Berhormat Bukit Mertajam di atas peraturan 34(c) membawa pertambahan perkataan-perkataan kepada usul yang sedang dibahaskan tertakluk kepada 26(1)(a).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini kita telah bangkitkan dahulu. Kita telah juga tidak menerima sebab perkara ini kalau hendak usul yang tertentu mestilah dikemukakan awal. Jadi nampaknya yang ini pun serupa itu juga, jadi saya tidak boleh terimalah.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua telah keliru dengan peraturan 28 untuk rang undang-undang bukan untuk usul, sekarang ialah usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Usul mengikut perkara berapa, kita mesti hantar 24 jam sebelum kita membuat keputusan. Sekarang ini maknanya Yang Berhormat terus membaca ketika ini jadi kita tidak boleh terimalah.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, kita pertikaikan, keputusan telah dibuat kelmarin dan kita hendak tahu apakah peraturan yang digunakan untuk memaksa kita berikan notis sebab ini tidak sama. Itu usul, ini bukan. Ini hendak buat pindaan kepada usul yang telah dibentangkan dan saya rasa dia berhak untuk berbuat demikian. Biarlah kita dengar apa dia punya cadangan dan kita putus dengan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Saya tidak bersetuju, kalau di sana berhak meminda saya pun boleh meminda.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Memang benda itu kita dah buat keputusan.

Tuan Kerk Kim Hock: Itu kuasa Tuan Yang di-Pertua, tetapi berikan sebab yang munasabah, peraturan berapa kita perlukan notis? Kita pertikaikan apa yang telah dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua kelmarin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah itulah keputusannya.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak di mana peraturan yang kita boleh patuhi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya keputusan telah dibuat dahulu.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, peraturan berapa itu? Tidak, apa boleh buat keputusan tetapi kena munasabah, mana satu peraturan yang dikatakan kita tidak boleh berbuat demikian.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Point of order.

Datuk Dr. Rais bin Yatim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri ya.

Datuk Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 30(1), bahasanya sangat mudah, izinkan saya bacakan, "*Pada masa sesuatu usul itu dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat, bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.*"

Tuan Yang di-Pertua, yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi tidak berkaitan dengan usul tersebut. Yang kedua, perkataan '*bolehlah dicadangkan*' bukanlah sesuatu yang mandatori tetapi tertakluk kepada kuasa Tuan Yang di-Pertua, justeru atas kedua-dua alasan itu, Tuan Yang di-Pertua harus menolak usul tambahan tersebut kerana tidak berkaitan dengan usul yang asal.

Puan Chong Eng: Peraturan 31(2)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti saya jawab dululah. Saya jawab dululah. Kalau hendak berbincang mengenai peraturan saya kira semua orang mempunyai pandangan yang berlainan tetapi kuasa Pengerusi memang ada hak membuat keputusan. Jadi apabila dibangkitkan dengan demikian rupa dan kita berpandu kepada pandangan-pandangan yang diterima dan juga kita berdasar kepada peraturan yang ada maka sebab itulah Kerusi membuat keputusan demikian rupa. Jadi janganlah diungkitkan lagi, kalau sekiranya dah buat keputusan, kita telah memerhatikan daripada peruntukan-peruntukan dan perkara-perkara tertentu maka pengerusi berpendapat bahawa perkara ini tidak boleh diterima dan ditolak. Inilah keputusannya. Kalau hendak bicara, serupa bicara di mahkamah, ini bukan mahkamah, kalau mahkamah kita bolehlah berhujah orang ini begini dan begini, sekarang ini kita dah masing-masing membuat pandangan kemudian Pengerusi membuat keputusan maka Pengerusi membuat keputusan perkara ini ditolak maka ditolaklah.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita dimaklumkan bahawa notis ini telah pun diberi pada 19 Februari kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, duduk. Saya dengar Yang Berhormat sendiri telah berjumpa dengan Pengerusi – sila duduk – dan sudah barang tentu sudah memberikan penjelasan selain apa yang dijelaskan dalam Dewan ini maka Pengerusi ataupun Tun sendiri telah memberi keputusan yang diputuskan dahulu dikekalkan. Jadi kita kena akur lah keputusannya itu [3 orang ahli DAP bangun] Cukuplah dan saya telah memberi keputusan cukuplah. [Disampuk] kalau tidak ini perbicaraan namanya.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Point of order 32. Ini saya, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong duduklah dulu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Point of order 32. Boleh saya baca point of order 32.

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin duduk dulu dan Tanjong Karang duduk dulu. Kepong pun bukanlah ada mendengar berita ini baru ini. Saya tidak tahu berapa penggal dia sudah duduk dalam Dewan ini [Ketawa] Jadi dia pat ut fahamlah. Janganlah mengambil peluang ketika ini hendak menunjukkan jaguh. Jadi saya berharap Kepong pun samalah, bila saya membuat keputusan patutnya dia lebih fahamlah, janganlah buat pura-pura tidak faham Kepong. Saya kira duduklah Kepong. Duduklah Kepong, duduklah Kepong. Kita bicara semula. Sila duduk Kepong, sila duduk. Saya hormat Kepong tetapi saya minta duduk. Tolong hormat saya Kepong

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...tolong hormat saya Kepong. Saya kata duduk, duduklah. Sebab kita sekarang ini mengenai dengan peraturan, sebab itu saya tahu memang Yang Berhormat hendak bercakap pun mengenai peraturan, keputusan telah saya buat sebab itu saya minta Yang Berhormat duduk. Terima kasih. Teruskan Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Terima kasih,

[Beberapa ahli bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya hendak menjelaskan di sini selepas selesai Yang Berhormat bagi Rompin membuat ucapan menteri-menteri akan menjawab. Silakan Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih.
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Saya faham tetapi kalau saya benarkan semua tidak boleh selesailah. Yang Berhormat ada masa untuk membahaskan dasar selepas budget ialah selama tujuh hari, kemudian Yang Berhormat boleh bercakap mengenai dasar jawatankuasa mengenai belanjawan, boleh bercakap selama 12 hari. Yang Berhormat pula boleh bercakap mengenai rang undang-undang dan urusan kerajaan selama kalau tidak silap saya enam hari.

Jadi, banyak lagi peluang. Yang Berhormat pun baru masuk kali ini. Kita banyak lagi penggal-penggal yang akan diadakan pada masa akan datang. Jadi, bolehlah hendak bercakap. Jadi, keputusan saya – saya teruskan supaya Yang Berhormat bagi Rompin menyambung lepas itu menteri menjawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan tidak menghormati Setiausaha Agong DAP

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:lepas ini Setiausaha Agong ...

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidaklah, sebab itu saya buat keputusan. Sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat bagi Rompin pun duduk, duduklah. Ini pun lama juga dua kali masuk ke dalam Dewan yang mulia ini. Saya bukan tidak tahu, sudah dua kali masuklah, mula dia masuk, lepas itu dia keluar, masuk balik. [Ketawa]

Kita...Tun pun sudah beritahu sebelum ini – dia sudah beritahu, Pengerusi sudah beritahu bahawa kita bahaskan Titah Ucapan sekian hari kemudian kita ada budget sekian hari dan peluang untuk bercakap cukup banyak. Saya lihat apa yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat mengenai membahas Titah Ucapan semuanya kadangkala berlapis-lapis sampai empat, lima kali lapis. Jadi, saya membayangkan cakap mengenai budget perkara itu juga yang akan diulang.

Jadi, apalah sekiranya kalau Yang Berhormat boleh mengambil masa berucap dalam membahas Dasar Belanjawan dan juga Jawatankuasa Belanjawan. Itu sudah kita buat keputusan dan itu juga kita bermohon kepada Yang Berhormat. Saya percaya itulah keputusan saya. Sila Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan berapa?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Kerk Kim Hock: tidak beri hak kepada orang lain berucap. Saya hendak berucap, saya korbankan masa saya untuk Ahli Parlimen baru saya. Dia orang pun tidak dapat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ialah memang masa sudah cukup tidak dapatlah.

Tuan Kerk Kim Hock: Amalan tradisi ialah enam hari, apakah sebab tiba-tiba jadi empat hari. Ini Parlimen bermesyuarat pertama, berilah peluang kepada orang lain

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, ini Kerusi sudah buat keputusan.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Hay, duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, ini dikatakan – Tun katakan ini hak Perdana Menteri, sampai

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Duduk.

Tuan Kerk Kim Hock:hari ini kita tidak dapat satu jawapan daripada Perdana Menteri

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, cukuplah saya sudah beritahu

Tuan Kerk Kim Hock:ini hak kita untuk berucap.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah beritahu

Tuan Kerk Kim Hock:ini semua keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah buat ruling

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock:kuasa tertakluk kepada peraturan.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. [*Disampuk*]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: [*Mengangkat buku Peraturan Mesyuarat*] Point of order ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. [*Disampuk*] Banyak masa lagi, boleh duduk, semua boleh duduk. Yang Berhormat bagi Rompin pun duduk juga.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Hoi, tidak mahu ikut peraturan *you* keluarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *You*, atas apa *you bangun?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah, saya bukan hendak buat

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ada Point of order ini. [*Disampuk*]

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Fu Ah Kiow: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya kenal sebab itu saya bercakap demikian rupa. Jadi, saya minta duduk, duduklah. Ya.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa lagi duduklah.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa peraturan lagi, kalau berbangkit dengan perkara ini cukuplah, saya sudah buat keputusan.

Puan Chong Eng: Peraturan 31 yang

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa, duduklah.
[Sorak]

Seorang Ahli: Dipanjangkan satu hari.

Puan Chong Eng:Yang Berhormat Menteri yang mengatakan ini berkaitan dengan usul. Saya terperanjat adakah perkara ini tidak berkaitan dengan apa yang telah dibahaskan di dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah ada ruling, kita patuhlah, kita sudah keluar ruling.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahu bahawa Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk membuat ruling tetapi ruling ini mesti berdasarkan peraturan dan saya merasakan bahawa yang saya tidak dibenarkan untuk meminda, mengikut Peraturan 3(4)(c), ialah salah ruling kerana di dalam peraturan ini tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, kalau hendak dipertikaikan Yang Berhormat memang banyak tetapi keputusan kita buat berpandukan kepada beberapa peraturan

Puan Chong Eng:tidak dikatakan di dalam ini mesti ada notis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jadi, duduklah [Disampuk] Yang Berhormat, duduklah, duduklah. Cukuplah, cukuplah. [Disampuk] Saya sudah cakup.

Puan Chong Eng:Saya tidak boleh faham mengapa tidak boleh membuat satu perubahan di sini kerana ini memang merupakan perkara yang penting kepada negara ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah buat keputusan yang dibuat dahulu dan tidak dibenarkan

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Fu Ah Kiow: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...itu dia. Saya mesti akur kepada apa keputusan kecuali kalau kita fikirkan kemudian, itu bab lain. [Disampuk] Tetapi ketika ini kita sudah [Disampuk] buat keputusan demikian, maka demikianlah dahulu. Jadi, sila duduklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Rompin teruskan ucapan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Marilah kita tunjukkan kematangan kita

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sambung terus Yang Berhormat bagi Rompin, kemudian

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ... [Disampuk] dalam Dewan yang mulia ini. Janganlah menggunakan klaus-klaus yang diputarbelitkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin sambung.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lepas itu Yang Berhormat Menteri siap untuk menjawab.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung ucapan *[Disampuk]* tahniah atau menjunjung kasih ke bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ucapan Baginda kita tahu menggambarkan pandangan dan keprihatinan serta komitmen Baginda terhadap isu yang dihadapi oleh rakyat jelata. Ia juga adalah pandangan yang komprehensif dan menggembirakan dalam usaha membimbing negara ke arah mencapai Wawasan 2020.

Pada masa yang sama kita merasa sedih kerana akhir-akhir ini institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seringkali disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan sempit mereka tanpa mepedulikan kesan negatif yang timbul. Pelbagai label diberikan oleh mereka seolah-olah mempertikaikan kewibawaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya yang baru lalu sudah tentu tidak berjalan dengan lancar sekiranya tidak ada penyeliaan yang rapi oleh pelbagai pihak yang bertanggungjawab. Justeru itu, khususnya saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak SPR kerana telah berjaya mengendalikan proses pilihan raya dengan penuh dedikasi, cekap dan telus.

Barang diingat sebelum dan semasa proses pilihan raya baru-baru ini pihak SPR telah dihujani dengan pelbagai bentuk fitnah dan tohmahan oleh Barisan Alternatif termasuk dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini kita dengar, tiap-tiap yang bangun di sana tidak ada lagi apa yang dikata, mesti memfitnah, menuduh SPR termasuk PBS juga – sudah tinggal tiga orang pun masih bising lagi dalam usaha mereka memperolehi keuntungan politik.....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...*[Ketawa]*
[Disampuk] Sebagai contohnya mereka menuduh SPR berat sebelah, sengaja mengadakan penyelewengan pada kertas undi

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Beri jalan dulu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: beri habis dahulu, injury time saya beri, belajar daripada sebelah sana. membenarkan undi hantu dan pelbagai fitnah yang jahat yang boleh mengugat kewibawaan SPR.

Sebenarnya, pihak PAS sendiri yang cuba menyelewengkan SPR, menghasut mereka supaya membawa mereka ini menyokong atau memihak kepada mereka. Macam saya sendiri sebagai contoh, tidak mahu bahas banyak tentang perkara ini. Satu contoh, di peti undi Keratong Sembilan, kawasan Parlimen saya, hari mengundi dalam pukul 10.00 pagi saya melawat peti-peti undi sebagai biasa. Amat terkejut sekali saya melihat di dalam peti undi satu dan dua, ejen pilihan raya sepatutnya dua dari Barisan Nasional, dua PAS bagi satu saluran, ya

Amat terkejut sekali saya dapati tidak ada seorang pun wakil Barisan Nasional, hanya kedua-duanya PAS. Yang anehnya apabila saya datang sendiri, saya hendak membawa ejen saya tidak dibenarkan dan saya difahamkan mereka ditahan kerana masuk dua minit lambat. Ya, inilah kita hendak bertanya kepada sebelah sana, hendak menuduh itu satu jari, tiga lagi kepada diri sendiri, jaga-jagalalah. *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, ya *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Itu tidak adillah, itu salah SPR.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Janganlah selalu Yang Berhormat terkeliru, sifat gajah kadang-kadang tersalah cakap,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, mewakili Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan

Tuan Lee Kah Choon: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *'injury time'lah*, saya beri *injury time* saya hendak habiskan dahulu, saya jemput Jelutong kemudian. Ini kawan minta maaf, kena minta maaf kawan ini.

Mewakili Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku nakhoda Barisan Nasional yang telah berjaya mengemudikan bahtera Barisan Nasional dalam mengharungi Pilihan Raya Umum baru-baru ini. Begitu juga dengan keseluruhan jentera petugas pilihan raya Barisan Nasional yang telah berkerja bertungkus-lumus, petang, siang dan malam dalam usaha menangkis fitnah dan tohmahan daripada pembangkang yang sebelah sana itu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Sekejap ya.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:orang baru.

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:saya belajar daripada yang pagi tadi, dia kata *injury time*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: orang baru.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: saya akan beri *injury time*. Saya diajar oleh sebelah sana, *so* berilah saya habiskan dahulu, insya-Allah saya akan timbangkan. Alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, kita berjaya dalam suasana negara sedang mengalami dua kegawatan, belum lagi pernah negara kita mengalami pilihan raya dengan dua kegawatan sekali. Kalau tahun 1975, tahun 1976 dahulu kegawatan ekonomi sahaja tetapi kita berjaya dengan cemerlangnya dalam suasana negara menghadapi dua jenis kegawatan iaitu kegawatan ekonomi dan politik.

Umum mengetahui kegawatan ekonomi, kita semua sedia maklum adalah berpunca daripada angkara George Soros yang sekarang ini sudah jadi kawan PAS – tidak tahulah bila dia hendak berkawan dengan PAS sekarang ini? Tidak tahulah, mungkin nanti Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu boleh minta sedikit George Soros punya fund untuk membantu anak buahnya di Terengganu. Saya tidak tahulah, dia hendak timbang tentang perkara itu. Yang kita tahu bahawa George Soros foundation begini didalangi oleh kuasa Amerika, tahu peranan George Soros dalam fund mereka di Russia, kita tahu. Hendak mengekalkan pasaran kononnya atas apa yang berlaku kepada ekonomi Russia. Kita tahu semuanya.

Amerika takut dengan kebangkitan kuasa ekonomi Asia yang boleh bersaing dengan mereka dan mereka angkuh tidak dapat menerima kritikan Timur tentang dasar mereka yang berbentuk hegemony yang baru dalam dunia unipolar, tiada lagiimbangan kuasa seperti yang dahulu oleh Russia. Kalau dahulu mereka menggunakan senjata tentera seperti di Vietnam, Latin Amerika contohnya Panama. Sekarang mereka menggunakan senjata kuasa ekonomi wang untuk menguasai dunia. Mengajar, tidak terbuka, cuba mengajar yang mengkritik mereka, menunduk pesaing dan pengkritik mereka dengan kuasa ekonomi dan kuasa wang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh pelaburan di Iran dan Sudan, keangkuhan Amerika boleh kita lihat dalam isu pelaburan petroleum dalam industri minyak di Iran. Mereka menggunakan undang-undang domestik mereka, *ex-territorial* mereka untuk menghalang penglibatan Petronas di Iran. Siapa itu Petronas? Industri terbesar minyak di negara kita, 60,000 saya difahamkan pekerjaanya, banyak manfaat oleh rakyat Malaysia tetapi siapa yang menghalang untuk mereka membesar dalam perniagaan mereka ialah Barat, Amerika yang takut dengan

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:peranan Petronas boleh bersaing dengan syarikat-syarikat besar minyak mereka. *Injury time*, *please you don't mind*, dengan izin.

Tuan Kerk Kim Hock: *Injury time.*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada *injury time*, tidak adalah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya timbanglah, insya-Allah. *[Ketawa]*

Nasib baik rakan kongsi Petronas adalah satu syarikat Peranchis yang tidak takut dan malu untuk tidak bersetuju dengan Amerika. Kalau tidak nanti, kita tidak tahu juga bagaimana, apa tindakan Amerika? Mereka tunduk *backdown* tidak berani mengambil tindakan sebab ada kuasa Peranchis yang juga tidak bersetuju cara mereka melaksanakan undang-undang domestik mereka ke negara-negara yang lain.

Saya tidak tahulah pihak PAS, mahu surrender kita punya *sovereign rights*, kalau depan Amerika, sebab saya bimbang ini ucapan-ucapan semalam itu. Suara-suara itu macam kita dengar, suara petikan media-media kepunyaan Barat.

Baru-baru ini kita dengar Amerika cuba pula menghalang penyertaan Petronas kita di Sudan. Ini satu lagi contoh mereka cuba menghalang kemajuan satu syarikat negara membangun, negara Asia dan satu syarikat minyak yang mungkin boleh bersaing dengan syarikat besar mereka. Itu dari segi Amerika sanggup menggunakan kuasa ekonomi, kuasa wang mereka tetapi mereka juga kadang-kadang menggunakan secara dahulu kuasa tentera mereka dan the military might, kadang-kadang dia menggunakan juga mereka. Mereka menggunakan juga kuasa tentera mereka

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:kita lihat di Iraq atas alasan untuk mereka ini menghapuskan senjata-senjata kimia, berapa puluh ribu anak-anak, bayi-bayi mati kerana Amerika menghalang daripada ubat-ubat dihantar ke Iraq. Bila ada sedikit, terus bom Iraq atas alasan kononnya mereka ini tidak sanggup memberikan mereka itu menyiasat ataupun melihat tempat-tempat senjata kimia kononnya, mengebom satu negara yang tidak mampu, tidak ada kuasa tentera langsung yang boleh bersaing dengan mereka.

Ini penganiayaan yang kita boleh lihat sendiri. *So*, tolongalah sebelah sana hendak main politik pun kita jaga prinsip jugalah. Baru-baru ini kita lihat sendiri walaupun mereka menyokong negara satelitnya di Timur Tengah iaitu Israel untuk mengebom Lebanon. Bayangkan kezaliman mereka ini yang sanggup – tolong rakan-rakan saya ini dari PAS yang baru, yang saya anggap agak intelektual juga, *so please don't compromise your principal for the sake of party politic*.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, peraturan

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:dengan izin, bayangkan kezaliman mereka yang sanggup untuk mengebom

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Peraturan, peraturan. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Yang Berhormat bagi Rompin duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peraturan berapa?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: 36(6). "*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain*". *[Disampuk]* Yang jelas di sini *[Menunjukkan keratan akhbar]* terpapar dalam akhbar kedatangan USS John Stanis di mana dengan jelas

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:dia hendak beri hujah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:menunjukkan sikap *double standard* kerajaan yang ada sekarang..... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cukuplah.

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, sila duduk.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:yang dilakukan oleh pemerintah yang ada sekarang.

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Yang Berhormat bagi Rompin

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat sendiri yang memuji Amerika Syarikat tetapi apabila kapalnya datang, marah pula. *[Disampuk]* Saya kata elok Yang Berhormat menunggu kapal itu sampai kerana Yang Berhormat yang memuji Amerika. Apa yang marah pula?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sepatutnya kalau kita memuji mereka dalam suara yang saya dengar semalam boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu hendak minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, *injury time* saya beri, belajar dari sana.

Mereka bayangkan kezaliman mereka ini. Barat didalangnya melalui Israel sanggup mereka mengebom janakuasa elektrik dalam musim sejuk, bom kuasa elektrik dalam musim sejuk. Kuasa elektrik kita perlukan untuk hidup daripada kematian, daripada kesejukan. Ini peranan mereka dan kita masih mahu puji kepada mereka, Alhamdulillah, Astaghfirullah Halazim.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tentang kezaliman

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: tiada perkemansiaan, biar saya habislah dahulu. Yang Berhormat baru masuk releks dahulu

Tuan Husam bin Haji Musa: Rumah bekas Timbalan Perdana Menteri

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri laluan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:apabila sudah habis ucapan, bila Yang Berhormat baru masuk biarlah dengar dahulu baru Yang Berhormat bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Rumah bekas Timbalan Perdana Menteri kena potong elektrik lepas dia kena pecat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Beri saya habis dahulu Yang Berhormat. Jangan cepat hendak marah, anak muda ini kita kena jaga adab kita, cara kita supaya kita tidak tergelojoh. Begitu juga kezaliman sikap tiada perikemansiaan mereka terhadap bangsa Palestine, kita sedia maklum.

Tahun ini amat terkejut bila PAS memuji Amerika, saya – perkataan yang dipanggil menuduh kononnya *Malaysian foreign bogey bashing the West*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan digunakan Yang Berhormat bagi Rompin daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peraturan apa?

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan mesyuarat 36(6).

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya katakan ini petikan daripada

Tuan Husam bin Haji Musa: “*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa ahli-ahli lain*”.

Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepada siapa?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Adoi, duduklah dahulu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada atau apa sangkaan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sangkaan jahat itu umum yang

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, kalaulah Yang Berhormat menuntut supaya kita ada demokrasi dalam negara ini

Tuan Husam bin Haji Musa:sangkaan jahat ini ada satu unsur politik

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mahu menuntut supaya Malaysia ada demokrasi, Yang Berhormat bercakap dua, tiga hari dahulu, berilah peluang kepada saya menjawabnya. Barulah kita kata demokrasi. Kalau saya hanya hendak puji apa Yang Berhormat kata, ini sudah satu pandangan yang sama. Tidak semestinya kita sebagai di sini, kita tidak boleh bersama.

Tuan Husam bin Haji Musa: 26(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 26(6). Orang yang membuat sangkaan jahat tidak boleh kerana dia tidak ada fakta. Demokrasi tidak memestikan orang boleh tuduh sebarang, dia kena ada fakta. Ini Parlimen, ini bukan kedai kopi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Ketawa] Tidak ada. Ini kalau sudah rasa, kalau sudah makan cili rasa pedas. Itulah bendanya sebab saya nampak perkataan yang dipanggil kononnya menuduh kita *foreign bogey bashing the west*, saya nampak

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan masalah pedas, tidak pedas tetapi masalahnya ialah ini tidak ada dalam fakta. Fakta tidak ada fakta, kalau ada fakta silakan. Kalau tidak ada fakta tidak usah cakap di Parlimenlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, ingin saya ingatkan lagi hanya lima minit untuk Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, betul. [Ketawa] Ini dia kata habis dahulu dan mengatakan kami *foreign bogey bashing the west* ini macam petikan yang PAS pakai, *exit*, dengan izin, *the mouth piece of Asiaweek* Timur dan media Barat. Adakah ini perjuangan PAS? Kononnya, Islam tetapi apa? Kita menjadi cakap-cakap media Barat. Saya terkejutlah kalau ini caranya kepimpinan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan politik pula tadi ekonomi. Kita juga berjaya dalam kegawatan politik akibat daripada parti PAS, parti belah sana mengeksploitasikan isu serpihan akibat daripada peristiwa Anwar Ibrahim. Kalau dahulu mereka menggunakan sepenuhnya isu Tengku Razaleigh untuk menawan Kelantan, sekarang dia mengeksploit pula sepenuhnya isu Anwar Ibrahim yang digunakan untuk menawan Terengganu. Mereka menggunakan fitnah, hasutan agama, apa-apa taktik yang diharamkan – semuanya diharamkan, yang kotor pun diharamkan untuk menghasut pemikiran orang Melayu supaya membenci UMNO.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau benar ia jujur, ingin membela Anwar Ibrahim mengapa tidak menjemput

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan mesyuarat siapa yang bahas

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:penyokong-penyokong Anwar Ibrahim memasuki PAS sahaja. Ini apa peraturan ini? Saya terus [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin sila duduk dulu. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian – peraturan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak payah baca teks, dia kena mengadap Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Allah, ini maka kalau betul-betul ikhlas untuk membela pengikut-pengikut Anwar Ibrahim mengapa tidak menubuhkan – membawa mereka masuk ke dalam PAS. Macam dahulu kalau Tengku

Razaleigh melalui Parti Semangat 46, Anwar Ibrahim daripada Parti KeADILan. Sebenarnya PAS menggunakan KeADILan seperti mereka juga menggunakan Semangat 46 sebagai batu loncatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Belum. Kacau dia orang tadi. Saya hendak terus pergi kepada isu-isu yang dikatakan baru. Saya kalau yang benar itu benar juga, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli parlimen termasuk yang di sebelah sana. Syabas! Muka-muka baru atas kejayaan mereka memenangi kerusi-kerusi Parlimen baru-baru ini. Tahniah.

Yang baik itu, yang benar itu benar juga. Tetapi kemenangan ini yang sebenarnya membuktikan bahawa sistem demokrasi di Malaysia ini bukan sahaja wujud malah tetap subur dan akan terus berkembang. Tetapi tolonglah, dalam Parlimen ini macam tadi saya sudah ucap selamat datang tolonglah belajar sedikit peraturan-peraturan Parlimen, tunjukkan sahsiah yang baik dalam Parlimen, perlu belajar sedikit, bukan macam tadi dalam soalan tambahan pun hendak tanya lagi minta penjelasan. Itu nasihat. Setiausaha Agung itu tolong bagitahu anak buah sana janganlah memutarbelitkan undang-undang tubuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin sila gulung.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang terakhir saya gulung. Dua, tiga isu tempatan kalau saya tidak sebut saya tidak menjalankan tugas saya sebagai ahli Parlimen Rompin. Baru-baru ini saya di Tioman, keputusan bahan makanan kerana angin yang kuat, ombak yang besar. Terima kasih kepada Kementerian Pertahanan mengangkut barang makanan dari Rompin ke Tioman. Syabas dan terima kasih. Kita minta juga kalau boleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar tengok sedikit, banyak chalet dan rumah-rumah itu rosak akibat ombak yang besar, angin yang kuat. Mungkin kalau timbang sedikit tentang ganti rugi mereka.

Hari ini tentang pembangunan usahawan banyak kita dengar kegawatan baru-baru ini banyak usahawan-usahawan yang menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi dan kewangan. Saya tertarik dalam pembangunan usahawan ini kita perlu mendekati satu pendekatan yang baru. Saya hendak *quote*, ini keluar dalam *Utusan Malaysia* hari ini kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya mengucapkan syabas sebenarnya kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini untuk membela usahawan-usahawan baru dengan pendekatan-pendekatan yang baru. Undang-undang yang akan diperkenalkan untuk menggalakkan wujudnya tolak ansur antara penyedia modal teroka atau bank-bank dengan usahawan-usahawan jika berlaku kegagalan dalam perniagaan berteknologi tinggi. Kadang-kadang bank, bila kata dia satu anak muda pengusaha gagal satu terus dia hendak pastikan dia dibankrupkan, terus dibunuh mati. Tetapi kalau pendekatan-pendekatan dalam industri teknologi tinggi biasalah satu-satu *venture* itu tidak pertama kali terus berjaya. Bagi peluang kedua, ketiga, bagi lagi modal kepada mereka supaya mereka berjaya terutama sekali dalam bidang teknologi tinggi, dalam bidang IT. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana satu pendekatan yang baru telah diumumkan untuk membangun dan membela usahawan bumiputera dan usahawan-usahawan tempatan termasuk juga yang bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya itu di luar bandar Orang Asli, luar bandar ini masih ada kelompok-kelompok yang masih kekurangan elektrik, masih tidak ada telefon dan tidak ada jalan raya. Yang paling penting sekali pendemokrasian komputer ini. Kadang-kadang di bandar satu rumah ada dua tiga komputer. Tetapi di kampung satu kampung pun tidak ada.

Saya mengesyorkan supaya diberikan pendemokrasian komputer, tiap-tiap kampung dan penghulu mesti ada komputer yang diletak, mereka juga boleh juga sekurang-kurangnya anak mereka di universiti boleh hantar e-mail kepada ibu bapa mereka di kampung-kampung. Mengapa tidak di JKKR, di JKK itu kampung, JKKR peneroka. Saya banyak peneroka. JKKR diadakan satu PC dan PC itu dihubungkan

dengan internet supaya e-mail dan juga bahawa kemudahan-kemudahan internet komputer orang-orang kampung juga dapat merasai sekali.

Yang terakhirnya, dari segi isu tempatan ialah Orang Asli, dia juga perlu pembelaan. DAP cuba masuk juga dalam Orang Asli tetapi dia tidak lepas. Dia cuba di Rompin baru-baru ini sebelum pilihan raya hendak Orang Asli masuk DAP. Saya jemputlah Yang Berhormat Setiausaha Agung hendak datang ke Rompin boleh, saya tembak ayam atau apa boleh datang bersama. Saya jemput Yang Berhormat bersama. Tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jimatkan masa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebagai merumuskan, kita juga jangan lupa kita mahu pembangunan negara, kita tidak mahu kelompok-kelompok masyarakat mana sekalipun kita tinggal termasuk Orang Asli. Ini k Menteri Pendidikan ada, saya mengambil kesempatan, Tan Sri, yang merisaukan kita dengan Orang Asli ini ialah keciciran yang amat tinggi sekali. Tan Sri sendiri merupakan tokoh akademik dahulu, Naib Canselor. *I was told* daripada mereka yang masuk darjah satu yang ambil SPM, yang ambil Tingkatan Enam tidak lebih daripada 15 peratus. *15% drop-out in six years before* dengan izin, *they even take UPSR*. Keciciran ini kita kena. Tan Sri mungkin boleh mengarahkan pegawai kementerian mencari jalan bagaimana kita hendak menimbulkan kesedaran. Saya rasa dari segi prasarana cukup. Asrama diberi, guru diberi. Dari segi fizikal saya rasa cukup. Tetapi saya rasa dari segi mentalnya, kesedaran mereka bahawa yang boleh menyelamatkan masyarakat Orang Asli seperti juga dulu menyelamatkan orang Melayu ialah cara pendidikan dan ilmu.

Penutupnya Tuan Yang di-Pertua, di era dunia yang global...

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak tutuplah ini, tolonglah...

Tuan Kerk Kim Hock: Sedikit sahaja. Kawan ini macamkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Tidak ada tambahan masa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi tidak ada masa. Bagi saya habislah kalau dekat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Tidak ada tambahan masa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: ..di era yang...minta maaf saya hendak habiskan, kalau tidak, tidak complete saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kawan saya boleh belanja minum selepas ini tidak mengapa. Di era dunia yang global tiada sempadan, yang dunia telah menjadi kampung kecil melalui internet, komoditi ekonomi bukan lagi sumber asli tetapi sumber ilmu. Kuasa modal, dana wang menentu segala-galanya, persaingan persekitaran dunia yang tidak memihak kepada yang kecil sama ada syarikat kecil atau negara kecil, kuasa politik dunia yang ingin mengekalkan dominasi ekonomi mereka seperti mengenakan non-tariff alam sekitar, piawai buruh, human right s dan lain-lain lagi.

Saya merayu kepada semua rakyat Malaysia kawan-kawan di sana termasuk supaya bersatu bagi menghadapi dunia alaf yang baru ini yang lebih mencabar ini. Rakyat Malaysia perlu berganding semua tenaga dan kekuatan, *moves forward*, dengan izin, mari kita mara ke hadapan, *we build on our existing success and breakthrough*, dengan izin. Jika mahu terus selamat dalam dunia era yang amat berbeza alaf ini kita perlu meletakkan perbezaan kita sama ada perbezaan itu sesama kaum dan agama ataupun antara kaum dan agama di kalangan rakyat Malaysia. Kita perlu terus mara ke hadapan membela bangsa, agama dan negara bagi menjamin *survival* anak bangsa dan masa depan negara kita yang kita semua cintai ini.

Sekian, saya mohon menyokong. Wabillahit Taufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila menjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lebih masa diperlukan oleh ahli-ahli Parlimen yang masih belum berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat Seputeh keputusan telah pun dibuat dan

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, memang keputusan itu telah dibuat tetapi ini memang adalah menunjukkan bahawa ruang bersuara dan ruang demokrasi di mana ramai rakan saya di parti saya dan juga dari PAS masih belum diberi peluang berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, sebab-sebab telah diterangkan sebentar tadi .

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi penjelasan itu susah diterima oleh kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya fikir tidak payah dibangkitkan lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sila menjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tapi saya ingin meminta Tuan Yang di-Pertua supaya lebih masa dan peluang diberikan untuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan telah dibuat dan Yang Berhormat boleh berucap minggu depan.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sokong rayuan dari kawan saya di sana. Ini tidak adil. Dulu amalan tradisi ialah enam hari, tiba-tiba dipendekkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan-peraturan yang dibuat di Parlimen ini dan Peraturan 43 keputusan yang dibuat itu.....

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua katakan hak itu ialah hak *Leader of the House*, Perdana Menteri. Kita tidak dapat apa-apa jawapan daripada Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah bangkitkan lagi, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini tidak adil, kita boleh ada kuasa tertakluk kepada Tuan Speaker untuk lanjutkan satu hari. Ada kuasa atau tidak ada kuasa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada sangkut paut dengan ...

Tuan Kerk Kim Hock: Kita ada satu *common stand* lah..Anak buah Barisan Nasional ucap juga. Betul tidak? Kembalikan tradisi sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa yang lama telah digunakan dalam perkara ini..

Puan Teresa Kok Suh Sim: Beri peluanglah orang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang...

Tuan Kerk Kim Hock: Ini tidak sama, ini tradisi mustahak. Dulu enam hari tiba-tiba jadi empat hari..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:dalam Belanjawan setelah dibentangkan, tujuh hari untuk bahas dasar dan sebelas hari untuk Jawatankuasa. Jadi..

Tuan Kerk Kim Hock: Ini semua cakap kosong, tidak demokratik langsung. Mana dia punya rasional?

Tuan Tan Kok Wai: Peraturan mesyuarat, janganlah padamkan alat pembesar suara.

Tuan Kerk Kim Hock: Rompin, kita berdiri sama atas isu ini untuk hak-hak semua orang Barisan Nasional.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya bercakaplah

Tuan Kerk Kim Hock: Boleh, boleh. Saya bukan Speaker, saya bagi boleh.

Tuan Tan Kok Wai: Sudah siap ucap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan sudah dibuat

Tuan Tan Kok Wai: Dengarlah apa yang saya ingin perkatkan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:saya harap semua patuhi keputusan yang telah dibuat itu.

Tuan Kerk Kim Hock: Apa hendak bantah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Barisan Nasional pun ramai yang belum bercakap.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya hendak bagi, saya kata. Semua bagi....

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua buat satu pengiraan, tengok berapa ramai lagi yang berhasrat berucap. Keputusan yang baik bagi Barisan Nasional termasuk juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan telah dibuat, ini keputusan yang telah dibuat....

Tuan Tan Kok Wai: Buat pengiraan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, itu tidak payah. Yang Berhormat sila duduk, sila duduk. Ini Rompin

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya gentleman boleh, saya panggil point of order 43....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa itu?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan, mesti ada pertimbangan. Ruling sudah dibuat, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tradisi enam hari.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dalam masa Belanjawan ada masa yang banyak untuk kita bercakap. Saya pun banyak

Tuan Kerk Kim Hock: You sudah cakap

Puan Teresa Kok Suh Sim: Rompin sudah cakap lebih masa.

Tuan Kerk Kim Hock: Kita panjangkan satu hari, Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara *simple* sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 43.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat 43, sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *“Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih daripada dua hari terlebih dahulu.”* Maksudnya tidak boleh lagi bangkit perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sila jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 14 (d) dan 66(3). Persidangan Parlimen penggal ini adalah yang paling menyedihkan dan paling memalukan. Parlimen sebagai institusi perundangan tertinggi tanah air negara ini tetapi hak dan demokrasi berucap dicabuli ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk, saya akan terangkan.

Tuan Tan Kok Wai: Bukan, saya menerangkan sebab bukan sahaja Titah Diraja dikurangkan daripada enam atau tujuh hari ke empat hari perbahasan sahaja tetapi menurut 66(3).....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk, saya faham apa yang dikatakan Yang Berhormat

Tuan Tan Kok Wai: ...perbahasan belanjawan peringkat dasar selebih-lebihnya sebelas hari dikurangkan sembilan hari dan bagi perbahasan peringkat jawatankuasa dikurangkan dari lapan belas hari ke dua belas hari.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham.....

Tuan Tan Kok Wai: Semua disingkatkan.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 44(2).....

Tuan Tan Kok Wai: Apa itu, saya belum habis lagi....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cepatlah sikit....

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua pun belum membuat keputusan lagi.

Tuan Yang di-Pertua nampak sendiri hari kelmarin begitu ramai ahli-ahli baik pun di sini ataupun di sana yang berhasrat untuk berucap, ramai mereka terutama dari sini yang cerdik dan pandai berucap tidak dapat peluang. Orang muda masuk kali pertama ke sini hati mereka sakit. Tidak dapat peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mereka sanggup bertimbang rasa.

Tuan Tan Kok Wai: Ini paling menyedihkan, memalukan. Dalam sejarah Parlimen tidak pernah berlaku semua peringkat dipotong masa, dibunuh masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras, cukup..cukup..cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Walau bagaimanapun saya minta Pengerusi sebagai orang yang bijaksana yang mementingkan *freedom of speech*....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, betul!

Tuan Tan Kok Wai:mementingkan *freedom of speech*, mementingkan Parlimen sebagai institusi perundangan tertinggi di negara ini memberikan satu keputusan yang baik dan bijaksana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras seorang ahli yang boleh bertimbang rasa, jadi saya rasa Yang Berhormat boleh terima alasan yang telah diberitahu, yang telah dimaklumkan dan keputusan ini muktamad. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sila jawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 44(2). Saya baca 44(2).... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka.... [Disampuk]

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Seorang ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sudah selesai, sudah selesai. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

11.58 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah mengemukakan pandangan mengenai isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskan ucapan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan memberi maklum balas seberapa banyak yang boleh kepada isu-isu permasalahan yang diajukan kepada Kementerian Kewangan. Namun begitu, di mana isu-isu yang tidak sempat saya memberi maklum balas pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Kewangan akan memberi perhatian kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai isu globalisasi yang diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, kerajaan sedar tentang cabaran serta manfaatnya. Begitu juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Dengan pasaran serantau dan antarabangsa menuju ke arah liberalisasi dan integrasi yang lebih luas selaras di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebahagian pasaran barangan dan perkhidmatan dalam negeri yang kini dikuasai oleh pengeluar tempatan akan terdedah dengan persaingan yang lebih sengit dari pengeluar asing. Sekiranya pengeluar tempatan kurang berdaya saing, bahagian pasaran yang kini dikuasai oleh mereka sudah tentu akan terjejas. Sebaliknya sekiranya kita berdaya saing, globalisasi akan mendatangkan pasaran yang lebih besar kepada pengeluar-pengeluar tempatan dan seterusnya memesatkan pertumbuhan ekonomi kita. Justeru itu, globalisasi ialah dengan izin, *double assort*.

Krisis kewangan yang dialami oleh negara-negara serantau sejak bulan Julai tahun 1997 juga menampakkan betapa seriusnya kesan globalisasi khususnya

berkaitan dengan liberalisasi dan integrasi pasaran kewangan antarabangsa, yang mana arah aliran modal jangka pendek boleh bertukar haluan secara besar-besaran dan serentak dengan sekelip mata melalui teknologi maklumat menggugat kestabilan sistem kewangan negara-negara membangun di rantau ini. Justeru itu kita perlu meningkatkan daya saing dan daya tahan negara untuk menikmati manfaat globalisasi di samping meningkatkan keupayaan kita dalam menangani segala cabaran berkaitan dengan globalisasi.

Bagi tujuan ini satu kumpulan pemikir ataupun dengan izin, *think tank* telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan untuk menyediakan pelan strategik bagi membolehkan kita merancang untuk mencakup manfaat globalisasi di samping menghadapi sebarang cabaran berpunca daripada globalisasi pasaran barangan, perkhidmatan dan modal global secara berkesan.

Satu jawatankuasa pemandu juga telah ditubuhkan untuk memandu penggubalan pelan induk ekonomi, untuk mempercepatkan tranformasi ekonomi Malaysia dari sebuah ekonomi berasaskan pengeluaran kepada sebuah ekonomi berlandaskan pengetahuan, agar kita dapat meningkatkan daya saing negara di pasaran global.

Untuk meningkatkan daya tahan negara, kerajaan telah pun melaksanakan berbagai langkah termasuk kawalan modal secara terpilih serta memperkukuhkan sektor perbankan dan korporat melalui penggabungan bank-bank, penubuhan Danaharta, Danamodal, jawatankuasa penyusunan semula korporat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw : Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada kumpulan pemikir dan juga jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah globalisasi ini dan juga termasuk kawalan modal yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kita sedang berusaha untuk menangani bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul kerana globalisasi ini. Setakat manakah kawalan modal yang dilakukan oleh pihak kerajaan ini dapat mengatasi hal ini. Sama ada, Yang Berhormat, kawalan modal boleh mengatasi masalah secara jangka pendek dan kalau jangka pertengahan, jangka panjang, apakah strategi untuk kawalan modal ini memandangkan globalisasi ini memang berubah-ubah dari masa ke semasa.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat ada dijawab kerana tidak keluar pada hari Isnin, soalan mengenai globalisasi

Ingin saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan hanya dapat melaksanakan kawalan pertukaran asing pada akhir tahun 1998 apabila kita dilanda kegawatan ekonomi. Terdapat beberapa faktor kritikal yang dapat memastikan kejayaan apabila kawalan pertukaran dilaksanakan pada bulan September 1998. Berikut adalah faktor-faktor kritikal yang utama ini yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi. Keadaan imbalan pembayaran yang bertambah baik di mana wujudnya lebih dalam akaun semasa daripada defisit yang dialami sebelum ini. Sehingga akhir Ogos 1998, lebih dagangan berjumlah RM32.5 bilion dan akaun semasa pada separuh tahun pertama tahun 1998 sudah mencakup RM15 bilion.

Satu, kedudukan imbalan pembayaran yang kukuh diperlukan untuk melegakan segala tekanan pengaliran keluar modal iaitu hasil daripada pelaksanaan kawalan pertukaran itu tadi.

Keduanya, mengenai kedudukan *reserved* antarabangsa kita yang telah menjadi lebih kukuh dengan jumlahnya yang berada dalam lingkungan A S\$20-21 bilion untuk beberapa bulan. Adalah mustahak bahawa *reserved* antarabangsa adalah cukup untuk melegakan segala tekanan yang mungkin wujud hasil daripada pelaksanaan kawalan pertukaran ini tadi. Dulu Yang Berhormat pun ada mengatakan bahawa tiga bulan tidak cukup. Sekarang ini kita mempunyai *reserved* boleh menampung import tertangguh sebanyak 6.2 bulan.

Pada masa itu kebanyakan modal jangka pendek telah meninggalkan Malaysia. Justeru itu, tahap *reserved* semasa dijangka dapat dikekalkan untuk satu jangka masa yang sederhana, tambahan lagi hutang jangka pendek hanya merupakan separuh daripada *cess reserved* antarabangsa dan ini bermakna Malaysia tidak

menghadapi risiko tinggi dalam keadaan pengeluaran kredit jangka pendek, pada masa itu kira-kira 60% daripada hutang luar negeri mempunyai tempoh matang melebihi tiga bulan. Jadi dengan adanya enam bulan sekarang ini, insya-Allah, kita akan dapat bertahan daripada pressure yang dikenakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berpendapat walaupun ditambah *reserved* iaitu daripada tiga bulan kepada lebih enam bulan adalah satu langkah ke arah yang betul, cuma apakah matlamat pihak kerajaan dari segi *reserved* ini. Sebab saya pada 2-3 tahun yang lepas telah pun menyarankan supaya kita berusaha dengan beransur-ansur meningkatkan *reserved* kalau boleh kepada AS\$100 bilion supaya kita dapat mempertahankan daripada serangan speculator dan sebagainya. Apakah dasar sekarang ini kerana Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya seronok juga menyaksikan tambahan *reserved*, kita memang seronok tetapi ini memang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat di belakang itu bangun. Yang Berhormat bagi Parit Buntar hendak bangun ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada, hendak keluar dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak keluar [*Ketawa*]. Dia berdiri lama sangat.

Dr. Tan Seng Giaw: Keluar dulu. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tadi mengenai kita seronok kerana ada tambah *reserved* tetapi kalau kita meninjau keadaan di sekitar, kita nampak Thailand, Korea Selatan pun ada menambah dan sebagainya. Apakah strategi khas untuk Malaysia, kerana kita tidak mahu lagi dilanda krisis seperti tahun 1997.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat, saya bacakan dahulu jawapannya tadi supaya dapat kita gulung set erusnya.

Jadi seterusnya Tuan Yang di-Pertua, keadaan inflasi yang sederhana pada masa itu bermakna tidak perlu untuk mengekalkan kadar faedah yang tinggi. Jadi keadaan kestabilan harga adalah penting untuk memupuk keyakinan yang tinggi.

Jadi Yang Berhormat bagi Kepong menanyakan tentang langkah-langkah kawalan pertukaran asing ini telah membolehkan program pemulihan ekonomi dipercepatkan. Negara kita telah memperolehi manfaat sepenuhnya dalam mempercepatkan penyalaraan ekonomi dan penyusunan semula kewangan yang telah menghasilkan kesan positif ke atas kestabilan kewangan dan mata wang serta keyakinan pelabur tentang rancangan kita.

Proses penyalaraan yang telah menghasilkan pembangunan seimbang dalam negara kita dalam pencapaian ekonomi makro setakat ini adalah memuaskan. Berikutan pelaksanaan kawalan ini, Yang Berhormat bagi Kepong, asas ekonomi negara telah menjadi lebih kukuh, misalnya pertumbuhan KDNK benar telah terus meningkat sejak suku tahun kedua tahun 1999 untuk mencapai 8.1% pada suku tahun ketiga 1999. Eksport dalam dolar AS meningkat sebanyak 15.3% pada tahun 1999. Bayangkan eksport barangan perkilangan meningkat sebanyak 17.6%. Jualan kenderaan komersial meningkat sebanyak 50.8% pada tahun 1999.

Indeks KLCI berada di tahap lebih tinggi iaitu 99.877 mata pada bulan Februari dan semalam 1000.7, kalau tidak salah saya, berbanding dengan *crash* dulu 262 mata pada bulan September, 1998. *Reserved* asing negara terus kukuh pada AS\$32.9 bilion pada hujung bulan Januari 2000 berbanding dengan AS\$20.2 bilion pada hujung bulan Ogos, 1998. Jumlah nisbah bersih NPL telah bertambah baik daripada kadar tertinggi 9% pada November, 1998 kepada 7.4% pada hujung bulan November, 1999 berdasarkan spesifikasi enam bulan.

Satu-satunya kesan negatif Yang Berhormat tanyakan tentang kawalan itu adalah merealisasi daripada pengurusan modal portfolio. Selain daripada itu tidak ada lagi kesan negatif yang lain, bahkan dalam kes pengeluaran portfolio kesan negatif hanyalah sementara sahaja, dan selepas pengurusan portfolio memahami objektif kawalan modal dan peraturan khas ini terdapat pula pengaliran masuk modal portfolio sejak awal 1999 yang menyebabkan KLCI kita melonjak.

Jadi, Yang Berhormat telah menanyakan tentang perbandingan kita dengan Thailand, Korea - Indonesia tidak ada disebut tetapi kalau kita tengokkan negara-negara yang mengambil IMF ini apa yang telah dibuat.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi pihak Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa imbalan pembayaran kita telah meningkat, imbalan perdagangan telah meningkat, *reserved* pun telah meningkat daripada 3 bulan hingga 6.2 bulan, hutang kita telah menurun, inflasi pun terkawal. Saya ingin mendapatkan penjelasan adakah kerajaan menyedari ringgit kita sebenarnya dengan izin, *under valued* di pasaran antarabangsa. Kalau ini berterusan, saya bimbang kita akan menggalakkan lebih FDI ini ataupun pelabur-pelabur dalam bentuk *labour intensive*, kerana *labour* kita amat murah. Kalau ini berlaku, kita tidak menyediakan situasi keadaan di mana boleh menggalakkan pelaburan *hi-tech industries* dan usaha kerajaan hendak *moving forward*, hendak bertanding dengan Taiwan, Hong Kong, Singapore dan sebagainya akan tidak tercapai kerana ringgit kita terlalu murah dengan izin, *under valued* dan kita tidak berupaya untuk menggalakkan kedatangan pelabur-pelabur dalam *hi-tech industries*. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, saya jawab Yang Berhormat bagi Kepong tadi yang menyatakan apa yang berlaku apabila mereka menandatangani pinjaman IMF tadi, baik daripada Thailand mahupun daripada Indonesia yang paling ketara ialah yang dikatakan rumah terbakar iaitu bukan *burning* tetapi *fire sale*, jadi banyak aset bank di Thailand telah dijual kepada orang asing. Begitu juga apa yang dikatakan dulu dalam Dewan ini sehingga Soros juga membeli gudang rokok keretek di Indonesia. Jadi oleh kerana banyaknya *burning sale* ini mereka boleh meningkatkan pendapatan mereka tetapi secara realitinya aset-aset itu tidak lagi milik warganegara tetapi dimiliki oleh orang lain.

Mengenai Temerloh tadi, dia terbalik, kalau kita lihat apabila kita mengatakan bahawa ramai orang daripada pasaran mengatakan bahawa duit kita ini murah (*under value*) kita kata RM3.80 - USD1, orang-orang di luar mengatakan RM3.20 ataupun RM3.50, ini mdembakkan kemasukan pelabur-pelabur asing, tetapi di sebaliknya. Oleh kerana duit kita murah dan Yang Berhormat bagi Pendang pun ada mengatakan dalam ucapan beliau, kita lihat bahawa dari segi statistiknya, ramai orang masuk melabur ke negara kita baik di KLCI mahupun industri daripada statistik *department* yang kita dapat baru-baru ini menunjukkan bahawa murah duit kita, kita mendapat *competitiveness* yang lebih dan oleh kerana itu kita menjual harga dengan lebih murah dan orang ramai membeli dan kita kira volume dan itu sebabnya daripada tiga bulan kita dapat melalui teknologi dan sebagainya.

Kita telah mengatakan bahawa sekarang ini MIDA dan kementerian pelaburan industri.....

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan lagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Nanti sekejap. Kita sekarang ini memilih, maknanya sekarang ini, apa pelabur yang datang bukannya menggunakan *labor intensive* ataupun ramai pekerja tetapi kita hendakkan supaya lebih mekanikal ataupun *high-up*. Jadi oleh kerana itu MIDA telah pun cuba memilih, bukannya macam dahulu secara borong tetapi memilih bahawa *investment* yang datang, adalah pelaburan yang diperingkat tinggi.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Kepong dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi kita mesti mempertahankan hak milik kita ke atas syarikat-syarikat kita dan sebagainya dan kerana itulah kita nampak apabila Micheal Camdesus timbul di Bangkok dia 'ditonyoh' dengan pie dan diaibkan. Memang kerana ada berlaku masalah juga ke atas rakyat di Thailand dan di Indonesia dan juga di Korea Selatan.

Walau bagaimanapun saya sering dengar sama ada di Amerika Syarikat, United Kingdom, di Jepun pun, masalah pemilikan kerana dengan dunia global ini memang pemilikan ada berpindah daripada syarikat ke syarikat, daripada negara ke negara kerana tidak ada batasan, tidak ada sempadan. Apakah dasar yang bakal digubalkan oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah ini. Apakah batasannya

hendak kita adakan dengan dunia yang tidak ada batasan ini. Ini memang satu perkara yang akan dibangkitkan berulang kali di dalam Dewan yang mulia ini kerana itulah masalah yang kita hadapi. Dunia yang tidak ada batasan dan setakat mana dengan pengurusan ekonomi kita, kita benarkan syarikat-syarikat *transnational* memiliki syarikat-syarikat kita.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Itu yang saya katakan tadi, dalam dasar kita, kita hendak bersedia supaya ada penggabungan-penggabungan bank dan dapat kita memperkukuhkan kedudukan kita sebelum mereka masuk kerana kemungkinan mereka akan masuk WTO pada tahun 2003. Masanya tidak lama lagi dan kita hendakkan supaya penggabungan bank ini akan dapat memperkukuhkan kedudukan perbankan kita.

Yang keduanya, masalah-masalah yang kita lihat ialah kita katakan kita hendakkan dataran yang sama untuk kita bermain, '*level playing field*' supaya dapat kita bermain bersama tetapi kita lihatkan pula dari segi *American Football*, orangnya tegap-tegap belaka sedangkan orang-orang kita kurus-kurus dan kecil-kecil. Walaupun '*playing level field*' tetapi mereka lebih tegap daripada kita. Bank-bank kita bergabung untuk menangkis serangan-serangan mereka tetapi mereka itu pula yang besar-besar itu bergabung juga, jadi walaupun '*level playing field*' tetapi pemainnya lebih besar daripada kita, kita terpaksa bersatu dan cuba mengukuhkan apa tindakan yang kita buat. Kalau kita tidak bergabung lagi teruk tetapi kalau kita bergabung bolehlah juga kita bertahan.

Yang keduanya, tentang apa yang dikatakan tadi, kita hendakkan globalisasi ini mengikut kita punya suara juga, bukannya mengikut suara dia dan nilai dia kerana apa sekarang ini dia cuba menjunamkan apa pandangan dia, nilai dia ke tembolok kita. Kita kata buka pasaran di negara-negara Eropah, buka pasaran di Amerika kerana kalau pasaran-pasaran ini dibuka di negara Eropah dan negara Amerika bolehlah kita bersaing. Tetapi dia tidak mahu buka pasaran di negara dia kerana dia kata kita punya barangan tidak boleh masuk ke pasaran dia, tetapi dia hendakkan pihak swasta dan pihak-pihak *entrepreneur* mereka datang menjajah kita.

Jadi di sinilah ketidakseimbangan dan kita berharap dengan adanya *think tank* seperti Yang Berhormat katakan tadi di Kementerian Kewangan dapat kita melihat apakah tindakan-tindakan susulan yang akan kita ambil.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Temerloh dahulu.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ucap tahniah kepada kerajaan, saya kira kawalan ini berjaya sekali. Saya hendak minta penjelasan semula daripada Timbalan Menteri, maksud saya tadi, saya tidak mengatakan tidak ada pelabur-pelabur luar datang, malahan sekarang ini cukup banyak sekali pelaburan asing masuk ke Malaysia. Tetapi pelaburan ini adalah pelaburan *labor intensive*, dengan izin, dan saya bimbang kalau kita terus dengan dasar ini, kita takut kita tidak boleh hendak *compete* dengan negeri China. Labor dia jauh lebih rendah, saya maksudkan begini, adakah kerajaan bercadang misalannya untuk mengubah *paging* ini ataupun *exchange rate* kita sekarang ini kepada 3.8 mungkin ke satu level yang lebih realistik. Ertinya kita hendak supaya pelaburan yang masuk ke negara ini, pelaburan yang *high tech* supaya kita dapat *moving forward*, kita dapat bergerak jauh ke depan.

Sekarang ini kalau kita masih kekal di tahap 3.8 misalannya, memang benar, memang banyak sungguh pelaburan masuk sekarang tetapi pelaburan yang *labor intensive*. Tetapi kita tidak mungkin dapat *compete* dengan China misalannya, dengan India misalannya. Labor mereka jauh lebih murah, kita harus berada dalam keadaan di mana kita seharusnya '*at-par*' dengan Hong Kong, Singapore, Taiwan, malahan lebih baik daripada mereka. Itulah maksud saya, adakah kerajaan bercadang misalannya untuk hendak mengkaji semula *level exchange rate* ini kepada kadar yang lebih realistik ini, mungkin 3.5, 3.4, saya tidak tahu. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ada dua soalan yang berlainan, pertamanya mengenai mata wang tadi sama ada nilainya boleh diturunkan atau dinaikkan daripada RM3.80 kita naikkan kepada RM3.20 atau RM3.50. Itu satu.

Dia tidak berkait pula dengan *labor intensive* ini tadi kerana saya katakan tadi MITI sekarang telah pun membuat dasar bahawa pada masa ini semua pelabur akan kita tentukan supaya ia tidak lebih dari *labor incentive*. Jadi maknanya ia lebih *technical incentive* dan kita tahu bahawa Cyberjaya banyak pelabur yang telah pun mendaftar di Cyberjaya yang mempunyai *technical incentive*.

Tentang mata wang tadi, kita telah pun mengat akan selagi, dengan izin, *the international financial architecture*, itu tidak berubah selagi itulah kita belum boleh mengubahnya lagi kerana apa, kita rasakan kalau itu tidak diubah fundamentalnya oleh negara-negara membangun, maka ini akan menjadi permasalahan pada kita bahawa kita ada *losing end* atau di tanah yang pamah atau di tanah yang rendah berbanding dengan yang kita hendak ratakan tanah tadi. Saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun. Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Pertamanya saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan berhubung dengan asas mengapa kita memilih sepuluh buah bank untuk digabungkan daripada yang asalnya enam buah bank dan ada pandangan mengatakan bahawa sebuah negara kecil seperti Malaysia ini bahawa sepuluh bank yang digabungkan itu adalah *is too many*. Jadi minta komen daripada Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Apa yang berlaku sekarang ini, mula-mula kita katakan enam buah bank, jadi ibarat sekarang ini kita kahwin paksa yang dikatakan dahulu, tetapi kita hendakkan supaya mereka sama mereka memilih bank mana yang mereka mahu. Jadi oleh kerana itu kita menggunakan dasar pasaran, jadi dasar pasaran mengatakan sepuluh bank, jadi kita tertakluk kepada dasar pasaran iaitu suka sama suka, tidak ada campurtangan, tidak ada paksaan daripada pihak kerajaan.

Perkara ini akan dilihat supaya bank-bank yang lain akan pergi ke *anchor bank* yang sepuluh tadi dan *due diligence report* akan dibuat dan seterusnya kita minta dan kita harap pada penghujung tahun ini perkara ini akan selesai.

Yang Berhormat dari Pendang ada menyentuh mengenai mesin judi yang semakin bertambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesin perjudian yang diberi lesen oleh Kementerian Kewangan untuk beroperasi di beberapa kelab yang berdaftar sahaja. Mesin-mesin ini ditempatkan di kelab-kelab secara terkawal dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat selain daripada lesen-lesen yang sedia ada, tidak ada lesen-lesen baru dikeluarkan sejak tahun 1992. Semua aktiviti perjudian yang dilesenkan sekarang adalah merupakan sambungan kepada lesen-lesen tahunan yang telah sedia wujud. Pihak polis dan pihak berkuasa tempatan akan mengambil tindakan yang keras ke atas kegiatan perjudian di premis yang tidak berlesen.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya terima banyak laporan mesin-mesin judi kuda ini berselerak di Jalan Bukit Bintang, di rumah-rumah di sekitar itu tanpa lesen. Begitu juga di Gunong di kawasan Parlimen Kuala Kedah, pihak polis serbu dan rampas mesin itu, dua hari kemudian dihantar balik dan beroperasi terus tanpa lesen.

Jadi kenyataan Timbalan Menteri Kewangan itu, bolehlah buat kenyataan tetapi yang sebenarnya lesen judi haram ini terlalu banyak, kita harap buatlah operasi betul-betul termasuk di Kuala Kedah pun ada. Bila polis rampas, dua hari ada balik, yang paling banyak di daerah perumahan Jalan Bukit Bintang hampir setiap rumah ada. Kita anggap serius dalam menghadapi perkara judi ini dan kita dapat tahu lebih kurang sehari dalam 20 juta mereka main judi dalam mesin kuda ini. Harap minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin membetulkan mengenai judi haram ini, judi memang haram dari segi Islam, tetapi apa yang kita buat untuk menampung supaya perbuatan ini tidak banyak dan kita lesenkan. Dan lesen pun kita katakan tadi bahawa ada sedikit salah, kita tarik lesen itu dan oleh kerana itu saya ada perangkaan di sini bahawa lesen itu ada beberapa banyak dan tinggal 150 sahaja di Malaysia.

Cuma masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah mengenai orang yang mengendalikannya tanpa lesen dan kita akan memintalah bahagian pihak polis dan juga Majlis Tempatan untuk memastikan, ini bahagian *enforcement*, memastikan bahawa perkara ini tidak akan berlaku.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kalau ditarik semua lesen ini, tidak ada langsung lebih senang sebab tauke-tauke judi ini, saya dapat satu aduan yang kadang-kadang diambil tindakan kepada mereka, mereka berbaik dengan ... termasuk ketua-ketua polis dan minum satu meja satu malam dan sebab itulah boleh diangkat mesin itu hari ini, dan esok dihantar balik.

Jadi perkara ini perkara serius, kalau boleh hapuskan terus lagi senang. Ini tidak ada lesen, ada lesen dan tumbuh begitu banyak sekarang ini. Walaupun Timbalan Menteri tahu tetapi buat-buat tidak tahulah dalam Parlimen ini. Tetapi ini satu perkara yang cukup berat sekarang ini, lumba kuda haram yang ada di Malaysia sekarang.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat perjudian ini adalah merupakan satu budaya bagi sesuatu kaum seperti juga makanan.....

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, dia sebuat pasal budaya sesuatu kaum. Ini isu yang.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti kejap Yang Berhormat, hendak minta penjelasan, nanti dahulu bagi Timbalan Menteri menjawab dahulu soalan ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Jadi kalau kita katakan bahawa misalnya makanan, makan babi itu haram bagi orang Islam tetapi makan babi kepada orang-orang yang berbangsa Cina itu makanan dia. Adakah oleh kerana haram bagi kita, kita haramkan bagi orang Cina? Tidak boleh. Jadi ini yang kita tengokkan dari segi...

Datuk Yong Teck Lee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti sekejap, bagi dia jawab dahulu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Dari segi budayanya, saya minta maaf ya, kaum Ghee Hin dan Hai San misalnya, mula-mula datang ke Kuala Lumpur, sampailah sekarang ini kalau di Taiping pun masalah-masalah ini masih berbangkit.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada perjudian ini adalah budaya sesuatu kaum adalah satu isu hangat kalau di negeri Sabah ketika itu yang paling banyak *outlet* perjudian 4 ekor bersama dengan '*one-armed-bandit*' maka kita rasa bahawa perjudian ini bukan budaya mana-mana satu suku kaum tetapi ia adalah satu tabiat, satu habit. Pada hal dalam masyarakat orang-orang Tionghua pun, walaupun perjudian dibenarkan tetapi ia masih perlu dikawal, dapat di *contained* tabiat yang tidak baik ini, tidak sihat. Jadi ia bukan budaya hingga seolah-olah ia digalakkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya ambil maklum. Tetapi dari segi psikologinya habit itu dilakukan selalu akan menjadi budaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pendang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa judi itu satu budaya bagi sesuatu kaum. Sebenarnya saya juga tidak dapat menerima kenyataan itu sebab baru-baru ini ada seorang wanita cina menghubungi saya dengan telefon mengadukan tentang apa yang dikatakan Ekspo Perdagangan Kedah yang sedang berjalan sekarang di Alor Setar, yang diadakan pada saya terdapat lebih daripada 30 kaunter judi yang tidak diberi permit oleh polis dan saya telah pun mengambil tindakan menghantar rakan saya untuk pergi melihat apakah benar aduan itu dan laporan yang saya terima adalah benar tetapi oleh kerana saya datang ke Persidangan Parlimen ini, saya tidak dapat sempat menghubungi Ketua Polis Negeri Kedah supaya tindakan diambil. Jadi resahan terhadap percambahan judi ini sebenarnya berlaku keresahan ini bukan sahaja di kalangan orang-orang Melayu Islam tetapi juga di kalangan kaum yang bukan Islam, bahkan ada Ahli Dewan Negeri dari PAS di Kedah telah menerima aduan daripada orang-orang Cina di Pokok Sena, pekan kecil sahaja di mana anak-anak mereka terlibat dengan judi kuda ini dan saya harap kerajaan akan lebih serius dalam tindakan-tindakan ini dan pernah satu ketika dulu di

satu pekan kecil di kawasan saya di Tokai. Apabila polis tempatan dihantar untuk bertindak tidak mempunyai kesan apa-apa tetapi apabila laporan itu sampai ke Polis Bukit Aman dan polis Bukit Aman sendiri turun pergi ke sana barulah keadaan itu menjadi aman. Jadi saya harap tindakan serius dapat diambil. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau misalnya kata rakan kita Yang Berhormat tadi habit bukan merupakan budaya dan Yang Berhormat Pendang juga mengatakan itu bukan merupakan budaya, dan mungkin MB Kelantan menyatakan perjudian itu bukan merupakan budaya, saya tarik balik. [*Tepuk*].

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan, terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menanya kepada Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang judi di atas *cruise* kerana setiap hari pukul 8 malam, *cruise* lebih kurang ada dua buah di Pulau Pinang Port Sw ettenham. Mereka belayar ke tengah laut dan di situlah mereka berjudi dan lepas pagi besok datang balik menurunkan passenger itu dan apa yang kerajaan boleh buat berkenaan dengan hal ini sama ada hendak mengharamkan atau pasukan berkuasa naik ke *cruise* untuk memeriksa apa alat-alat perjudian yang ada di atas *cruise* itu.

Satu lagi perkara, Malaysia ini sangat masyhur dalam bidang perjudian kerana ada beberapa *listed company*, mereka kononnya mendapat lesen-lesen dari negara-negara China, Vietnam, Cambodia dan saham-saham mereka terus meningkat di negara kita ini. Tetapi akhir-akhirnya didapati berita ini adalah tidak benar dan harga pun terjunam juga dan ini mengakibatkan kebanyakan orang yang hendak kaya cepat mengalami kerugian yang besar. Lagi satu perkara, empat nombor ekor. Sekarang satu minggu empat kali Tuan Yang di-Pertua. Tambahan pula ada *special draw* pada musim-musim perayaan, jadi, saya bukan cakaplah, orang Cina suka judi. Banyak rintihan dari kalangan orang cina mengatakan perjudian ini terutama sekali empat kali satu minggu, empat nombor ekor ini memang membebankan sehingga ada orang yang tidak berminat berniaga. Ada peniaga-peniaga pun ada yang bankrap kerana berjudi dan wang beli sayur suri rumah pun dikurangkan kerana hendak menjimatkan duit untuk membeli nombor ekor.

Jadi saya pun sependapat dengan Ketua Pembangkang bahawa memang ada banyak rintihan, teguran dari kaum-kaum yang mana pun mereka tidak suka kepada perjudian ini dan diharapkan kerajaan boleh mengurangkan segala-gala cara perjudian di negara kita ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat, nanti dulu. Duduk dulu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Ini tentang cruise. Cruise pukul lapan malam di Pulau Pinang dan Port Kelang. Mereka berjudi di perairan antarabangsa dan ini saya pun tidak pernah main judi dan saya tidak tahu perkara ini dan saya akan ambil maklumat tentang perkara ini kerana kalau dia belayar dan berada di Perairan Antarabangsa, itu tertakluk kepada International Law, Undang-undang Antarabangsa. Yang keduanya tentang BSKL oleh kerana itu yang kita katakan dahulu bahawa BSKL ini sudah tentu ada unsur-unsur perjudian. Walaupun ada sedikit spekulasi, tetapi kita hendakkan fundamental company itu yang lebih penting daripada hearsay dan spekulasi yang teruk sangat. Saya ingatkan hari itu bahawa BSKL ini menjunam tinggi, naik tinggi kerana IT. Ramai yang pergi masuk kepada IT dan kita sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, saya telah mengatakan di sesi yang lalu bahawa untuk orang Islam kita ada satu Jawatankuasa Syariah yang sentiasa meneliti mana-mana kaunter yang boleh di beli oleh orang-orang Islam dan mana kaunter-kaunter yang terkeluar daripada membolehkan orang-orang Islam membeli di kaunter-kaunter yang berkenaan. Mengenai empat kali *draw*, *special draw* dan sebagainya, saya akan jawab secara bertulis kerana ini merupakan satu perkara baru bagi saya.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Saya cuma hendak dapat penjelasan daripada Menteri berhubung dengan hukuman ini. Hukuman ini kalau tidak berat,

orang tidak takut. Denda? RM10 ribu, RM20 ribu, dia bayar, tidak apa pada dia. Hari ini rampas, esok masuk balik. Tidak bolehkah kerajaan mengkaji balik hukuman ini. Denda teruskan ataupun jail. Salah sikit jail, kalau kena jail semua takut, pekerjanya, tuan punya kedai, mesinnya, siapalah yang buat salah. Kalau tidak hukuman ringan ini tiada apa-apa. Ratus-ratus ribu pun dia boleh bayar. Jadi saya mintalah kerajaan mengkaji balik hukuman tentang perkara tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, kita akan ambil ingatan kerana Yang Berhormat mengusulkan supaya ada jail mandatori atas kesalahan-kesalahan itu. Kita akan ambil ingatan dan kita akan tengok tentang perkara ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Penjelasan. Saya hormati sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang terbuka dalam hal ini. Kita telah dengar penjelasan tadi bahawa Yang Berhormat ada menyebut Islam sendiri sebagai satu ajaran telah melarang perjudian dan saya hendak tahu daripada Yang Berhormat apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian Kewangan dan kerajaan kita untuk membenarkan wujudnya perjudian di negara kita sedangkan kita sudah tahu ajaran Islamnya begitu dan kita juga tahu bahawa agama-agama lain juga melarang perjudian dan bolehkah tidak kerajaan kita mengambil satu inisiatif untuk mengadakan dialog antara agama dan menggunakan platform ini untuk memujuk rakyat Malaysia untuk menerima polisi baru kerajaan kita untuk mengharamkan terus perjudian, tidak payah jail mandatori orang. Kita haramkan terus perjudian dan ini lebih serasi dengan pandangan universal semua pihak bahawa perjudian adalah satu perkara yang amat buruk bagi rakyat kita dan ekonomi kita dan umpamanya Genting Casino di Genting Highland adalah merupakan satu perkara yang jelas ia membawa kesan yang buruk kepada ekonomi rakyat kita dan juga perjudian-perjudian yang lain dan saya minta kalau boleh Yang Berhormat memanjangkan perkara ini dan mendapatkan penjelasan tentang stand kerajaan yang sebenar terhadap perjudian dalam perspektif agama, perspektif ekonomi, budaya dan lain-lain.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Tentang masalah kita sekarang ini, walaupun perkara ini sudah pun diperkecilkan, satu Malaysia, 150 tetapi kata Yang Berhormat daripada Kuala Kedah tadi banyak underground berlaku. Masalahnya ialah enforcement. Kalau tidak ada pun, enforcement kena kita libatkan banyak kerana perkara ini seperti psikologi juga. Kalau kita kata jangan buka, keinginan untuk membuka itu ada, kalau dalam kotak dan sebagainya. Jadi di sinilah kita melihatkan bahawa kita containkan sahaja benda ini tetapi perkara ini berleluasa. Tentang dialog antara agama ini satu cadangan yang bagus dan nanti kita akan angkat perkara ini kepada IKIM untuk mengadakan dialog kalau ia bersetuju. Insya-Allah.

Datuk Yong Teck Lee: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Gaya bangun pula Yang Berhormat.

Datuk Yong Teck Lee: Ya, *last*. Terima kasih. Kerana soal perjudian ini menjadi satu tajuk yang semakin diperluaskan. Belum lagi empat ekor dikawal, belum lagi *one*..... dikawal sudah keluar pula siber casino dan ini sudah merebak di banyak tempat. Jadi adalah menjadi satu cadangan supaya kerajaan mengkaji soal *gaming* ini secara menyeluruh. *Have a fresh look* kepada soal perjudian ini sama ada diharamkan, sama ada kita berhentikan semua dan digantikan dengan satu nasional loteri sahaja seperti dulu, cuma satu syarikat dan satu *gaming* untuk orang-orang yang masih mahu. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa ini perlu satu kajian menyeluruh. Kalau kita cuma soal denda, dia banyak untung. Dia untung berjuta ringgit. Kalau denda RM10,000 ini macam bayar cukai. Denda merupakan cara *indirect tax* sahaja itupun kalau dapat tangkap. Jadi Tuan Yang di-Pertua mungkin sampai masanya satu kajian menyeluruh pada masa akan datang.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tetapi saya bolehlah mengatakan bahawa kita ada dua unsur di sini, satu unsur dalaman dan satu unsur luaran. Luaran setakat mana yang kita boleh buat tetapi unsur dalaman yang paling perlu, *the inner self*. Jadi kalau kita misalnya benci kepada judi dan tiap-tiap orang

benci kepada judi, tidak payah enforcement semuanya akan mengikut. Kalau tidak nanti semuanya akan minta perundangan, perlembagaan, *enforcement* dan sebagainya kerana saya merasakan ada di kampung saya sebagai contoh, saya kata kenapa anak pakcik masuk Pusat Serenti? Dia kata, ini kerajaan yang salah. Jadi masalahnya, anak dia masuk Pusat Serenti pun kerajaan salah, semua apa saja yang dibuat oleh orang-orang yang menyeleweng, kerajaan salah, jadi ini permasalahan kita supaya kita dapat merujuk kepada diri kita sendiri.

Mengenai kawalan modal yang menjadi isu yang saya ulang sekali lagi walaupun telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Walaupun permulaan ekonomi negara telah banyak menyangkal tanggapan buruk mengenai kawalan modal secara terpilih. Ahli Yang Berhormat dari Pendang telah pun menyentuh kesan pengawalan modal terhadap keyakinan pelabur asing dan tempatan. Sebenarnya kawalan modal terpilih yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak menjejaskan keyakinan pelabur asing jangka panjang. Pelabur-pelabur ini telah bebas membawa keluar keuntungan mereka malah kawalan modal terpilih yang telah diperkenalkan oleh kerajaan termasuk penetapan nilai ringgit telah menstabilkan pertukaran ringgit dan ini telah memudahkan urusan niaga mereka. Hasilnya eksport negara telah melonjak sebanyak 15.3% dalam nilai dollar Amerika Syarikat pada tahun 1999 berbanding dengan kuncupan 6.9% pada tahun 1998.

Prestasi eksport negara kian memesat, misalnya pada bulan Disember lalu, kadar peningkatan eksport dalam nilai Amerika Syarikat adalah pada kadar tahunan 30.9%. Di samping itu pelaburan asing langsung sebenar dalam pelbagai sektor telah meningkat 34.6% kepada RM24.1 billion bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 1999 berbanding RM17.9 billion bagi tempoh yang sama 1998.

Kawalan modal terpilih juga telah menjejaskan keyakinan pelabur dalam pasaran kewangan. Ini dapat dilihat daripada prestasi bursa tempatan di mana indeks komposit BSKL telah melonjak 283% daripada paras terendah iaitu sebanyak 262.70 mata pada 1 September 1998 dan kini telah mencecah paras melebihi seribu mata untuk tutup pada 1007.13 mata pada 21 Februari tahun 2000 iaitu semalam. Prestasi bursa saham yang menggalakkan ini adalah hasil daripada peningkatan keyakinan para pelabur bukan sahaja daripada dalam negeri tetapi juga dari luar negeri sejajar dengan pengukuhan asas-asas ekonomi negara. Peningkatan keyakinan pelabur asing ini dapat dilihat daripada aliran masuk bersih dana portfolio sebanyak RM5299 juta sejak akhir tahun lalu sehingga 16 Februari tahun ini.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan isu penyatuan bank yang mendapat perhatian Ahli Yang Berhormat terutamanya daripada Yang Berhormat bagi Pendang. Bank Negara Malaysia telah mengenal pasti sepuluh buah bank teras bagi mempercepatkan program penggabungan institusi perbankan tempatan. Pemilihan sepuluh bank sebagai bank teras adalah berasaskan kepada keperluan untuk mengurangkan dengan ketara bilangan institusi perbankan tempatan yang kini berjumlah lima puluh empat buah, di samping itu, menstrukturkan semula kumpulan penggabungan supaya dapat meraih *synergy* secara maksimum hasil daripada pelaksanaan penggabungan, memperbaiki tahap keuntungan serta mempertingkatkan kecekapan kumpulan perbankan berkenaan. Pembentukan bank teras adalah penting bagi memastikan setiap kumpulan perbankan mempunyai saiz yang bersesuaian di samping memastikan tidak ada gangguan berlaku ke atas perkhidmatan dan operasi perbankan akibat daripada rasionalisasi cawangan dan kos integrasi berada pada tahap yang paling minimum.

Mengenai kenyataan bahawa pengurusan institusi perbankan yang lemah, Bank Negara Malaysia telah sedia mewujudkan garis panduan untuk memastikan institusi perbankan meramalkan *good governance*. Garis panduan yang dimaksudkan itu dengan izin, *guideline on duties and responsibilities of directors and appointment of chief executive and done guidelines on the good of conduct for directors, officers and employees in the banking industry*. Garis panduan-garis panduan berkenaan antara lain menggariskan:

- (i) tugas-tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- (ii) *criteria fit and proper* bagi menentukan kelayakan seorang Ketua Pegawai Eksekutif;

- (iii) bilangan jawatan Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dibenarkan dipegang;
- (iv) struktur dan tugas-tugas Jawatankuasa Audit; dan
- (v) Kod tingkah laku bagi Lembaga Pengarah, pegawai dan kakitangan industri perbankan.

Selain daripada garis panduan tersebut, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan garis panduan supaya institusi kewangan tidak memberi pinjaman melebihi had kredit yang dibenarkan, iaitu 25% kepada seorang pelanggan atau dengan izin, *single credit customer limit*.

Isu mengenai kos yang membebankan rakyat yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang juga membangkitkan isu penswastaan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kos akan meningkat apabila sesuatu perkhidmatan diswastakan. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kos tersebut umpamanya dengan memberi pinjaman mudah supaya kos perkhidmatan yang diswastakan itu dapat diturunkan dan tidak membebankan pengguna-pengguna perkhidmatan tersebut. Selain daripada itu, kerajaan melalui badan-badan kawalselia memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna-pengguna adalah tinggi mengikut penetapan piawaian antarabangsa.

Berhubung dengan dakwaan bahawa program-program penswastaan ini hanya menguntungkan golongan-golongan tertentu sahaja, perlulah saya jelaskan perkara ini tidak benar. Memandangkan bahawa kos untuk melaksanakan projek-projek penswastaan adalah tinggi, kerajaan perlulah memastikan bahawa syarikat-syarikat yang berwibawa dan berkeupayaan sahaja dilantik untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Dalam hal ini pula kerajaan sentiasa menggalakkan supaya syarikat-syarikat sederhana bergabung dengan syarikat-syarikat besar untuk merupakan satu konsortium untuk melaksanakan projek-projek penswastaan sebagai satu cara untuk menambah penyertaan oleh beberapa pihak.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Pendang, pembangunan Putrajaya terbahagi kepada pembinaan kemudahan awam, bangunan kerajaan, infrastruktur dan kawasan komersial perumahan awam termasuk pembinaan kuarters kerajaan. Pembiayaan bagi kemudahan awam adalah melalui peruntukan kerajaan, manakala pembangunan komponen lain ialah secara penswastaan. Kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan meliputi bayaran sewa bagi bangunan kerajaan, pembiayaan pembinaan kemudahan awam, bayaran pembelian kuarters kerajaan dan pembinaan infrastruktur yang akan *dioffsetkan* dengan nilai tanah di Putrajaya. Setakat ini kerajaan belum membuat sebarang pinjaman bagi membiayai projek ini dan hanya membiayai perbelanjaan melalui peruntukan Belanjawan Kerajaan. Sehingga Disember 1999, peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi projek pembangunan Putrajaya adalah sebanyak RM2,516.34 juta.

Di samping itu, perkhidmatan utiliti yang telah diswastakan di peringkat nasional seperti bekalan elektrik, telekomunikasi, pengurusan sisa pepejal, penyaluran gas dan lain-lain untuk ditawarkan terus kepada pemegang konsensi.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dibina pada tahun 1994 bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang di mana jumlah penumpang dan kargo yang menggunakan kemudahan di sana telah melebihi daripada kapasiti kemudahan yang boleh dikendalikan di sana. Umpamanya, di Subang yang telah dibina mengendalikan 14 juta penumpang setahun telah digunakan oleh hampir 15 juta penumpang setahun. Dengan itu, kerajaan telah memutuskan agar KLIA dibina supaya dapat menampung kapasiti penumpang sehingga sekurang-kurangnya 25 juta orang setahun. Sungguhpun kerajaan terpaksa meminjam dari dalam dan luar negara bagi tujuan pembinaan KLIA ini, namun kerajaan dijangka dapat memperolehi kembali 60% daripada RM10.7 bilion kos pembinaan KLIA dari pihak MA Sepang Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat Malaysia Airport Berhad yang mengendalikan lapangan terbang itu. Pulangan ini dijangka akan dapat bebaskan kerajaan untuk membayar balik pinjaman tersebut.

Selain itu KLIA juga telah membantu meningkatkan lagi perkembangan ekonomi negara Malaysia, sebagai contoh dengan adanya kemudahan-kemudahan yang canggih yang dapat dipercepatkan serta meningkatkan keupayaan pengendalian kargo ianya akan mempertingkatkan lagi jumlah perdagangan yang dikendalikan melalui udara. Ianya juga dapat mengembangkan lagi sektor pelancongan melalui pengurusan lapangan terbang yang lebih cekap bagi menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Malaysia.

Tanggapan bahawa kerajaan menggunakan dana KWSP, Tabung Haji, SOCSO dan lain-lain untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu yang bermasalah seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Pendang adalah tidak benar. Pelaburan oleh institusi tersebut sama ada dalam bentuk pinjaman atau ekuiti dilakukan secara berterusan sejak dahulu lagi sebelum krisis ekonomi. Pemberian pinjaman atau pembelian ekuiti dialukan secara teliti dan dilakukan secara teliti dengan melihat *fundamental* potensi syarikat berkenaan untuk memberikan pulangan serta mampu membayar pinjaman tersebut.

Ada juga Yang Berhormat membangkitkan tentang pinjaman yang dibuat untuk membiayai beberapa projek besar. Suka saya jelaskan di sini, iaitu pembangunan Putrajaya terbahagi kepada pembinaan kemudahan awam, bangunan kerajaan, infrastruktur dan kuarters kerajaan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, tugas bagi membangunkan Projek Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya telah diberikan kepada Putrajaya Holding Berhad (PJH) sebagai pemaju projek. Kos pembangunan yang perlu ditanggung oleh PJH meliputi tiga komponen utama, iaitu bangunan pejabat kerajaan, kuarters kerajaan dan pembangunan infrastruktur. PJH telah menggunakan sumber dalaman pinjaman daripada pemegang saham dan pinjaman daripada institusi kewangan tempatan bagi membiayai projek ini. Manakala kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan pula adalah meliputi bayaran sewa bagi bangunan kerajaan, pembinaan kemudahan awam, bayaran sewa-beli, kuarters kerajaan dan pembinaan infrastruktur yang akan di *off-set* dengan nilai tanah. Setakat ini kerajaan belum membuat sebarang pinjaman bagi membiayai projek ini dan hanya bagi membiayai perbelanjaannya melalui peruntukan kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, kalau saya boleh dapatkan penjelasan. Tadi telah disebut bahawa Putrajaya Holding telah mendapat hasil melalui sewaan bangunan-bangunan kerajaan, apakah kadar yang telah dikenakan oleh Putrajaya Holding kepada bangunan-bangunan kerajaan termasuk bangunan kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, saya akan beri jawapan itu secara bertulis petang ini Inshaallah, kerana ini merupakan perkembangan spesifik, ya.

Ada juga Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan isu[disampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya boleh dapatkan jawapan bertulis, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat menjawab seperti itu, ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Berikutan daripada isu pinjaman yang dibangkitkan di atas mengenai isu hutang negara. Isu hutang negara juga telah dibangkitkan sama oleh Ahli Yang Berhormat dan sehingga akhir tahun 1999 hutang negara dianggarkan berjumlah RM165.5 bilion atau 58.9 % dari KNK berbanding RM161.9 bilion pada akhir tahun 1998 dan dari jumlah ini 10.7% adalah hutang Kerajaan Persekutuan dan selebihnya 34.8% hutang perusahaan awam bukan kewangan dan 54.4% hutang sektor swasta termasuk hutang jangka pendek. Kenaikan ini bukan semata-mata disebabkan hutang baru yang dibuat oleh kerajaan atau sektor swasta tetapi juga disumbangkan oleh penurunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama sejak krisis ekonomi melanda negara pada pertengahan tahun 1997. Pada Jun 1997, hutang negara berjumlah RM115.3 bilion meningkat kepada RM170.8 bilion pada akhir Disember 1997 hampir 7% dari hutang negara adalah dalam dominasi Dollar Amerika.

Perkara ini telah pun saya jawab semasa pertanyaan soal jawab hari itu bahawa banyak hutang ini kita gunakan untuk perkara-perkara yang produktif supaya

dapat kita Insya-Allah, membayar balik lebih awal ataupun *repayment* yang telah kita lakukan tempoh dahulu. Kira-kira 55% hutang negara adalah hutang jangka sederhana dan panjang dengan ini tidak membebankan dari segi bayaran balik pinjaman dan langkah-langkah ekonomi yang kukuh kerajaan akan membuat bayaran balik awal pinjaman dan sentiasa mengkaji keperluan *refinancing* pinjaman yang mahal bagi memastikan hutang kerajaan diuruskan dengan berhemat.

Pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah untuk membiayai program pemulihan ekonomi dan bukan untuk tujuan mengurus. Melalui dasar fizikal mengembang kerajaan akan meningkatkan perbelanjaan terutamanya bagi perbelanjaan pembangunan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi bagi membiayai program ini. Kerajaan akan mendapatkan sumber pembiayaan dari dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, pembiayaan dari sumber pinjaman luar negeri hanya merupakan langkah terakhir kerana dasar pinjaman kerajaan sentiasa mengutamakan pinjaman dalam negeri. Pada masa yang sama pertimbangan juga dibuat supaya sumber pinjaman dari dalam negeri tidak menjejaskan pembiayaan operasi sektor swasta ataupun *private sector crowding out* serta tidak menyebabkan dengan izin, *inflationary pressure*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ada membangkitkan mengenai pemberian tender yang didakwa dicampuradukkan dengan politik. Mengenai pemberian tender ini suka saya menjelaskan bahawa Kementerian Kewangan sentiasa mengkaji dan memperkemas prosedur dan tatacara pegawai kerajaan dari masa ke semasa bagi memastikan supaya semua tender yang dipelawa diurus secara terus adil dan saksama. Mengikut amalan semasa, pemberian tender adalah dibuat berasaskan keupayaan dan kelayakan kepada tender seperti harga, pengalaman, rekod prestasi, kemampuan kewangan, spesifikasi penentuan yang ditetapkan, tempoh penyiapan, projek yang sedang dilaksanakan dalam tangan serta dasar-dasar semasa perolehan seperti keutamaan kepada bumiputera dan penggunaan barangan buatan tempatan. Lembaga Perolehan akan menimbang dan menyetujui tender berasaskan tawaran terendah nilai dan boleh diterima *the lowest evaluated and acceptable tender*, dengan izin.

Kementerian Kewangan berpendapat bahawa cadangan supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Cuma satu sahaja soalan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar beberapa projek kadangkala tergendala. Tergendala kerana diberi tender dengan tidak mengikut ukuran atau kriteria kerja yang ditetapkan oleh lembaga, mengapa hal ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah menyaksikan projek-projek di kawasan saya juga yang kadangkala tergendala kerana ada yang tidak kena, ada yang tercepat, ada yang tidak betul. Adakah Yang Berhormat sanggup mengkaji semua ini, adakah apa faktor yang menyebabkan projek-projek ini tergendala dan sebagainya? Ini bukan tidak lagi kita sebutkan masalah pasal projek-projek yang besar-besar, termasuk Lebuhraya Utara-Selatan, apakah kriteria, apakah standard yang digunakan semasa memberi tender kepada UEM dan sebagainya?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan itu. Kalau Yang Berhormat ada kes-kes yang spesifik boleh berikan kepada saya, saya akan kaji dan saya akan beri jawapan kepada Yang Berhormat. Tetapi secara keseluruhannya Yang Berhormat, kita ada tiga cara tender, ya.

- (i) *Open Tender* untuk semua orang;
- (ii) *Negotiate Tender* - ini untuk perkara-perkara yang tertentu misalnya kita ada dasar untuk menolong orang bumiputera, meramaikan bumiputera dan kelas menengah dan sebagainya; dan
- (iii) *Close Tender* (Tender Tertutup). Ini kalau misalnya ada projek-projek yang bersangkutan dengan Kementerian Pertahanan misalnya kita tidak mahu

orang lain tahu, negara lain tahu mengenai sekuriti keselamatan, jadi kita buat secara tertutup.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa seperti yang saya katakan tadi kita ada mempunyai kriteria dan kita berharap nanti dengan adanya pandangan Yang Berhormat, kita akan melihat bahawakriteria

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat beri jawab dahulu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:supaya kriteria-kriteria ini diikuti. Kalau tidak diikuti nanti satu permasalahan akan timbul.

Apa yang telah kita buat di Kementerian Kewangan bahawa kita akan memastikan, kita ada satu unit pemantauan, jadi tiap-tiap bulan kita akan memantau balik. Seperti Yang Berhormat katakan dahulu tahun lepas sampai bulan enam, bulan tujuh kita tidak habis mengagihkan ataupun membelanjakan peruntukan oleh kerana masalah-masalah kontrak tadi. Jadi, kita sudah ada satu jawatankuasa dan tiap-tiap bulan jawatankuasa ini akan melihat projek-projek mana yang tergendala, apa masalahnya dan kita akan panggil kontrak yang berkenaan untuk mendapatkan kepastian mengapa mereka membuat kerja-kerja tergendala ataupun dikatakan projek sakit. Jadi, dengan adanya unit pemantauan ini, insya-Allah, kita akan cuba memastikan bahawa projek-projek yang telah diberikan akan mendapat mengikut jadual. Tetapi kadang-kadang ada sebulan, dua bulan lari daripada CPM ketika selepas ini tidak ada. Kadang-kadang ada lari sedikit. Tetapi ini kerana cuaca dan sebagainya dan kita akan memastikan bahawa seboleh-bolehnya mereka akan dapat mengikut jadual yang ditetapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Masalah ini akan timbul dari masa ke semasa yang tidak akan berulang dalam Dewan yang mulia ini. misalnya, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali yang pertama, di pekan Kepong ada projek untuk memperluaskan jalan raya Kepong dan dua-tiga tahun sudah terbengkalai. Saya pun tidak tahu mengapa di ibu kota kita pun kita dapat menyaksikan projek-projek seumpama ini. Ini bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara. Bahkan juga di kawasan Yang Berhormat sendiri. Mengapa ini boleh berlaku, ini memang menjejaskan ekonomi kita.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dahulu pun ADUN, daripada kerajaan negeri datang ke *Federal*, Parlimen ini. Jadi, masalah-masalah bila kita hendak mengambil jalan, mengambil tanah dan sebagainya tertakluk kepada kerajaan negeri. Ini juga masalah setingan dan sebagainya. Setingan pula bila kita hendak keluaran dia, dia mempunyai pula tawaran-tawaran. Jadi, ini menimbulkan masalah.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya mengucap....

Tuan Yang di-Pertua: Tanah Merah bangun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi yang telah memberi pandangan dan cadangan semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seperti yang saya jelaskan awal tadi kesemua isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi akan diambil dan dikaji dengan teliti supaya Kementerian Kewangan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kerja Raya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohd. Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tambun telah membangkitkan mengenai usaha kerajaan membina sistem perhubungan yang cepat sebagaimana negara-negara maju yang mewujudkan lebuhraya *expressway* di bawah konsep penswastaan. Yang Berhormat bagi Tambun juga telah membuat perbandingan dengan mengambil contoh di Amerika Syarikat di mana rakyat negaranya faham akan konsep penswastaan sehinggakan pemandu teksi dapat menerangkan perbezaan tambang teksi jika menggunakan *expressway* ataupun lebuhraya Persekutuan. Yang Berhormat bagi

Tambun juga mahu supaya rakyat mendapat penerangan jelas dan memahami dasar penswastan negara khususnya dalam konteks pembinaan lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum, di dalam pelan induk penswastan negara, program penswastan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, bermula daripada tahun 1983, bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut, iaitu:

- (i) mengurangkan beban kewangan dalam pentadbiran kerajaan;
- (ii) meningkatkan kecekapan dan produktiviti;
- (iii) mempercepatkan pertumbuhan ekonomi;
- (iv) mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi; dan
- (v) membantu mencapai matlamat dasar pembangunan nasional.

Di bawah dasar penswastan ini, konsep penswastan lebuhraya telah dapat meringankan beban kerajaan untuk membina lebuhraya. Antara objektif lain konsep penswastan lebuhraya ini adalah untuk mempercepatkan program pembinaan lebuhraya, untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta di dalam pembangunan infrastruktur negara dan untuk menggemblengkan secara menyeluruh kapasiti industri pembinaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah jam 1.00 minta sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, sila sambung.

2.31 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi, Dasar Penswastan yang dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1983 sememangnya bermatlamatkan kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat di samping mempertingkatkan taraf hidup dan pendapatan per kapita setiap warga Malaysia. Dengan menggalakkan penglibatan pihak swasta khususnya di dalam program pembinaan lebuhraya, beban kewangan kerajaan dapat diringankan dan kerajaan dapatlah memberi tumpuan sepenuhnya ke atas fungsi utamanya iaitu mengekalkan keamanan negara dan kesejahteraan rakyat serta melaksanakan aktiviti pembangunan sosial.

Mengenai ciri-ciri reka bentuk piawai yang terdapat di lebuhraya negara kita, tidak boleh dinafikan bahawa lebuhraya kita sebenarnya adalah bertaraf antarabangsa. Sepatutnya kita perlu sedar kerana perjalanan kita di lebuhraya tiada gangguan, lebih selamat, selesa dan juga cepat.

Antara kemudahan prasarana yang terdapat di lebuhraya ialah pusat Rehat dan Rawat yang lengkap dengan surau, gerai-gerai makan, rondaan keselamatan bantuan 24 jam, telefon kecemasan setiap dua kilometer, papan tanda yang unik dan berelektronik, sistem kutipan tol berelektronik dan juga canggih. Dan untuk perhatian Dewan yang mulia ini, faedah dan kelebihan lebuhraya berbanding dengan jalan biasa ialah antaranya keselamatan pengguna yang lebih terjamin, penjimatan masa perjalanan, penjimatan kos operasi kenderaan, peningkatan kualiti alam sekitar kesan daripada kelancaran trafik dan lalu lintas, pengurangan kadar kesesakan di jalan-jalan biasa dan peningkatan taraf hidup masyarakat.

Mengenai kadar kemalangan dalam tahun 1997

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang tidak dinafikan bahawa lebuhraya Utara-Selatan dan lain-lain lebuhraya telah membawa banyak kemudahan kepada pengguna-pengguna jalan, tetapi di peringkat lebuhraya juga terdapat dibanjiri oleh air seperti berdekatan dengan Bukit Merah di Perak sana, apabila hujan lebat air bah melintasi jalan dan semua lalu lintas

diganggu, apa yang akan dibuat pada peringkat yang selalu dibanjiri air itu? Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, sesuatu banjir yang berlaku di lebuhraya bukanlah puncanya hanya datang daripada lebuhraya tersebut, ada kalanya seperti di setengah tempat seperti di Shah Alam dan sebagainya, ia juga merupakan soal yang menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dan juga jika terdapat berdekatan dengan lebuhraya itu sungai ataupun parit, ia juga menjadi tanggungjawab Jabatan Parit dan Saliran.

Jadi, soal untuk mengatasi masalah banjir, sekiranya hanya dilihat dan usaha dilakukan oleh pihak Lembaga Lebuhraya ataupun kementerian ianya mungkin tidak akan mendatangkan kesan. Jadi, tindakan mesti juga dilakukan oleh pihak-pihak yang lain, seperti pihak berkuasa tempatan dan juga pihak Jabatan Parit dan Saliran sekali dengan pihak Lembaga Lebuhraya maka barulah masalah tersebut akan dapat diselesaikan.

Jadi, dalam soal-soal yang berlaku tempoh hari maka ketiga-tiga pihak yang bertanggungjawab akan mengadakan perundingan, malah mungkin sudah pun mengadakan perundingan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya memang mengakui bahawa pembinaan lebuhraya yang telah diswastakan akan memberikan kemudahan, sistem yang lebih selesa tetapi adakah pihak kementerian telah menerima pengaduan daripada penduduk-penduduk yang berhampiran dengan lebuhraya di mana pada asalnya mereka senang keluar masuk ke tempat mereka, tetapi selepas pembinaan lebuhraya itu diswastakan, mereka tersekat dan tidak dapat semudah seperti pada asalnya. Apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat yang tertentu.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, pembinaan sesebuah lebuhraya adalah untuk kepentingan ramai dan sama ada sesuatu lebuhraya itu dibuat ataupun tidak, tentunya berasas kepada keperluan ramai daripada semua rakyat.

Jadi, soal sama ada lebuhraya itu menyekat ataupun menghalang, saya rasa tidak timbul kerana kalau pun mungkin dahulu sebelum ada lebuhraya, mudah bagi seseorang penghuni ataupun penduduk keluar masuk ke kawasan itu, tetapi bila ada lebuhraya tentunya ada jalan yang lain, yang boleh digunakan oleh penduduk tersebut, tidak adalah sampai mereka tidak boleh keluar masuk, maknanya ada juga jalan walaupun mungkin dahulu ia menggunakan jalan itu tetapi sekarang dengan adanya lebuhraya, maka ia tidak dapat menggunakan jalan itu.

Walau bagaimanapun, bagi keadaan-keadaan tertentu, pihak kementerian bersedia untuk mendapat pandangan ataupun saranan serta cadangan daripada pihak-pihak yang tertentu seperti yang kita buat apabila kita cuba membina pakej yang ke-11 *Middle Ring Road*, dengan izin, iaitu pakej untuk melengkapkan Jalan Lingkaran Tengah Kuala Lumpur, ada bantahan mahu pun pandangan daripada pengguna jalan raya, penduduk yang mahukan supaya dilihat mengenai soal keluar masuk mereka, pihak kementerian bersedia berjumpa dengan mereka dan mencadangkan perkara-perkara yang boleh mengatasi masalah serta kerumitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kadar kemalangan dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berterima kasih di atas penerangan yang diberikan oleh pihak kerajaan tadi, terutamanya dari segi pembinaan lebuhraya dan juga projek-projek penswastasaan yang dijalankan di negara kita. Kita tidak dapat mfikan bahawa projek yang dijalankan oleh penswastasaan ini telah memberi kemudahan dan juga telah meningkatkan taraf kualiti hidup bagi rakyat Malaysia.

Namun kita lihat bahawa soal penswastaaan dan juga lebuhraya ini menjadi isu yang digunakan oleh pihak pembangkang untuk mempengaruhi rakyat dengan menimbulkan pelbagai tohmahan termasuk juga menimbulkan soal-soal dari segi pembayaran tol yang dikatakan agak mahal dan sebagainya.

Saya ada membaca satu laporan daripada pihak Kementerian Kerja Raya di mana sebenarnya kalau kita lihat dari segi *fact and figures*, dengan izin, di negara kita, kita telah berjaya mewujudkan lebuhraya yang begitu baik dan juga dapat mengelakkan kemalangan sebagaimana kita bincangkan di Dewan ini pada masa yang lalu dan dari segi kos yang dikenakan kepada pengguna, tidaklah mahal sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Persoalannya sekarang, bagaimana kita dapat maklumkan perkara yang sebenarnya ini supaya sampai ke pengetahuan rakyat, ini yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian. Memang kementerian telah pun menjalankan kerja, tugas dan juga telah mencapai produk daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kementerian itu yang terbaik, malangnya tidak dapat dihargai oleh rakyat kerana rakyat mendapat maklumat yang salah, tidak mendapat maklumat yang benar. Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit pandangan dan ulasan? Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang benar seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya yang ditentang bukannya lebuhraya tersebut, tetapi pengenaan tol yang mana pengguna-pengguna walaupun mereka mahukan supaya diadakan lebuhraya dan perhubungan yang lebih baik dan canggih selaras dengan tahap kemajuan negara tetapi dalam masa yang sama, walaupun kita telah terangkan bahawa kerajaan terpaksa membina lebuhraya melalui pendekatan penswastaaan, tetapi mereka masih tidak menerima soal tol dikenakan ke atas penggunaan lebuhraya-lebuhraya tersebut.

Pihak kementerian memang sedar mengenai soal ini dan pihak kementerian juga telah berbincang dengan pihak pemegang konsesi dan juga LLM untuk menjalankan kempen pada setiap masa untuk memberi penerangan kepada rakyat khususnya mereka yang menggunakan lebuhraya mengenai kelebihan-kelebihan penggunaan lebuhraya tersebut. Misalnya seperti yang telah saya katakan tadi, mengenai kadar kemalangan, kalau kita lihat penggunaan lebuhraya ada banyak kelebihan penggunaan lebuhraya ini, antaranya yang pertama soal kadar kemalangan. Kita ambil contoh dalam tahun 1997 kadar kemalangan di Lebuhraya PLUS adalah di paras paling rendah sekali iaitu kadar 0.714 *accident per million vehicle kilometre*, dengan izin. Ini berbanding dengan kadar yang berlaku di jalan biasa iaitu 114.7 *accident per million vehicle kilometre*.

Jadi, itu dari segi tahap kemalangan. Dari segi penjimatan masa, penggunaan lebuhraya kita dapati menjimatkan masa antara 40% hingga 50% berbanding dengan jalan biasa yang sering mengalami kesesakan. Umpamanya perjalanan dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru dahulu mengambil masa dekat 16 jam, tetapi sekarang kita dapat pendekkan kepada lapan jam apabila kita menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan. Jadi, dengan itu sahaja kita telah menjimatkan kos.

Pengguna lebuhraya juga dapat menjimatkan kos operasi kenderaan yang merangkumi kos petrol, kos penyelenggaraan enjin dan juga kos pakai dan haus (*wear and tear*), dengan izin, pada tayar dan juga alat ganti kenderaan. Jadi, perkara-perkara inilah yang kementerian memang sedar dan kita akan pada setiap masa mengambil tindakan untuk menerangkan dan memberi kesedaran kepada rakyat supaya rakyat memahami betapa mereka mendapat kebaikan daripada lebuhraya yang dibina oleh pihak kerajaan melalui konsep penswastaaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sibul telah membangkitkan masalah Lebuhraya Pan Borneo ataupun *Pan Borneo Highway*, dengan izin, yang sangat sempit, bengkok-bengkok dan tidak semuanya dihubungkan oleh jambatan. Yang Berhormat juga ada membuat perbandingan perjalanan udara daripada Kuching ke Sibul dan daripada Kuching ke Miri yang memerlukan 40 minit, satu jam masing-masingnya dan jika melalui jalan darat tidak termasuk satu jam hingga tiga jam menunggu di pangkalan feri yang memerlukan masa lapan dan 16 jam masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sibu, pembangunan infrastruktur di Sarawak tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Sukalah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dahulu sebanyak RM900 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur di negeri Sarawak terutamanya bagi pembinaan jalan raya dan jambatan Manakala sebanyak RM1,217 juta telah disediakan di bawah tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Kerajaan akan melaksanakan pembangunan infrastruktur ini secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Memandangkan saiz negeri Sarawak yang begitu besar, maka pelaksanaan projek pembinaan jalan raya perlu dirancang dengan teliti dan mengikut keutamaan. Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Kerja Raya berharap supaya mana-mana jalan sepanjang Lebuhraya Pan Borneo yang patut dipendekkan ataupun dibuat *by-pass*, dengan izin, bolehlah dirunding di antara pihak kerajaan negeri dengan pihak kementerian. Bagi jalan-jalan yang tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Kerja Raya akan mempertimbangkan mengikut kesesuaian di dalam Rancangan Malaysia Kelapan kelak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sibu bangkit ya. Sila.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan. Saya ingin memberi penghargaan kepada kementerian tentang rancangan akan meningkatkan taraf jalan raya di negeri Sarawak tetapi di sini saya ingin bertanya bolehkah kerajaan menyiasat kembali tentang membuka pintu masuk Utara tambahan untuk negeri Sarawak. Ini kerana sekarang Sibu dan Miri kami pun cuba membangunkan industri pelancongan tetapi kerana lapangan terbang di Sibu dan Miri tidak mempunyai perhubungan langsung kepada negara-negara jiran khususnya Singapura.

Saya fikir bukan kami orang dari Sarawak mahu pergi melawat Singapura. Hanya Singapura sekarang ialah satu '*hub*' atau pusat pelancongan di rantau ini. Kalau satu kota atau bandar ingin membangun industri pelancongan kita perlu mempunyai hubungan udara langsung dengan Singapura supaya kami boleh terima atau *spill over*, dengan izin, pelancongan dari Singapura. Itulah saya merayu sekali lagi untuk kementerian menimbang kembali di samping membangun *hub* udara untuk KLIA. Saya fikir hubungan udara langsung dengan Singapura tidak akan mengganggu pembangunan hub udara di KLIA.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Yang Berhormat, kementerian saya buat jalan raya dengan jambatan, bukan hubungan udara tetapi walau bagaimanapun, saya percaya Kementerian Pengangkutan sudah memahami mengenai hasrat Yang Berhormat dan saya percaya dalam jawapan oleh kementerian yang berkenaan, saranan Yang Berhormat itu akan diberikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli telah mencadangkan supaya projek-projek...

Tuan Jimmy Donald: [Bangun][Mengetuk-ngetuk pembesar suara]

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:penswastan yang dirancang untuk dilaksanakan termasuk projek-projek penswastan lebuhraya hendaklah diiklankan secara terbuka atau di.....

Tuan Jimmy Lim Donald: [Mengetuk-ngetuk pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, Sri Aman, minta maaf ya Sri Aman. Ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan. Jalanraya Pan Borneo ini dari Kuching ke Sabah, sama ada kementerian berhasrat hendak membina jalan raya yang tidak menerusi negara Brunei supaya tidak ada sekatan dan di Miri menyimpang ke Gunung Mulu melalui pekan Marudi supaya kita dapat menggalakkan industri pelancongan domestik.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Saya percaya dari segi menjawab kepada soalan Yang Berhormat bahawa kerajaan akan mengambil kira pelbagai perkara khususnya dari segi teknikal, khususnya dari segi pandangan kerajaan negeri Sarawak dan Sabah mengenai soal sama ada ia melalui negara Brunei ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah membangkitkan mengenai keperluan jalan-jalan raya di kawasan beliau perlu ditambah disebabkan kebanyakan jalan-jalan tersebut telah berumur lebih 20 ataupun 30 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kinabatangan, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah melaksanakan 5 projek penting bertujuan memperbaiki Jalanraya Sandakan daripada Batu 32 ke Lahad Datu. Projek-projek berkenaan ialah:-

- (i) membaiki semula bahu jalan. Kontrak bernilai RM421,441 - siap seratus peratus;
- (ii) memperkuat bahu jalan di kilometer 30 ke kilometer 50. Kontrak bernilai RM3,559,797.55 – siap seratus peratus;
- (iii) memperkuat bahu jalan di persimpangan Batu 32 ke jambatan Kinabatangan. Kontrak bernilai RM6,978,640 – siap seratus peratus;
- (iv) membaiki pulih bahu jalan dari Lahad Datu ke jambatan Kinabatangan. Kontrak bernilai RM3,684,054 – siap seratus peratus;
- (v) membaiki cerun.....

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang bangkit. Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu menjadi kemusykilan saya yang jalan dari Lahad Datu ke jambatan Kinabatangan siap seratus peratus tetapi saya baru lalui baru-baru ini kerana meninjau masalah rakyat, ada lebih kurang setengah kilometer, ia sampai sekarang tidak 'pandai' juga. Jadi, kalau boleh saya mempelawa Yang Berhormat turun melihat sendiri. Mungkin pegawai JKR salah laporan kepada kementerian ini dan kalau betul-betul salah, kita kena mengambil perhatian dan tindakan kepada pegawai-pegawai yang melapor masalah yang masih ada tetapi dia kata selesai. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Yang Berhormat, saya terima undangan Yang Berhormat, lebih-lebih lagi dalam masa sekarang untuk pergi ke Sabah.

- (v) memperbaiki cerun di kilometer 63 dan kilometer 14.5 Jalan Lahad Datu ke Sandakan. Kontrak bernilai RM1,851,885 – kerja-kerja sedang bermula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan telah membangkitkan mengenai projek jalan lintas....

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini ada yang bangkit ini, daripada Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh bahawa kementerian ini melaksanakan pembinaan jalan dan jambatan serta di sesi siang tadi ada menyatakan bahawa pihak kerajaan cuba menjimatkan kos terhadap pembinaan lebuh raya, jalan dan sebagainya. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sebelum pilihan raya baru-baru ini ada sebuah jambatan di Tendong – Seberang Salor yang telah pun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi batu asasnya di mana harga yang ditawarkan kepada pihak kontraktor didapati dua kali ganda melebihi daripada harga yang dianggarkan oleh pihak JKR ataupun pihak QS. Jadi, saya ingin tahu dan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Kerana kes ini kes yang spesifik, maka saya perlu membuat siasatan terlebih dahulu sebelum saya dapat memberi jawapan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan telah membangkitkan mengenai Projek Jalan Lintas Sibuga supaya dapat dimulakan segera. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sandakan, projek ini akan dilaksanakan bermula pada tahun ini juga. Projek yang bernilai RM50,107,810 ini akan dikendalikan oleh Syarikat Kebajasa Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak ialah pada 29 Februari tahun ini dan projek ini dijangka siap dalam tempoh 30 bulan iaitu pada 28 Ogos 2002.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian saya. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Setiu bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan satu perkara berhubung dengan jeti utama dari Merang ke Pulau Redang di Setiu, Terengganu. Jadi, saya ingin pihak Kementerian Yang Berhormat untuk mengambil sedikit tindakan segera kerana jeti tersebut ialah di bawah JKR yang sekarang ini berada di daratan. Saya ingat satusatunya jeti yang sepatutnya berada di laut tetapi berada di daratan dan tertimbus sekarang ini. Harganya lebih daripada RM11 juta dan akibatnya pelancong-pelancong yang sepatutnya dapat pergi ke Pulau Redang, sekarang ini terpaksa menggunakan Pelabuhan Kuala Terengganu dan ini menyebabkan pelaburan lebih daripada RM1 bilion aktiviti pelancongan di Pulau Redang itu agak tergendala sekarang. Begitu juga nelayan tempatan sudah tidak dapat menggunakan kemudahan jeti tersebut. Jadi, saya minta pihak Kementerian dapat berbuat sesuatu. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Ya, terima kasih, saya ambil perhatian mengenai perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, Kementerian saya akan memberikan perhatian dan akan mengambil tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Perusahaan Utama.

2.56 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah bin Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tambun yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan aktiviti huluan dan hiliran terutama getah dan kelapa sawit di atas Usul Ucapan Terima kasih Kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Menurut pengamatan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Malaysia mempunyai sejarah dan pengalaman dalam sektor pertanian khususnya getah dan kelapa sawit dan seharusnya Malaysia hendaklah lebih serius dalam aktiviti huluan dan hiliran untuk menguasai pasaran global dalam industri tersebut. Tuan Yang di-Pertua, pengamatan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun memang benar. Malaysia merupakan negara pengeluar getah asli ketiga yang besar di dunia selepas Indonesia dan Thailand, manakala dari segi pengeluaran minyak sawit pula, Malaysia merupakan negara pengeluar yang terbesar di dunia.

Pada tahun 70-an, 70 peratus daripada eksport getah dan minyak sawit negara adalah dalam bentuk bahan mentah, manakala baki sebanyak 30 peratus dieksport dalam bentuk produk berasaskan getah dan minyak sawit. Tetapi setelah kerajaan melancarkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (*Second Industrial Master Plan*) IMP2 1996-2005, dengan izin, yang menjuruskan kepada pembangunan produk bernilai tambah tinggi (*high value added product*) dengan izin, komposisi struktur eksport getah dan minyak sawit telah berubah. Pada masa kini 90 peratus daripada eksport getah dan minyak sawit negara adalah dalam bentuk produk berasaskan getah dan minyak sawit, manakala bakinya sebanyak 40 peratus dieksport dalam bentuk bahan mentah. Perubahan komposisi eksport ini jelas menunjukkan bahawa industri getah dan minyak sawit telah berkembang ke arah peningkatan aktiviti hiliran selaras dengan dasar IMP2.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat huluan pula kerajaan amat serius dalam menjalankan kegiatan penyelidikan dan penggunaan R&D untuk mendapatkan bahan tanaman yang berkualiti tinggi atau *high yielding planting material*, dengan izin, untuk diagihkan kepada sektor perladangan. Bagi getah, Lembaga Getah Malaysia telah berjaya mengeluarkan benih getah siri 2000 atau Klon Latex Balak (*Latex Timber Clone*), dengan izin, yang boleh menghasilkan susu getah yang banyak berserta dengan isi padu kayu yang tinggi. Bagi kelapa sawit pula, Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) telah berjaya menghasilkan klon Tenera siri Porim Satu (PS1) dan

siri Porim Dua (PSII) yang dapat mengeluarkan hasil dan kualiti minyak sawit yang tinggi. Untuk menjamin bekalan bahan mentah yang berterusan, kerajaan menggalakkan sektor perladangan sama ada getah atau kelapa sawit supaya menjadualkan aktiviti tanaman semula supaya sektor hiliran dapat terus menerima bekalan bahan mentah. Di peringkat hiliran pula....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Padang Terap bangun.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan beberapa soalan berhubung dengan harga getah yang sekarang ini amat rendah disebabkan oleh beberapa faktor. Contohnya, penoreh-penoreh getah di Padang Terap sekarang ini hanya menerima harga sebanyak antara 82 sen hingga 90 sen sekilogram, padahal harga getah yang sebenarnya RM2.88. DRC bagi setiap kilogram antara 50 hingga 60 melibatkan harga antara RM1.58 hingga RM1.72 sekilogram dengan itu bermakna penoreh boleh lagi menerima harga antara RM1.30 hingga RM1.16 sekilogram. Tetapi realitinya, penoreh-penoreh getah kini mampu menerima antara RM0.95 dan RM1.00 sekilogram. Di sini nampaknya ada tekanan-tekanan dari pihak orang tengah ataupun kapitalis-kapitalis yang cuba mengambil keuntungan begitu besar. Amalan ini menekan para penoreh. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk menolong para penoreh ini supaya mereka menerima harga yang lebih tinggi.

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kejatuhan harga adalah atas pasaran dan beberapa faktor-faktor yang tertentu. Kementerian kita juga telah mengambil tindakan-tindakan supaya pekebun-pekebun kecil mendapat pasaran yang boleh menjamin pendapatan mereka. Dan di antara sebab-sebab kejatuhan harga ialah kelembapan pasaran getah antarabangsa dan satu daripada faktor-faktor ialah lebihan penawaran dan stok dan kekurangan permintaan dan juga sentimen pasaran.

Kementerian kita juga telah memastikan supaya keadaan monopolistik itu tidak wujud dan kita juga telah mengadakan skim khas pembelian getah untuk menampung sekiranya ada harga yang turun dan melalui skim ini objektif utama ialah menyediakan *outlet* kepada keluaran pekebun kecil dan juga memberi harga di ladang atau *farm gate* yang secara perbandingan berpatutan. Dan skim khas pembelian getah juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil, campur tangan dalam pasaran harga getah meningkat di pasaran tempatan ataupun antarabangsa ataupun mengambil alih aktiviti komersial yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan berdiri.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan Sejauh manakah komitmen Kementerian ini untuk membantu menyelesaikan masalah pekebun-pekebun kecil dalam bidang getah dan kelapa sawit kerana apa yang dapat saya lihat, Kementerian ini hanya mengambil berat tentang produk-produk daripada industri-industri yang bersifat komersial. Jadi, masyarakat kita terutama sekali orang Melayu bumiputera terpinggir dan mereka yang rasa terpinggir, tidak rasa terbela oleh Kementerian ini. Untuk memastikan bahawa pekebun-pekebun kecil yang memiliki 2, 3 ekar ladang getah dan kelapa sawit ini terbela untung nasib mereka untuk membantu negara ke arah menuju negara maju. Terima kasih.

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Untuk membantu pekebun-pekebun kecil, kerajaan telah pun bercadang, ini telah pun di masukkan dalam belanjawan lepas yang akan dikemukakan semula nanti untuk memperuntukan dalam tahun 2000, sebanyak RM145 juta kepada RISDA untuk program tanaman semula, RM120 juta untuk aktiviti luar dan dalam kebun dan RM6 juta untuk tabung pusingan bagi menggalakkan guna pakai teknologi LITS RM80 juta untuk lima tahun. Bagi aktiviti luar pula dan dalam kebun, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan RISDA akan berbincang dengan Kementerian Pertanian untuk menilai aktiviti yang sesuai untuk pekebun-pekebun kecil. Bagi guna pakai LITS pula, Kementerian Perusahaan Utama dan Lembaga Getah Malaysia akan berbincang dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan RISDA mengenai pendekatan yang bersesuaian.

Sektor pengeluaran perlu dijaga oleh kerana ia telah menjadi pembekal bahan mentah kepada dua subsektor iaitu barangan berasaskan getah dan barangan berasaskan kayu getah. Sama juga dengan kelapa sawit, kita juga telah mengadakan satu skim yang telah dibincangkan di mana kita akan membantu pekebun-pekebun kecil untuk rehabilitasi, penanaman semula dan kita juga akan mengadakan satu pinjaman yang kita longgarkan supaya pekebun-pekebun kecil ini dapat menanam semula pokok-pokok yang tua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa kerajaan akan menyediakan satu jumlah peruntukan untuk pekebun-pekebun kecil bagi penanaman semula. Cuma apa yang berlaku hari ini, antaranya di dalam kawasan-kawasan pekebun kecil, termasuklah di kawasan Pokok Sena, ada pengaduan yang kita terima bahawa mereka sudah tidak memperolehi peruntukan ataupun tidak dipilih untuk menyertai skim penanaman semula ini hanya semata-mata kerana jumlah keluasan tanah mereka itu dilihat kecil umpamanya 2 atau 3 ekar dan keadaan tanah mereka ini dikatakan – alasan yang diberikan oleh pihak berwajib, mengatakan bahawa kedudukan tanah mereka itu jauh daripada kawasan keluasan kelompok penanam semula, itu yang menyebabkan ramai di kalangan pekebun-pekebun kecil atas alasan ini telah dinafikan hak untuk memperolehi peruntukan penanaman semula. Jadi saya minta satu langkah yang lebih berkesan dari pihak kerajaan memastikan pekebun-pekebun kecil ini tidak teraniaya dan dinafikan dari mendapat hak untuk penanaman semula.

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Saya tertarik sedikit kerana bantuan yang kita buat ini adalah untuk semua pekebun kecil dan saya juga bersependapat dengan Yang Berhormat bahawa mereka ini tidak harus diketepikan oleh kerana luas tanahnya begitu kecil dan saya sendiri akan membawa perkara ini sekiranya betul dan apakah sebab-sebab mereka ini diketepikan. Dan saya percaya bahawa kita dalam melaksanakan tanggungjawab ataupun melaksanakan dasar kerajaan, kita tidak memilih sama ada apa juga pendapat politik masing-masing dan juga tentang kebesaran tanah mereka.

Dan Insya-Allah saya akan selidiki, sekiranya benar saya mohon kerjasama dari Yang Berhormat supaya mengemukakan faktor-faktor itu kepada saya dan saya akan bawakan kepada kementerian.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Insya-Allah saya akan kemukakan faktor-faktor itu dalam tempoh 2 minggu lagi.

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih, Yang Berhormat.

Di peringkat hiliran pula kerajaan menggalakan institusi R&D awam dan swasta supaya memberi fokus kepada strategi pembangunan produk

Tuan Jawah anak Gerang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Lubuk Antu.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah berminat sekali dengan penanaman kelapa sawit oleh pekebun kecil. Saya ingin tahu apakah jenis bantuan yang diberikan oleh kerajaan khasnya kepada penanam baru pekebun-pekebun kecil bukan penanaman semula. Sama ada bantuan ini dikhaskan untuk di Semenanjung sahaja ataupun diluaskan pada Sarawak dan Sabah juga. [Ketawa]

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat.

Kita memang menitikberatkan tentang penanaman semula pekebun-pekebun kecil dan saya telah pun berbincang apabila masuk kementerian mengenai kemudahan-kemudahan yang telah pun diberikan kepada pekebun-pekebun kecil di Sabah dan Sarawak. Dan di antara kemudahan-kemudahan ialah benih-benih yang telah pun diselidiki akan membawa kemudahan ataupun peningkatan hasil dan juga kita membantu pekebun-pekebun kecil dan masalah yang rumit sekali ialah tentang kewangan, pinjaman semula. Dan kita akan sering berbincang dan akan meneruskan perbincangan dengan pihak-pihak yang tertentu terutama sekali bank-bank memohon kepada mereka supaya melonggarkan syarat-syarat yang akan dikenakan kepada pekebun-pekebun kecil dan ini adalah masalah rumit sekali dan inilah yang telah sering

dialami oleh pekebun-pekebun kecil di Sabah dan Sarawak dan juga termasuk di Semenanjung Malaysia. Dan

Tuan Jawah anak Gerang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Lubuk Antu bangun sekali lagi. Boleh?

Tuan Jawah anak Gerang: Saya tertarik juga dengan bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan melalui bank kepada pekebun-pekebun kecil tetapi masalah ialah selalu pekebun-pekebun kecil tidak mempunyai kolateral khususnya di Sarawak seperti tanah yang tidak ada title, jadi tidak boleh dijadikan oleh pemilik-pemilik tanah sebagai kolateral. Apakah jenis tabung atau bantuan supaya kolateral tertentu tidak diperlukan untuk menolong pekebun-pekebun kecil di Sarawak dan Sabah juga. *[Ketawa]*

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita memang prihatin tentang masalah yang dialami dan juga dari segi tanah hak milik yang tidak dapat digunakan sebagai kolateral. Oleh kerana itu kita sering mendengar dan meneliti tentang masalah-masalah pekebun-pekebun kecil ini dan mengkaji dari masa ke semasa. Seperti yang saya katakan awal-awal tadi bahawa satu punca utama yang dikatakan oleh Yang Berhormat juga tadi ialah tentang pinjaman kolateral itu. Dalam hal ini kita harus mendapat satu pendekatan di antara institusi-institusi kewangan dan mereka juga harus mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh bank pusat.

Walau bagaimanapun kementerian juga akan berusaha menubuhkan satu tabung yang mana skim ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri supaya kita dapat membantu pekebun-pekebun kecil ini tanpa mereka mengeluarkan satu kolateral atau *security* kepada bank-bank yang tertentu. Jadi, saya berharap bahawa ini akan menjadi satu kenyataan tidak lama lagi dan kita juga harus prihatin tentang masalah-masalah yang dihadapi juga institusi-institusi kewangan untuk meluluskan sewenang-wenangnya tanpa kolateral yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membuka pasaran baru dan meningkatkan pasaran tradisi sional bagi produk-produk yang berasaskan getah dan minyak sawit

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, saya rasa Yang Berhormat bersetuju dengan saya kerana banyak bantuan subsidi yang disediakan oleh kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil di negara ini termasuk di Sabah dan Sarawak, di Semenanjung turut dirasai nikmatnya oleh penentang-penentang kerajaan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat kita di kerajaan untuk melaksanakan dasar, kita tidak memilih tentang sama ada pekebun-pekebun kecil itu dari pembangkang ataupun penyokong-penyokong kerajaan.

Kementerian Perusahaan Utama juga terus mengadakan misi teknikal dan dagangan keluar negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya ada yang berdiri.

Tuan Madius bin Tangau: Penjelasan. Peruntukan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah peruntukan yang disalurkan oleh RISDA. Setahu saya RISDA ini tidak beroperasi di Sabah dan Sarawak. Jadi bagaimanakah kementerian Yang Berhormat boleh menyalurkan atau memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil di Sabah dan Sarawak dan kalau bukan melalui RISDA, mana satukah agensi ataupun jabatan yang digunakan oleh kementerian Yang Berhormat untuk membantu pekebun-pekebun kecil di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Datuk Anifah bin Aman: Terima kasih Yang Berhormat.

Di Sabah setahu saya yang mengimplimentasikan dasar ini ialah Lembaga Getah Sabah atau Fund Board dan Lembaga Getah Sabah ini bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan di Semenanjung supaya dasar-dasar dapat dilaksanakan di Sabah selaras dengan apa yang telah kita lakukan di Semenanjung.

Di samping itu juga Malaysia juga mengambil bahagian dalam ekspo dan pameran perdagangan antarabangsa bagi memperkenalkan produk Malaysia di mata dunia. Adalah diharapkan melalui kecekapan pengeluaran produk diperingkat hulu dan hiliran yang berkualiti dan berkesan dari segi kos, Malaysia akan dapat terus bersaing, menguasai dan mengekalkan persaingan berbanding dengan negara-negara pengeluaran komoditi lain di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekarang kita jemput Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk menjawab.

3.15 ptg.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh tanggungjawab Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga mengalu-alukan minat di kalangan ramai ahli terhadap kemajuan projek Koridor Raya Multimedia dan usaha-usaha membangunkan industri teknologi ataupun IT di negara ini. Kerajaan berpendapat memang amat penting sekali projek MSC diteruskan sebagai suatu pembangunan yang strategik bagi menyediakan negara kita ini melibatkan dirinya dalam ekonomi yang akan datang yang berasaskan maklumat ataupun ilmu.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Kluang dan juga Kubang Kerian yang telah membangkitkan beberapa isu tentang perancangan pembangunan IT negara dan penyampaian projek MSC. Saya sukalah maklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa seperti yang telah kita baca dalam akhbar penerangan yang telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa pelaksanaan MSC sedang berjalan dengan lancar mengikut jadual yang telah ditetapkan dan pelaksanaan projek MSC secara keseluruhannya menjangkau tempoh 25 tahun dan melibatkan tiga fasa pelaksanaan iaitu fasa pertama daripada tahun 1996 hingga tahun 2003, fasa kedua mulai tahun 2004 hingga ke tahun 2010 dan fasa ketiga 2011 hingga 2020.

Matlamat pertama yang ditetapkan bagi fasa pertama pelaksanaan MSC telah dapat kita capai mengikut sasaran yang ditetapkan. Ini termasuklah pembangunan fizikal Koridor Raya, pewujudan beberapa undang-undang siber yang bertaraf dunia dan juga pembangunan satu bandar baru iaitu Cyberjaya yang kebetulannya telah pun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Julai tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan untuk mendapatkan status MSC, syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa memang digalakkan membuat permohonan dan mereka dialu-alukan. Walau bagaimanapun, mengikut syarat-syarat pemberian status MSC syarikat-syarikat berkenaan perlulah menjalankan operasinya di kawasan-kawasan MSC iaitu seperti di Cyberjaya, di Teknologi Park, Universiti Putra Malaysia ataupun di Menara Berkembar Petronas. Setakat ini 300 syarikat telah diberikan status MSC. Ini meliputi 147 buah syarikat tempatan yang mendapat pendedahan meluas menerusi penyertaan 88 buah syarikat milik asing yang mana 34 daripadanya adalah bertaraf dunia.

Di samping itu, 65 daripada syarikat-syarikat berkenaan merupakan syarikat-syarikat usahasama tempatan dan asing. Ini diharap akan mempercepatkan berlakunya proses pemindahan kepakaran dan teknologi.

Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat gembira dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Ini membuktikan bahawa tuduhan semalam bahawa kerajaan tidak berbuat apa-apa tidak betul. Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri saya ingin mendapat penjelasan daripada 147 buah syarikat tempatan boleh atau tidak dimaklumkan ke dalam Dewan yang mulia ini jumlah berapa peratus ataupun berapa banyak daripada syarikat itu

adalah syarikat yang berindukkan modal bumiputera dan dimiliki oleh bumiputera. Terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong yang menyampaikan soalan itu. Walaupun demikian, saya minta maaf kerana saya tidak mempunyai maklumat yang tepat untuk memberikan penerangan kepada Yang Berhormat di waktu yang saya menjawab sekarang. Walaupun demikian, saya akan menyampaikan penerangan yang lebih tepat lagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga telah menyarankan supaya diadakan agenda bumiputera di dalam pelaksanaan projek IT negara. Saya fikir inilah hasrat yang amat baik sekali dan sememangnya pelaksanaan program pembangunan negara juga telah mengambil keperluan dan kepentingan kaum bumiputera selari dengan prinsip-prinsip Dasar Pembangunan Negara. Di dalam hal ini, kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan akses dan memastikan pengagihan perkhidmatan secara yang sama rata menerusi dengan izin, mewujudkan *universal service obligation* yang lebih tersusun dan berkesan dan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kelapan, kita juga akan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa peruntukan yang lebih bermakna dapat disediakan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa masyarakat luar bandar dan yang terpinggir juga dapat menikmati perkhidmatan komunikasi dan multimedia termasuk IT secara lebih mudah dan pada kos yang berpatutan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Seperti ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pasar rakyat di luar bandar adalah terdiri daripada kaum bumiputera sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ingin dapatkan penjelasan. Merujuk kepada yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi. Semalam saya berucap dan saya tidak kata yang kerajaan tidak buat apa-apa tentang pembangunan IT. Tentang apa yang saya sebutkan antaranya ialah tujuh *flagship* yang telah dilancarkan oleh kerajaan. Sejauh manakah perkembangan ketujuh-tujuh *flagship* ini termasuk rancangan kerajaan untuk mengadakan *multipurpose smart card* dalam bentuk umpamanya ialah passport smart card dan kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa untuk mendapatkan status MSC, kompeni-kompeni ini mesti beroperasi di tempat yang telah ditetapkan. Bolehkah saya mendapatkan jawapan ataupun penjelasan kadar sewa yang dikenakan terhadap syarikat yang beroperasi di ketiga-tiga tempat tersebut.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, kemajuan bagi tujuh aplikasi perdana yang telah ditetapkan setakat ini, empat aplikasi telah pun dilaksanakan iaitu kerajaan elektronik yang dianggapkan hingga kira-kira 26% telah pun dicapai. Bagi kad pintar kira-kira 65% pencapaian telah pun kita capai sekarang dan bagi sekolah bestari 15% pencapaian telah pun dicapai dan bagi teleperubatan cuma dalam peringkat 2% yang masih lagi dalam peringkat penyediaan pelan, konsep iaitu termasuklah *flagship application* yang melibatkan perdagangan tanpa sempadan ataupun jaringan pembuatan seluruh dunia dan kelompok penyelidikan dan pembangunan satu daripada beberapa *flagship application* yang masih belum bermula lagi.

Berkaitan dengan kos-kos sewa tempat tersebut, juga saya tidak mempunyai maklumat yang tepat bagi harga *per square foot each* bagi tempat-tempat yang tersebut. Walaupun demikian, kita telah meneliti dari segi *cost co-operation* dengan izin, di dalam MSC berbanding dengan negara-negara yang bersaing dengan kita di dalam projek ini. Kita mendapati bahawa kos bagi rental dan sebagainya termasuk semua kos untuk membangunkan IT projek di MSC ialah boleh dikatakan munasabah dan terendah juga jika dibandingkan dengan negara-negara yang bersaing dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga teguran dan juga teguran yang telah dibangkitkan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini mengenai kenyataan yang tersiar

dalam suatu akhbar negara Jepun yang *Asahi Shimbun* yang juga dilaporkan di media-media tempatan berkaitan pemberian sogokan oleh Syarikat Mitsui kepada Telekom Malaysia dalam pemberian kontrak peralatan dengan izin, *switching equipment*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang bangkit Yang Berhormat. Ada yang bangkit. Ya, hendak minta penjelasan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ya, minta penjelasan sebelum daripada pihak Yang Berhormat Menteri masuk kepada tajuk baru tadi, sambungan kepada MSC tadi. Maklumat yang dikemukakan oleh pihak kerajaan, kita dapati anggaran pelaburan kumulatif yang dicapai oleh pihak kerajaan dalam usaha membangunkan MSC ini didapati pelaburan terbesar melibatkan modal dalam negara dan kita melihat perkara ini daripada jumlah yang dilaporkan sebanyak RM3,415.54 juta yang diterima oleh pihak pelabur MSC ini hanya kira-kira 18.22% sebenarnya dari luar negara.

Ini bermakna pencapaian pelaburan kumulatif dalam pelaburan ini kita nampak kurang sambutan daripada pihak luar negara ataupun syarikat-syarikat yang melabur dalam MSC ini. Minta Yang Berhormat menjelaskan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dari segi penglibatan semua syarikat yang melabur dalam MSC ini kita berpuas hati dengan profil syarikat yang tersebut. Bukan sahaja dari segi bentuk penglibatan syarikat-syarikat di luar negara malahpun kita tertarik kerana syarikat tempatan kita sendiri telah mengambil bahagian kerana kemajuan ataupun sukses projek ini nanti kalau dilihat dari segi jangka panjang ialah penglibatan syarikat Malaysia sendiri dan oleh sebab itu saya fikir kita harus menerima hakikat bahawa pelaburan yang disalurkan oleh syarikat tempatan yang menggalakkan sekarang harus kita puji dan harus kita tarik lagi. Walaupun demikian, kita pun sedar penglibatan syarikat asing akan terus juga baik kerana mereka mempunyai teknologi yang mungkin diperlukan oleh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi pendek kata saya berharap Ahli Yang Berhormat janganlah bimbang kerana penglibatan syarikat tempatan ini nampaknya tinggi. Untuk menyambung

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yang Berhormat bersama dengan Pengerusi Eksekutif MDC telah melawat Bollywood satu ketika dahulu. Oleh kerana tawaran meminang kepada Hollywood tidak berbalas, maka dia pergi ke Bollywood.

Jadi, saya membaca beberapa artikel dan juga majalah *Video Con-Screen* di mana beberapa komen telah diberikan oleh mereka yang terlibat dalam sektor perfileman di Bollywood, yang mengatakan bahawa menceritakan tentang – hendak dikatakan enggan pun tidak juga, tetapi dekat-dekat itulah, maknanya keengganan, minta maaf agak kasar sedikit perkataan itu. Keengganan mereka untuk datang dan menggunakan *facilities* dengan izin, di MSC disebabkan antara faktor utama dikatakan birokrasi dan tidak birokrasi dan yang kedua adalah tentang kemampuan technician yang ada di MSC. Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengambil hasrat untuk menarik pelabur-pelabur dari banyak negara. Satu daripada rancangan ialah untuk membangunkan apa yang dikatakan industri perfileman dan sebagainya di negara kita ini sebagai suatu industri di masa depan yang dianggapkan mempunyai potensi untuk menyalurkan perkembangan ekonomi kita iaitu *entertainment economy* sebagai satu ekonomi asas yang harus kita bangunkan.

Oleh sebab itu kita memang menarik minat mereka dari Amerika Syarikat juga dari Bollywood, India seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Bahkan kita berharap sebahagian daripada mereka akan tertarik dengan jemputan tetapi kita tidaklah boleh memaksa mereka. Terpulang kepada mereka sendiri untuk menentukan adakah pelaburan itu akan berhasil tetapi lawatan ke Bollywood dapat memberi gambaran bagi tujuan kita untuk membuat cadangan untuk membangunkan suatu *entertainment village* juga di negara kita ini yang sekarang ini dalam peringkat

perancangan dan sedikit sebanyak saya fikir lawatan itu juga membantu untuk memperjelaskan lagi konsep yang harus kita pertimbangkan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyambung apa yang saya hendak sebut di sini bahawa berkaitan dengan kontrak *switching equipment* yang disiarkan dalam akhbar itu tadi, seperti yang telah saya sebut kepada komen dari pihak Ketua Pembangkang minggu yang lepas. Sebenarnya Kementerian saya memang telah pun mengambil tindakan meminta Badan Pencegah Rasuah melakukan tindakan segera bagi menyasiat dakwaan tersebut. Secara kebetulan juga pihak BPR sendiri memang juga telah pun memulakan penyiasatannya dan Telekom Malaysia juga sedang berusaha untuk mendapatkan semua maklumat perlu berkaitan perkara ini bagi membantu pihak BPR dalam penyiasatan tersebut. Mengikut maklumat awal yang saya terima dari Telekom Malaysia hasil semakan setakat ini menunjukkan bahawa tender berkenaan telah dibuat melalui proses tender terbuka mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Tender tersebut telah diiklankan pada 18hb Januari 1991.

Pada tarikh tawaran ditutup pada 23 April 1991, sebanyak sembilan penender telah mengemukakan tawaran. Syarikat Mitsui tidak termasuk dalam senarai syarikat-syarikat yang memasuki tender berkenaan. Tawaran tender tersebut kepada syarikat-syarikat yang dipilih pula telah diputuskan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 1992. Memandangkan perkara ini sekarang di dalam tindakan BPR saya fikir eloklah kita menunggu hasil siasatannya sebelum kita membuat apa-apa anggapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jeli telah juga menyentuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri untuk menjawab dan satu hakikat yang sedih yang kita terpaksa terima ialah bahawa BPR Malaysia tidak dapat meyakinkan orang awam bahawa ia dapat menjalankan tugasnya dengan bebas dan *profesional all the time*. Bukan saya kata dia tidak buat tapi bukan setiap kali boleh meyakinkan orang awam terhadap kebebasannya. Jadi saya ingin menanya Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan bersedia untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Parlimen semua parti untuk menjalankan siasatan supaya kita boleh menunjukkan bahawa kita betul-betul ingin membasmi korupsi di Malaysia.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat Yang Berhormat bagi Kota Melaka nampaknya juga, dengan izin, *double standard* sedikit kerana dalam minggu yang lepas di waktu soalan Bukit Cina timbul dalam soal-jawab oleh Rompin, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong mengatakan kepercayaannya dengan siasatan polis dan sebagainya tiada kesalahan bagi pihak DAP berkaitan dengan kedudukan wang yang dikutip bagi Bukit Cina. Nampaknya apabila maklumat atau report itu mengeneipkan kepada pihak DAP mereka bersetuju menerima. Apabila dianggap tidak mengeneipkan DAP tetapi secara objektif nampaknya mereka enggan menerimanya. Bagi pihak kerajaan kita berpuas hati dengan kedudukan BPR yang menjalankan tugasnya secara *independent*. Oleh sebab itu, kita menyerahkan perkara ini untuk disiasat oleh BPR dan saya memikirkan biarlah BPR itu diberi masa untuk menjalankan siasatan yang betul. Kita menunggu laporan itu nanti dan keputusan BPR.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Kalau terlibat dengan soalan yang sama saya fikir tidak payah, kalau soalan yang lain kita boleh.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini satu kali sudah takutkah?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Bukan takut, kalau hendak *repeat* ...

Tuan Kerk Kim Hock: Bagilah jalan, ini bukan mahu gaduh ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, Menteri tidak bagi jalan.

Tuan Kerk Kim Hock:...perkara serius.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli pula telah menyentuh isu monopoli.. ...

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak boleh puji, satu kali sudah takut. Tidak boleh bagi pujianlah ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ..tidak kasi laluan. Ini kuasa hak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini perkara serius.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Untuk maklumkan ahli Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Bukan tidak boleh bagi satu kali. Kalau hendak *repeat* tiap-tiap kali itu tidak ada makna. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Menteri tidak beri laluan jadi sila patuh Sila duduk, sila duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi jalan kerana perkara ini sudah saya jawab.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka ini apabila orang tidak mengikut pandangannya seolah-olah orang itu salah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh atau Bukit Mertajam?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Kalau soalan yang sama saya tidak bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak tidak sama.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Kalau perkara yang lain saya boleh bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Kalau soalan yang sama apa hendak jelas. Penjelasan sudah saya beri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak sama. Soalan yang lain.

Seorang Ahli: Isu yang sama.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Okay, kalau soalan yang lain saya bagi tetapi tapi kalau soalan itu ...

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang mana isu yang lebih serius. Isu Bukit Cina atau isu Telekom yang didakwa menerima *feed-back* yang mana lebih menjejaskan Kerajaan Barisan Nasional ataupun imej negara, yang mana lebih serius kalau berbanding kepada isu *abuse of the maid* yang mana lebih menjejaskan imej negara ini yang kita lihat di sini, kita nampak kemarahan tentang penderaan orang gaji Indonesia, kerana kejadian ini boleh menjejaskan imej negara. Bukankah ini isu Telekom yang menerima *kick back* ini lebih menjejaskan imej negara? Dan ia juga boleh menjejaskan keyakinan kepada ekonomi negara dan juga Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya berpendapat bahawa seorang menteri yang sepatutnya datang ke sini menjalankan tanggungjawab untuk menjawab soalan. Mengapa hendak kaitkan dua perkara yang *totally* berlainan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, inilah tindak tanduk seorang pembangkang yang datang ke sini, *forget about the basic principle*. Prinsipnya adakah BPR ini *independent* atau tidak. Itu soalnya. Bukan soal apa yang jadi. Adakah BPR ini bebas dan boleh dipercayai. Saya telah menerangkan apabila ianya melibatkan DAP, pihak DAP suka setuju terima, apabila melibatkan orang lain ia tidak setuju terima. Ini ia punya soalan, tidak ada soal lain [Disampuk]

Beberapa Ahli: [Bangun][Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Okay, sudah!. Terima kasih.

Seperti yang sudah saya terangkan tadi, Yang Berhormat bagi Jeli ada menimbulkan soal monopoli dari segi tenaga elektrik, saya sukalah memaklumkan bahawa tiada monopoli di negara kita. Ini tidak berlaku kerana dalam pembekalan tenaga elektrik di negara kita ini terdapat tiga syarikat utiliti utama, di Semenanjung - Tenaga Nasional, di Sabah – *Sabah Electricity Board Sdn. Bhd (SEB)* dan di Sarawak – Perbadanan Pembekalan Tenaga Elektrik Sarawak (SESCO). Di samping itu sepuluh syarikat penjana bebas telah dilesenkan....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ...

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: ...untuk menjana,....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Yang Berhormat Menteri, saya ingat Yang Berhormat pun silap faham. Kena baca betul-betul *speech* saya itu.

Saya katakan monopoli di peringkat, umpamanya di Semenanjung TNB – satu *company*, di Sabah satu *company*, di Sarawak satu *company*. Bukan kata di Semenanjung satu sahaja, patutnya banyak lagi *company*, di Sabah maupun di Sarawak. Ini maknanya ada lagi unsur monopoli di Semenanjung. TNB sahaja di Semenanjung, SEB sahaja di Sabah. Sepatutnya ada pesaing-pesaing yang lain juga. Minta diperbetulkan maklumat tersebut.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Itulah yang saya hendak panjangkan tadi apabila Yang Berhormat bangun untuk memberi penjelasan.

Sebenarnya 10 syarikat penjanaan bebas telah dilesenkan untuk penjanaan elektrik di negara kita ini. Jadi penjanaan kuasa elektrik ini tidak terhad kepada satu syarikat sahaja. Sepuluh syarikat telah diberi lesen untuk menjana kuasa elektrik dijual kepada TNB di Semenanjung dan SESB di Sabah. Juga terdapat 33 *core generators*, dengan izin yang menjana elektrik untuk keperluannya sendiri. Bermakna dari segi penjanaan kuasa elektrik memang betul tidak ada monopoli di negara kita ini.

Dalam saluran masih kekal monopoli sekarang, namun demikian tujuan kita untuk mengubah struktur industri elektrik dengan mengambil kira keperluan di masa hadapan apakah *transmission distribution*, dengan izin, perlu diubah dari apa yang kita lihat sekarang. Itu kedudukan yang sebenar.

Mengenai gangguan elektrik.....

Tuan Liow Tiong Lai: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Okay, mana satu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Depan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Daripada jawapan itu kita dapat melihat bahawa monopoli di dalam penguasaan perniagaan *electricity* di negara kita sebenarnya tidak berlaku secara tidak langsungnya apabila kita mempunyai IPP yang mana IPP juga mengeluarkan tenaga, yang mana tenaga ini dijual kepada TNB. Tetapi satu persoalan, Yang Berhormat Dato', kerana sejak ada IPP timbul rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai TNB sendiri.

Saya mendapat maklumat bahawa sebahagian daripada pegawai-pegawai yang ada dalam TNB sekarang ini, walaupun mereka diwujudkan dengan adanya program penswastan yang dibuat oleh kerajaan, mereka menikmati pendapatan yang lebih lumayan, kedudukan yang lebih baik di dalam TNB tetapi apabila diwujudkan IPP seolah-olah IPP ini salah satu daripada perkara yang menyebabkan pegawai-pegawai dalam TNB tidak puas hati dan ada sebahagian mereka sekarang ini menunjukkan sikap membangkang kerajaan.

Adakah Yang Berhormat sedar kedudukan ini dan saya ingin mendapatkan penjelasan dari segi hubung kait di antara IPP dan TNB. Kenapa timbul rasa tidak puas hati yang saya rasa sepatutnya tidak timbul sebab kita tidak mahu ada unsur-unsur monopoli di dalam negara kita. Terima kasih.

Seorang Ahli: Setuju nampaknya itu.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Arau. Sebenarnya saya tidak sedar bahawa ada perasaan kurang senang di peringkat kakitangan dan pegawai-pegawai TNB berkaitan dengan kedudukan IPP kerana terma-terma penggajian itu berasaskan persetujuan dua pihak - persetujuan IPP sendiri dan juga persetujuan Tenaga Nasional untuk menandatangani *purchase agreement* dan berasaskan persetujuan *agreement* itu pun telah dipakai dan diterima. Jadi kalaulah ada timbul perasaan yang menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan kakitangan dan pegawai Tenaga Nasional, saya fikir ini bukanlah berpunca dari segi perhubungan di antara IPP dan Tenaga Nasional sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: yang Berhormat Menteri.

Tuan Liow Tiong Lai: Minta penjelasan sedikit. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan bagi perkhidmatan elektrik terutamanya di kawasan luar bandar. Saya ingin mendapat tahu bahawa sekiranya kerajaan dapat menubuhkan *Rural Electricity Fund* untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk luar bandar, kenapa kita tidak boleh menubuhkan tabung yang sama untuk memberikan perkhidmatan telefon yang baik. Tadi Menteri telah mengatakan bahawa ada diwujudkan *Universal Service Obligation*, adakah kementerian menjalankan penguatkuasaan untuk memastikan semua syarikat telefon dapat memberikan caruman? Sekian, terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, *Universal Service Obligation* ini memang diamalkan dan semua syarikat-syarikat berlesen pun juga terlibat. Apa yang harus kita buat ialah untuk menentukan cara sumbangan atau caruman itu lebih tersusun lagi. Ini cadangan kita oleh kerana kita memahami bahawa keperluan peruntukan bagi menyalurkan perkhidmatan komunikasi ke luar bandar memerlukan peruntukan yang amat besar sekali dan ini akan mengambil masa, lebih mudah lagi untuk menyalurkan kuasa elektrik dari kita menyalurkan kuasa telefon dan sebagainya.

Jadi pihak kementerian dan kerajaan sendiri memang memahami bahawa kita perlu menambahkan peruntukan bagi tujuan tersebut. Ianya melibatkan syarikat sendiri menerusi *Universal Service Obligation* dan kita juga mengharap seperti yang saya katakan tadi dalam Rancangan Malaysia Kelapan apabila ianya digubalkan nanti, kita boleh menyakinkan untuk menambahkan peruntukan yang lebih bermakna lagi. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sedikit sahaja, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat tadi. Itu memberi keyakinan kepada saya mengenai program yang telahpun dijalankan oleh kerajaan dengan mewujudkan IPP, bukan maksud saya setuju dengan pembangkang. Pembangkang tadi ada menyebutkan, saya cuma ingin mengesahkan bahawa monopoli sebenarnya yang disebutkan itu tidak benar di Dewan ini, tetapi apa Yang Berhormat sebutkan tadi, saya minta supaya kementerian mengkaji. Sebenarnya ada unsur-unsur yang dibawa di kalangan pegawai-pegawai di dalam TNB itu membawakan rasa tidak puas hati mengenai perjanjian IPP dengan TNB. Yang sebenarnya Yang Berhormat menyebutkan dan mengesahkan tidak ada apa-apa perjanjian yang patut dicurigai oleh pegawai-pegawai dan juga mereka yang bekerja dengan TNB termasuk pegawai-pegawai dalam kategori yang agak tinggi dan kanan di dalam institusi berkenaan.

Saya minta supaya kementerian mengkaji dan penerangan perlu diberi kepada mereka supaya ia tidak dijadikan sebagai isu ataupun tidak dijadikan sebagai sebab mengapa pegawai-pegawai TNB harus menentang kerajaan. Ini saya rasa digunakan sebagai 'kambing hitam' daripada pihak-pihak tertentu, Terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pandangan Yang Berhormat bagi Arau itu baik dan kita akan mengambil perhatian. Banyak juga perkara yang disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk gangguan elektrik dan sebagainya, saya tidaklah bercadang untuk menjawab dengan teliti satu

persatunya kerana gangguan ini memang sukar untuk kita menghapuskan sama sekali. Di mana-mana negara pun memang ada gangguan. Tujuan kita ialah mengurangkan gangguan itu dan sedikit sebanyak kita melihat dari segi statistik dalam beberapa tahun yang sudah ianya juga telah mengambil kesan yang baik bagi Tenaga Nasional khususnya.

Di Semenanjung Malaysia misalnya indeks *System Average Interruption Duration* ataupun (SAIDI) tahunan telah menurun daripada 727.59 minit bagi satu pulangan pada tahun 1997 kepada 447.19 pada tahun 1999. Sasaran SAIDI yang ditetapkan oleh Tenaga Nasional bagi tahun ini atau tahun 2000 adalah ke tahap 350 minit pulangan, ini tujuan kita. Kita berharap ini dapat dicapai.

Bagi bandingannya, bagi negara-negara yang telah maju misalnya di Jepun ataupun Amerika Syarikat, angka SAIDI kira-kira dalam lingkungan 200 minit pulangan kurang daripada 200 minit pulangan, bermakna kita mengakui negara kita ini belum mencapai tahap itu, tetapi nampaknya sudah bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang untuk menjawab dengan panjang dan mengucapkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Okay.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tahniah kepada Datuk Menteri di mana melalui statistik-statistik yang Datuk Menteri kemukakan kepada Dewan yang mulia ini jelas ada kemajuan dari segi mengurangkan interruption ataupun gangguan. Saya hendak bertanya sedikit kepada Datuk Menteri, kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang maju pun, data kita tidaklah begitu orang kata, teruk, tetapi boleh dikatakan agak baik juga.

Tetapi bagaimana di masa akan datang, adakah kita tahu alat-alat yang berada di stesen-stesen ataupun *substation distribution*, pengagihan substesen kita, alat-alatnya mungkin lama, kalau adapun ditukarkan, tetapi tidak ada satu, tetapi dari segi usaha penyelarassannya atau mengguna sistem skada di mana tiap-tiap substesen tenaga elektrik di kawasan-kawasan tertentu ada maklum balasnya sama ada melalui talian telefon atau melalui talian tersendiri. Saya hendak bertanya sedikit sama ada kerajaan bercadang untuk belanja tentang aset-aset ini supaya mengukuhkan lagi dari segi mengurangkan lagi gangguan-gangguan yang sedia ada ini.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, itu satu daripada rancangan yang sentiasa dibuat oleh pihak Tenaga Nasional untuk memperkukuhkan lagi saluran elektriknya termasuk memperluaskan pemasangan skada-skada dalam substesen-substesen tertentu. Walaupun demikian ianya harus dibangunkan berperingkat-peringkat kerana keperluan untuk mengagihkan peruntukan itu tidaklah dapat dibuat dalam sekaligus sahaja.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi komen kepada perkara-perkara yang berkaitan di bawah kementerian ini. Saya sedar bahawa sebahagian memang tidak dapat saya jelaskan, ianya diambil perhatian kerana soalan itu banyak soalan yang berulang dan kita akan mengambil perhatian khususnya kepada soalan-soalan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sila.

3.53 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan juga pandangan yang membina semasa membahaskan Usul Titah Ucapan Diraja mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, izinkan saya memberikan jawapan ke atas beberapa perkara dan juga isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun telah mengusulkan agar dilaksanakan pengstrukturian industri-industri dan penggabungan industri untuk

berdaya saing dan mencipta produk berjenama dalam industri di Malaysia serta penyediaan bantuan kewangan oleh kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kluang pula mencadangkan agar meningkatkan usaha penglibatan syarikat tempatan dalam industri di Malaysia dan menyediakan insentif industri berteknologi tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha membangunkan perindustrian semasa memberi penumpuan kepada peningkatan daya saing industri. Pakej insentif serta kemudahan kewangan telah juga disediakan untuk menggalakkan industri berteknologi tinggi, penglibatan syarikat tempatan serta pembangunan produk berjenama dalam industri di Malaysia.

Insentif yang disediakan bagi menggalakkan barangan jenama tempatan adalah dengan cara potongan dua kali ke atas perbelanjaan pengiklanan dalam negeri. Potongan ini diberi kepada syarikat yang dimiliki sekurang-kurangnya 70% oleh rakyat Malaysia. Insentif untuk menggalakkan industri berteknologi tinggi adalah melalui pemberian taraf perintis dengan pelepasan cukai 100% bagi tempoh lima tahun dan juga elau cukai pelaburan sebanyak 60% bagi tempoh lima tahun.

Yang Berhormat bagi Sri Aman mencadangkan supaya peruntukan saham yayasan seperti *Sarawak Culture Foundation* turut diberi keutamaan supaya dapat membantu kaum bumiputra Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan tentang pembahagian saham yang dilaksanakan oleh MITI iaitu ia adalah berpandukan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebelum pergi kepada saham, Dato' Seri. Pasaran saham pun Alhamdulillah nampaknya sekarang ini, saya dengar sebelah sana pun sudah mula main, *land surveyor* dapat projek besar MAB dia pun main saham, saya dengar cerita tadi. Dia *telephone broker* dia.

Tentang jenama tempatan, saya ucapkan syabas kepada kementerian tentang kaedah-kaedah untuk membantu melalui *taxes reduction* dan lain-lain lagi untuk membantu supaya jenama tempatan ini berjaya. Tetapi kami ini risau sedikit dari segi 'gajah lawan dengan minos', kalau dibandingkan - saya ini kadang-kadang main golf, minum juga, kita minum *Yeo Hup Seng*. Kalau dibandingkan budget *Yeo Hup Seng*, jenama tempatan dengan jenama *Coco-Cola* katakan, *Coco-Cola* dalam Astro dia semua ada *Coco-Cola*, probably dia punya *world promotional budget*, I believe, dengan izin, *probably half of billion to one billion a year*, dengan izin. Tetapi *Yeo's* ini tidak tahulah, mungkin setengah juta, satu juta.

Bagaimana persaingan yang tidak adil ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu mengatakan persaingan yang tidak adil ini. Apa juga kita buat pun tidak mungkin kita boleh bersaing dengan mereka, tetapi dia masuk dalam pasaran kita. Minta pandangan Dato' Menteri bagaimana, kalau nanti semua mati, yang lokal punya jenama ini, minuman, makanan, apa-apalah jenama tempatan kalau bersaing dengan mereka itu dalam negara kita sendiri. Di luar macam mana nanti? Lagilah beratnya. Saya minta pandangan Dato' Menteri dalam perkara ini.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengalaman kami banyak daripada barangan dikeluarkan di Malaysia ini mutunya sangat tinggi dan dapat menepati semua standard yang diterima oleh pasaran global tetapi malangnya ada di antara produk-produk ini hanyalah merupakan produk sebagai kontrak *manufacturing*, dengan izin, iaitu produk yang dihasilkan kesan daripada kontrak yang diterima daripada pemilik-pemilik jenama luar negara.

Jadi kita telah memupuk kepakaran mengeluarkan barang, tetapi jenama orang punya. Jadi apa yang kita hendak buat sekarang ialah berasaskan kepada kepakaran yang telah diwujudkan ini. Kalau boleh syarikat-syarikat tempatan kita keluarkanlah barang-barang yang sama ataupun dalam sektor yang sama tetapi dengan jenama kita sendiri yang kita daftar jenama kita dan yang penting ialah mempromosi barangan itu dan inilah satu kekurangan di kalangan syarikat-syarikat kita pengkhususan, mempromosi dan memasarkan barangan termasuk peragaan.

Yang Berhormat tadi sebut tentang jenama asing, saya cuma beri contoh dengan izin Tuan Yang di-Pertua, '*Acer*' nama tidak ada apa maknanya, '*Apple*', komputer *Apple* kalau ikutkan buah apple apalah sangat, macam durian yang lagi

sedap daripada apple, tetapi kerana promosi seluruh dunia tidak terfikir oleh kita bahawa jenama itu adalah sebiji buah apple dan *Apple Computer* mendapat pasaran dunia. Kalau kita boleh buat satu jenama tidak kira jenama itu apa asalkan ia senang diingat dan mudah disebut secara global, pasarkan, promosikan jenama itu. Saya yakin kita mungkin tidak sampailah ke peringkat *Coco-Cola* kerana ia jauh mendahului kita tetapi boleh kita sekurang-kurangnya takluki pasaran-pasaran di rantau kita sendiri seperti ASEAN, rantau-rantau Asia Pasifik, tidak semestinya rantau dunia tetapi mula di luar daripada batasan pasaran domestik. Inilah yang kita harap syarikat kita pupuklah kemampuan untuk mempromosi produk yang baik yang kita ada.

Tadi saya sebut tentang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada seorang lagi bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih dan tahniah kepada Dato' Menteri kerana sudi hadir menjawab soalan pada petang ini. Saya ingin menarik perhatian berhubung dengan galakan pelaburan tempatan (domestik) seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu seminar perindustrian atau perdagangan domestik yang mengikut kementerian diadakan berdasarkan kepada zon-zon tertentu. Tetapi bagi negeri Kelantan sejak tahun 1990 lagi tidak pernah diadakan seminar tersebut dan seminar yang sepatutnya pada tahun ini diadakan di Terengganu kemudian katanya dipindahkan ke Pahang atau Kuantan seperti mana tahun lepas juga telah diadakan di Kuantan, nampaknya tahun ini mungkin tidak pasti sama ada dibatalkan ataupun diteruskan.

Persoalannya di sini ialah berkaitan dengan seminar perdagangan domestik ini ialah jawatankuasa bersama industri yang melibatkan Menteri-menteri Besar yang mana industri-industri ataupun pedagang-pedagang domestik ini menjadikan seminar tersebut sebagai tempat ataupun sebagai forum untuk membangunkan industri di peringkat zon-zon terutamanya di Pantai Timur. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan dasar dan sikap kementerian berhubung dengan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih. Seperti yang telah dijawab dahulu bahawa kita mengadakan di peringkat zon, jadi syarikat-syarikat daripada Kelantan hendak bolehlah pergi misalnya kalau kita kata Terengganu, Terengganu, Kuantan, Kuantan bahkan waktu kami mengadakan seminar domestik di Pulau Pinang tahun lepas, 22 wakil-wakil syarikat daripada Kelantan telah pergi ke Pulau Pinang. Jadi bagi kita tidak perlulah tiap-tiap negeri.

Jadi saya hendak terangkan bahawa selain daripada seminar domestik mengenai pelaburan, kita juga mengadakan dialog-dialog tempatan. Ini boleh kita buat tiap-tiap negeri. Ini berbeza. Yang akan diadakan di Kuantan esok, insyaAllah ialah dialog, bukan seminar, yang mana orang-orang sudah sedia ada mengemukakan masalah kepada semua kementerian yang akan menghantar wakil. Jadi ada dua, Seminar Pelaburan dan Dialog Tempatan. Ini kita boleh buat di tiap-tiap negeri dan biasanya kalau kita terima permintaan daripada dewan-dewan perniagaan dengan izin, *chamber of commerce*, persatuan-persatuan maka kita anjurkan dialog.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Bagaimana berhubung dengan Jawatankuasa Bersama Industri yang melibatkan menteri-menteri besar negeri berkenaan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Di Kelantan?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Di Terengganu dan Kelantan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Setakat ini kita belum tubuhkan lagi tetapi kita menunggu kerana negeri-negeri lain ada dijemput untuk ditubuhkan. Di Kelantan nampak gayanya tidak ada pun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kalau hendak jemput, bolehlah?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Kalau Yang Berhormat tidak jemputlah agaknya, kalau Menteri Besar jemput, insyaAllah kita boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang garis panduan pembahagian saham tadi, garis panduan ini telah.....

Tuan Robert Lau Hoi Chew : [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ini Yang Berhormat bagi Sibu bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya, terima kasih. Minta maaf ya, saya ingin meminta penjelasan dari Dato' Paduka Menteri. Tadi Dato' Paduka Menteri kata insentif bagi industri tempatan tetapi di sini saya mempunyai satu masalah khususnya dari Sibu kerana Sibu adalah pusat membina kapal di negeri Sarawak. Saya telah terima banyak aduan dari kilang-kilang atau *dockyard*, bina kapal ialah mereka sangat sulit menerima AP atau permit input, *marine plat direct engine* untuk membina kapal kerana mereka perlu lulusan terus dari Kuala Lumpur dan buang masa.

Jadi kerana itu kalau mereka terima satu order, satu pesanan, mereka tidak mampu *confirm*, dengan izin, dengan segera kerana mereka perlu tunggu kelulusan AP import *marine plat* dari luar negeri, kadang-kadang mungkin masa tunggu tidak tentu iaitu saya ingin tanya, bolehkah kementerian timbang semula untuk menguasai hak lulusan mengimport *marine plat* dari luar negeri kepada jabatan atau kementerian di Sarawak supaya mereka lebih cepat memproses permohonan itu. Tambahan pula bolehkah, kerana ini membina kapal di Sibu, Sarawak ialah satu industri yang ini telah dapat mengeksport kapal-kapal kepada lebih sepuluh negara-negara asing jadi oleh itu bolehkah kementerian beri insentif kepada mereka supaya mereka bebas untuk memohon AP untuk mengimport *marine plat*. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan permohonan AP untuk bahan-bahan besi waja, *steel blades*, yang digunakan untuk pembinaan kapal. Kita telah mengadakan satu syarat supaya semua pihak-pihak yang ingin mengimport apa juga bentuk-bentuk besi waja untuk industri, wajar menjelaskan kepada MITI bahawa pertamanya jenis-jenis besi waja sama ada *marine plat* dan sebagainya tidak dikeluarkan dalam negeri.

Yang kedua, gred ataupun spesifikasi teknikal barangan itu tidak serupa dengan yang dikeluarkan dalam negeri. Kalau semua detail ini diterima oleh MITI dalam masa yang cepat, maka insya-Allah kita boleh luluskan dengan segera kerana kita tidak mahu menghalang mana-mana pihak daripada operasi pengeluaran.

Jadi saya harap Yang Berhormat kalau boleh balik pada pihak *management dockyard* tadi, *check* dengan dia, betul atau tidak mereka mengemukakan kepada MITI kerana kita tidak pernah halang kerana kalau besi waja itu tidak dikeluarkan oleh syarikat dalam negeri, kita beri import tetapi kadang kala syarikat ini tidak memberi maklumat yang tepat, dia kata pada Yang Berhormat lama tetapi dia tidak *check* cerita dia. Kita minta detail tidak dapat, lambat, jadi kita kena buat dengan teratur.

Jadi saya harap Yang Berhormat boleh bawa balik dan umumkan *direct* kepada saya. Terima kasih. Izinkan saya teruskan.

Tadi saya menceritakan tentang garis panduan yang diluluskan oleh kerajaan untuk pengagihan saham pertamanya 65% daripada saham itu adalah diagih kepada institusi amanah yang diberi keutamaan seperti PNB, Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Koperasi Polis Diraja. Itu adalah dipanggil agensi amanah keutamaan atau institusi keutamaan.

Kategori kedua ialah 25% kepada pemegang-pemegang saham yang sedia ada dalam syarikat yang menawarkan saham dan akhirnya 10% kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang akan disenaraikan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan syarikat yang memenuhi kelayakan. Walau bagaimanapun, sekiranya jumlah saham-saham khas yang ditawarkan itu besar dan terdapat penolakan ataupun baki saham daripada kategori institusi-institusi keutamaan maka baki saham tersebut akan ditawarkan kepada institusi-institusi amanah dan yayasan di peringkat negeri yang diiktiraf.

Oleh itu pihak *Sarawak Culture Foundation* dinasihatkan supaya membuat permohonan rasmi kepada MITI dengan menyertakan butir-butir lengkap mengenai yayasan berkenaan untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Peruntukan Saham di MITI sebagai yayasan peringkat negeri yang diiktiraf bagi menerima peruntukan saham-saham khas bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk mendapatkan penjelasan. Perkara ini agak sensitif dan agak mungkin menyentuh kedudukan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Ada satu perkara yang berkait dengan Yang Berhormat yang telah menjadi isu negara iaitu peruntukan pembahagian saham syarikat-syarikat tertentu kepada apa yang didakwa sebagai menantu kepada Yang Berhormat dan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan pandangan awam kepada Yang Berhormat selaku menteri walaupun pada umumnya masyarakat menghargai Yang Berhormat sebagai menteri yang dedikasi. Bolehkah, adakah satu cara untuk Yang Berhormat memperbaiki imej ini termasuk umpamanya untuk memulangkan saham yang telah dikatakan telah dianugerahkan kepada pihak yang telah mendapat peruntukan tersebut.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau ada penjejasan terhadap imej saya dan prestasi saya, ianya adalah oleh kerana perkataan-perkataan seperti yang digunakan oleh Yang Berhormat ini dan juga oleh orang-orang yang menggunakan isu ini untuk matlamat politik masing-masing. Saya sudah jelaskan

...

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Yang Berhormat, izinkan saya jelaskan dahulu baru soal, saya tidak beri jalan. Sebenarnya ini tidak isu negara. Sebenarnya ia tidak patut langsung menjadi isu. Sebenarnya kita di kementerian oleh kerana ada garis panduan yang begitu jelas dan ada sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh saya sendiri, Setiausaha Parlimen kita, masa itu ada Setiausaha Parlimen, pegawai-pegawai tinggi kerajaan di MITI, maka kita apabila menerima mana-mana kes pengagihan saham, kita tidak menyiasat asal usul seseorang itu bahkan untuk keadilan, kita tidak tanya pula sama ada dia orang parti atau orang pembangkang, yang kita siasat ialah pertama sama ada dia mengikut kriteria yang ada tadi dia layak. Kedua, dia ada kemampuan untuk mengambil alih dan oleh kerana itu demi keadilan kalau sekiranya ada seseorang itu yang telah disyorkan oleh syarikat dan mematuhi semua kriteria yang ada maka orang itu hak layak dapat sama ada dia anak orang tertentu, bapa pada orang tertentu...

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Nanti dulu Yang Berhormat, saya tidak beri izin. Bapa kepada orang tertentu, ibu, kakak, adik, kita tidak tanya, dan bagi diri saya, soal menantu saya, saya hendak jelaskan di sini dan saya harap penjelasan ini bagi terakhir kerana saya juga ingin Yang Berhormat tidak membuat dosa kepada saya sekiranya memandang serong atas apa yang telah dilakukan. Ini saya tidak maafkan orang yang sengaja memfitnahkan perkara yang tidak wajar.

Mengenai menantu saya, ia bukan saham yang saya agih-agihkan seperti harta warisan yang boleh saya agih. Saham-saham itu adalah saham daripada sebuah syarikat yang mana menantu saya bersama pada masa itu, partner atau rakan dalam syarikat peguamnya adalah merupakan peguam kepada syarikat berkenaan dan kebetulannya oleh kerana syarikat itu, oleh kerana hubungan mereka sebagai pelanggan dan *lawyer* atau peguam, syarikat telah merekomenkan kepada MITI untuk pengagihan saham kepada orang-orang tertentu, pihak-pihak tertentu termasuklah dua peguam kepada syarikat. Satu daripada peguam itu adalah kebetulannya menantu saya dan seorang lagi ialah partner kepada syarikat menantu saya, juga seorang bumiputera dan dalam pengagihan saham itu, saya tidak terlibat mengagihkan saham. Saya telah *declare* kerana saya seorang yang berprinsip. Hidup di dalam dunia ini kalau tidak ada prinsip tidak guna bertentang mata dengan manusia yang lain. [Tepuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Yang Berhormat minta izin, saya tidak beri laluan, saya hendak jelaskan dulu, nanti baru kita soal ya.

Apabila saya telah *declare* bahawa ini adalah menantu saya, maka Ketua Setiausaha telah mengambil alih mempengerusikan syarikat dan kriteria telah ditentukan dan mereka telah membuat keputusan sebagai jawatankuasa. Yang menjadi masalah kepada saya ialah seorang lagi bumiputera yang merupakan rakan kongsi, *partner* kepada syarikat guaman itu tidak pernah dibangkitkan oleh seseorang padahal

kelayakannya sama. Saya yakin kalau orang yang disebutkan sebagai menantu saya bukan menantu saya maka dia pada hakikatnya layak juga mendapat. Tetapi kerana ada kaitannya dengan Rafidah agaknya, orang-orang mungkin musuh politik tidak tahulah, mungkin boleh mencari modal daripada ini.

Jadi, saya hendak jelaskan, ini bukan soal saya membahagi-bahagi saham, ini saham milik keluarga saya dan sebagainya. Kami di MITI sangat mementingkan kriteria dan juga segala kelayakan, kalau tidak layak, tidak layak. Kalau layak, Ahli DAP, Ahli PAS kalau layak, Ahli DAP Melayulah, kalau layak kita tidak soal, dia dapat. Kalau tidak layak, biar pun orang UMNO, orang kuat UMNO minta maaf, tidak akan kita beri dan ini rekod. Jadi, kalau

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Seri Rafidah Aziz:minta maaf, walau iananti Yang Berhormat, saya tidak beri jalan, selesai dahulu. Jadi, soal hendak pulang balik, Yang Berhormat[*disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Biar Yang Berhormat Menteri

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya akan dapat jalan ke tidak dapat?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri kata dia akan teruskan. Yang Berhormat akan beri

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak akan beri jalankah, tidak akan beri sekarang?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tidak beri jalan sekarang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak akan beri. Lepas ini akan beri.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tengok keadaan apa hendak tanya kan? Saya tidak habis soal lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau hendak beri lepas itu, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kuasa Yang Berhormat Menteri sendiri.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Okay.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat Menteri kata ia berprinsip. Sekarang kita berhadapan untuk hujah.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Nanti dahulu saya belum habis. Prinsip habis dahulu cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat akan habiskan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Jadi, Yang Berhormat tadi cadangkan kononnya supaya hendak pulihkanlah agaknya imej saya, suruh menantu saya – orang yang berkenaan ini pulangkan balik saham, pasal apa? Dia diagihkan saham itu mengikut kriteria yang mana ia sudah berhak mendapat, apa sebabnya? Kita pulangkan balik kalau tidak berhak. Yang berhak jangan dituntut dan saya ingin menjelaskan bahawa kalau selagi pihak-pihak tertentu ingin mempolitikkan isu ini tidak akan habis ceritanya. Hari ini, di Dewan yang mulia ini, saya menjelaskan habis-habisan kerana saya tidak kua kalau muka saya tidak dipandang tinggi, terjejas, tidak jadi kudis kepada saya. Tetapi saya tidak sanggup orang-orang menuduh seolah-olah kerajaan kita ini buat sewenang-wenangnya apa yang ada hak dan *authority* bagi kita, jadi tidak benar. Jadi, saya harap soal hendak pulang tidak baik, itu bukan *free*. Semua orang yang mendapat saham

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Nanti dahulu saya hendak terangkan habis, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Beberapa Ahli: Duduk!

Dato' Seri Rafidah Aziz: Duduk dulu, saya jarang bercakap. Jadi, izinkan saya bercakap habis. Mungkin ada Ahli-ahli Yang Berhormat memikirkan saham-saham yang kita berikan ini, kita beri *free*. Tidak! Semua saham yang diagihkan adalah saham yang mesti dibeli oleh pihak yang mendapat saham. Dalam hal ini, saya hendak rekod di sini, orang yang menerima saham syarikat yang berkenaan telah

terpaksa membayar - kalau tidak salah saya RM6.00 satu unit saham dan terpaksa meminjam bank seperti juga orang lain. Tetapi penerimaannya adalah hak beliau mengikut kelayakan yang ada dan saya tidak terlibat dalam mengagihkan saham kerana itu dibuat oleh jawatankuasa yang diambilalih pengerusinya oleh Ketua Setiausaha saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Okay, right.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pengagihan saham kepada menantu Yang Berhormat itu mengikut kriteria dan Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang Berhormat tidak terlibat dalam penentuan pemilihan saham kepada menantu Yang Berhormat.

Baru-baru ini Ketua Pemuda Parti KeADILan telah didakwa oleh pihak berkuasa di bawah Akta Rahsia Rasmi atas tuduhan kononnya telah mendedahkan suatu dokumen yang disifatkan dan diklasifikasikan sebagai Akta Rahsia Rasmi. Di situ wujudnya dua isu. Pertama tuduhan dan dakwaan kepada Saudara Ezam. Yang keduanya, secara tidak langsung Jabatan Peguam Negara ataupun pendakwa sendiri telah memperakui bahawa dokumen yang dikatakan didedahkan oleh Saudara Ezam ini ialah dokumen kertas pertuduhan yang dicadangkan oleh pihak BPR dan kemudiannya diperakui, ditandatangani oleh pihak Jabatan Peguam Negara, iaitu Datuk Abdul Ghani Patail yang mengandungi di dalamnya ialah wujudnya *prima facie*, perakuan wujudnya *prima facie* dalam kes yang melibatkan Yang Berhormat Menteri dan dicadangkan di sana bahawa lima pertuduhan termasuklah antaranya ialah pertuduhan yang berkaitan dengan pemberian saham kepada menantu Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat hendak menafikan perakuan secara tidak langsung yang sudahpun diperakui oleh Jabatan Peguam Negara oleh pihak pendakwa dalam pendakwaan mereka terhadap Saudara Ezam?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah apa Yang Berhormat kata sendiri. Kita tunggulah kes itu selesai kerana kita tahu bahawa apa dokumen itu ialah polis sahaja yang tahu, pihak mendakwa sahaja yang tahu, saya sendiri tidak tahu apa benar atau tidak dokumen itu ataupun sama ada dokumen itu sebenar seperti apa Yang Berhormat kata. Bagi diri saya, inilah keadaan yang sebenarnya, ini yang saya tahu. Saya tidak ambil kisah apa yang berlaku dari segi Ketua Parti KeADILan, memang itulah yang dibawanya. Inilah saya sudah katakan tadi, isu ini dijadikan isu politik. Walau apapun kita kata ia akan masih dijadikan isu politik. Ini saya sudah kata tadi, siapa yang membuat fitnah tunggulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak Yang Berhormat. Saya menghargai keterbukaan Yang Berhormat, dan Yang Berhormat kata ini adalah isu politik. Saya sebenarnya teragak-agak untuk bangun daripada tadi lagi dan saya bangun dengan niat yang baik, saya berikan ucapan untuk mendapat penjelasan dengan ikhlas. Saya berhasrat supaya imej Yang Berhormat dapat dijaga. Tetapi Yang Berhormat telah agak provokatif dalam hal ini. Saya merujuk kepada laporan Peguam Negara - kertas cadangan Peguam Negara bertarikh 14 Mac 1995. Yang ada dalam laporan polis, bekas Timbalan Perdana Menteri, yang telah dilaporkan kepada polis pada 9 Julai 1999 bahawa Yang Berhormat di bawah Seksyen 2(2) Ordinan 22/1970 semasa mempengerusikan Jawatankuasa Pembahagian Saham Bumiputera telah meluluskan 1.5 juta saham dalam *Leather Universal Holdings Berhad* kepada menantu Yang Berhormat, Fazrin Azwar. Yang penting di sini ialah bagaimana kita dapat menyakinkan rakyat bahawa Yang Berhormat kata tidak bersalah dalam isu ini. Tidak ada apa-apa yang tidak kena dari segi peraturan dan undang-undang negara. Bukan masalah kita dengki orang sekian dapat saham, orang sekian tidak layak, dia ada kelayakan. Tetapi masalahnya ialah satu pelanggaran undang-undang telah berlaku.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan, sedikit sahaja lagi.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Itu kerana Yang Berhormat nampak gaya membuat satu tuduhan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sedikit, sedikit lagi.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya tidak izinkan kerana ini juga mencemar imej saya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak dapatkan penjelasan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Bila tuduhan dibuat terhadap saya, itu melanggar peraturan, *..it should be struck off the record*

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hanya mencadangkan supaya kita dapat[*Disampuk*]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Jangan gunakan perkataan perlanggaran undang-undang dan sebagainya, iaitu [*Disampuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Satu jalan untuk ketelusan.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* 36(6)

Dato' Seri Rafidah Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Moktar bin Radin: "36(6), seorang Ahli

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Moktar bin Radin: Duduk dulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada kena-mengena Yang Berhormat?

Tuan Moktar bin Radin: *Point of order.* Ya, dia mengeluarkan sangkaan buruk kepada Ahli yang lain. Jadi, ini tidak boleh dalam Dewan. Tolong tarik balik perkataan tersebut.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat dapat membawa [*Disampuk*]

Seorang Ahli: Dokumen-dokumen yang berkaitan.

Tuan Husam bin Haji Musa: untuk diteliti oleh Jawatankuasa Parlimen dan dengan ini semua pihak dapat mencari jalan keluar. Saya bukan hendak merangkap Yang Berhormat di sini. Saya hendak beri satu integriti kepada kerajaan kita, kepada Yang Berhormat. Sekarang kita kena telus. Kalau Yang Berhormat sendiri cakap Yang Berhormat tidak bersalah siapa hendak percaya.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat tidaklah membuat sangkaan buruk dengan sewenang-wenangnya. Apa juga kertas yang ada di situ, saya sendiri tidak tahu dan kita semua tidak tahu apa kandungannya. Saya kata kalau ada laporan dan sebagainya biarlah ia dibuat secara rasmi oleh pihak-pihak yang berwibawa, bukan untuk kita mendebatkannya di Parlimen. Kalau ada kes tunjukkan, biarlah pihak yang berwibawa tunjukkan, bukan parti pembangkang, bukan siapa dan saya dari segi saya menjelaskan ini yang telah berlaku. Kalau ada ahli-ahli yang curiga, terima kasihlah banyak-banyak kerana mungkin hendak mem bersihkan dan sebagainya, terima kasih, itu adalah ingatan baik, tetapi yang pentingnya adalah kita menghayati hakikat sebenarnya.

Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat tidaklah mempunyai buruk sangka dan biarlah pihak-pihak yang berwibawa menyelesaikannya, ya, kita tinggalkan di situ dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh mengenai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Semalam saya telah menceritakan berapa jauh masyarakat Dayak ketinggalan dalam dunia pendidikan dan kita di Sarawak telah menubuhkan Yayasan Pendidikan Teras untuk membantu murid-murid dari kaum Dayak yang ingin mempelajari bidang teknikal. Jadi, bolehkah saya meminta komitmen daripada Yang Berhormat Menteri kita, supaya apabila Yayasan Pendidikan Teras ini nanti minta diberi, Yang Berhormat Menteri telah memberi komitmen untuk *Dayak Culture Foundation*, itu yang pertama, tetapi

yang kedua, khas untuk pendidikan teknikal, jadi ini pun saya merayu supaya apabila badan ini memohon, ia akan dipertimbangkan, apa kata Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum kita pergi kepada menimbangkan apa-apa pengagihan, saya nasihatkan supaya pihak yayasan ini menulis kepada MITI untuk mendaftarkan yayasan itu sebagai institusi yang diiktiraf oleh MITI untuk disenaraikan di kalangan mereka atau pertubuhan yang layak dipertimbangkan apabila wujudnya keadaan di mana saham boleh diagihkan kepadanya, seperti kriteria yang telah kita beri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh mengenai pendekatan yang harus diambil oleh Malaysia terhadap cabaran globalisasi dan juga perbincangan isu-isu pelaburan antarabangsa, dasar persaingan serta dasar perolehan kerajaan di forum antarabangsa, saya menyambut baik pandangan-pandangan tersebut. Kita sedia maklum bahawa Malaysia bergantung besar kepada perdagangan luar untuk membangunkan ekonomi negara.

Namun demikian, kerajaan perlu sentiasa peka dan sedar akan kemungkinan implikasi negatif globalisasi dan liberalisasi terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, terutama kepada industri tempatan. Oleh yang demikian, di forum-forum antarabangsa seperti di Pertubuhan Perdagangan Dunia atau dengan izin, WTO, Malaysia sentiasa proaktif dan bekerjasama dengan negara-negara membangun yang lain untuk memastikan kepentingan ekonomi negara kita terpelihara.

Di persidangan menteri-menteri WTO di Seattle, Amerika Syarikat pada penghujung tahun yang lepas, Malaysia telah menekankan supaya isu-isu seperti pelaburan, dasar persaingan dan ketelusan perolehan kerajaan perlu dikaji dan diteliti dengan mendalam oleh ahli-ahli. Ini bagi memastikan isu-isu tersebut tidak digunakan untuk menyekat pembangunan ekonomi ahli-ahli khususnya negara-negara yang membangun.

Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa mengenai isu-isu pelbagai hala yang diurusitiakan oleh MITI untuk mengawasi perkembangan serta membincangkan isu-isu pelbagai hala yang mempunyai implikasi terhadap kepentingan ekonomi dan juga perdagangan Malaysia.

Di sesi-sesi dialog dan perundingan atau dengan izin, *consultation*, yang diselenggarakan oleh MITI, industri tempatan sentiasa digesa untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk meningkatkan daya saing mereka bukan sahaja di pasaran domestik, tetapi juga di pasaran luar negara. Kerajaan juga akan terus berusaha untuk meningkatkan keberkesanan lobi terutamanya di peringkat antarabangsa di forum-forum yang berkenaan. Sehubungan dengan ini, saya mengalu-alukan cadangan ditubuhkan jawatankuasa khas globalisasi yang terdiri dari Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri adalah antara menteri-menteri Perdagangan Antarabangsa yang terkedepan dari segi hendak mengadakan liberalisasi perdagangan terutama dalam AFTA itu sendiri di mana AFTA akan dilaksanakan pada tahun 2002. Tetapi sebelum AFTA dilaksanakan, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebelum kita membuka pintu seluas-luasnya kepada mereka sama ada daripada negara ASEAN ataupun Asia Timur, masih ada pintu yang tertutup sesama negara kita, umpamanya kita peniaga-peniaga dari Semenanjung tidak dibenarkan untuk bersaing ataupun berniaga di Sabah dan Sarawak melainkan syarikat itu adalah hak milik Sabah dan Sarawak. Kenapa 2002 kita sudah hendak buka pintu Malaysia pada masa yang sama dalam negara Sabah dan Sarawak belum dibuka kepada kita?

Seterusnya saya cukup bimbang, minta Yang Berhormat Menteri jelaskan, saya cukup bimbang kenyataan-kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu lantang mengkritik negara-negara luar. Kita bukan kata kita menyokong

Amerika, itu jangan silap faham, ini kekanda Rompin selalu silap perkara ini, 'keliruisme' ada di sini. Kita bimbang sekiranya Amerika mengambil sikap umpamanya untuk Malaysia kerana kita perlu ingat bahawa negara kita bersaing dalam produk-produk yang hampir sama dengan Thailand, dengan Indonesia, dengan Filipina. Kategori kita, kategori *semi pro* belaka, tiba-tiba kita ini eksport barang kita dan antara yang terbesar adalah di Amerika Syarikat dan juga negara-negara Eropah, dengan takdirilah kata untuk Malaysia ini dikenakan pelbagai cukai yang tidak menentu, maka barangan kita sudah tidak dapat bersaing dengan Thailand, dengan Filipina dan sebagainya.

Apakah langkah-langkah yang bakal dan akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sekiranya itu berlaku, sekiranya kita masih *maintain* tempo kritik secara hebat di peringkat antarabangsa tetapi kenyataan-kenyataan daripada pemimpin antarabangsa di banyak makalah dunia, cakap tak sama bikin, dalam negara tegakkan dahulu keadilan dalam negara baru hendak kritik keadilan di luar negara. Itu kenyataan biasa dalam makalah-makalah antarabangsa, sekian terima kasih.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Mengenai AFTA kita sebelum buka pasaran syarikat Semenanjung hendaklah dibenar masuk ke Sabah Sarawak, sebenarnya saya tidak pula pernah dapat maklum bahawa Kerajaan Negeri Sarawak atau Sabah menyekat mana-mana syarikat daripada Semenanjung ini pergi ke sana, tidak pernah saya dengar pula. Memang tidak ada.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yang Berhormat, tentang *consultancy services* dan juga *construction*, perlu dijelaskan dalam bidang itu.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Ya, saya ...

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, point of order 41(c). Ahli Yang Berhormat bagi Kepong sedang membaca surat khabar, orang sedang berbahas. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar, tetapi kalau ada kes-kes tertentu bolehlah dibawakan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Minta maaf Yang Berhormat Menteri, untuk sektor pembinaan dan *consultancy*, dengan izin.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Kita boleh semaklah, saya sendiri tidak tahu perkara tersebut, saya rasa tidak ada, ini mungkin cuma digalakkan ada *joint venture* dengan orang tempatan agaknya ya.

Yang kedua, tentang sama ada oleh kerana kita berdagang dengan banyak negara seperti Amerika Syarikat, maka kita ini rakyat Malaysia, pemimpin negara Malaysia tidaklah wajar mengkritik mereka.

Saya ingin jelaskan. Kita sebenarnya bila kita kritik, kita tidak pernah mengkritik soal dasar dalaman mana-mana negara, dia hendak buat apa mengenai negara dia, dia buatlah, kita tidak pernah kritik. Tetapi kita tidak sanggup pemimpin-pemimpin negara-negara luar untuk campur tangan dalam hal negara kita. [Tepuk] Kalau itu yang berlaku bukan sahaja pemimpin kita yang patut mengkritik, tetapi Ahli Yang Berhormat juga sebagai rakyat Malaysia harus tampil ke hadapan mengkritik. [Tepuk]

Mereka tidak ada hak untuk menjaga tepi kain Malaysia dan ini yang sedang berlaku, bila kita kritik mereka, bukan dasar mereka yang kita kritik, bukan apa yang mereka buat dalam negeri yang kita kritik, tetapi kita kritik sikap mereka mengambil tahu apa yang kita buat untuk rakyat kita. Apa yang kita lakukan dalam negara kita sendiri. Mereka tidak ada hak untuk berbuat demikian dan kita akan terus kritik, bukan sahaja Perdana Menteri, rasa saya, saya sendiri bila ada kesempatan, insya-Allah, saya kritik [Tepuk] Saya ingin menggalakkan Ahli Yang Berhormat juga sebagai rakyat Malaysia kritikal bersama.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tidak, nanti dahulu. Saya sudahkan menjawab Yang Berhormat ini dahulu. Jadi, mengenai sama ada ia boleh jejakkan perdagangan dan sebagainya, kalau orang Amerika itu marah, contohnya kalau Presiden Amerika marah atau pentadbiran Amerika marah. Sebenarnya mengikut pengalaman kita, orang yang berdagang iaitu sektor swasta dan juga yang melabur di negara kita, kebanyakannya mereka tidak hairan apa yang dilakukan oleh kerajaan mereka kerana mereka itu empat tahun sekali, lapan tahun sekali pasti berubah. *[Disampuk]* Ini jelas kerana mereka berdagang dan melabur tanpa mengambil kira unsur-unsur politik kerajaan mereka sendiri. Yang penting bagi mereka ialah asalkan di Malaysia ini mereka yakin kepada dasar kita, di Malaysia ini mereka boleh melabur dengan satu perasaan bahawa pelaburan ini adalah akan tetap terjamin dan mereka boleh mendapat untung bila berniaga dengan kita atau membuat kilang-kilang di sini dan menjual di serata dunia, mereka akan terus berbuat demikian, mereka tidak mengambil kira soal politik.

Bahkan saya ingin menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, waktu kita bertikam lidah dengan Kerajaan Amerika Syarikat, waktu diadakan Persidangan APEC di sini, pihak kerajaan telah menerima beberapa surat daripada persatuan-persatuan seperti ASEAN Chamber ataupun Dewan Perniagaan ASEAN-Amerika yang mengancam kerajaan mereka sendiri kerana campur tangan dalam hal kita. Kita menerima surat daripada sektor swasta Amerika yang mengatakan bahawa kerajaannya tidak berhak campur tangan tentang Malaysia. Mereka berjumpa dengan kita mengatakan bahawa kami sektor swasta akan terus menjalankan hubungan baik dengan swasta di Malaysia. Jadi, itu hakikat sebenarnya. *[Tepuk]*

Jadi, dari segi langkah kami, langkah kerajaan dan MITI dan juga kita semua di sini, Barisan Nasional terutamanya ialah kalau ada campur tangan urusan dalaman kita, kita akan tampil ke hadapan membela negara kita sendiri. *[Tepuk]* Kita tidak akan tunduk malu-malu kerana tidak ada sebab kita hendak malu kepada orang yang cuba mempolitikkan apa juga yang boleh dipolitikkan. Kalau perdagangan antarabangsa hendak dipolitikkan, dia akan politikkan. Jadi, kita juga negara yang ada maruah, kecil pun negara kita tetapi bermaruah, kita ada hak untuk menyatakan apa yang hakikat bagi kita. Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah jumlah pelaburan Amerika Syarikat di Malaysia sekarang dan *[Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar hendak bangun menjawab]* belum habis lagi penjelasannya. Saya ada dengar hujah-hujah daripada penyokong-penyokong kerajaan termasuk Rompin, 'Parit yang sulong' yang membidas, misalnya, pihak Amerika Syarikat. Bukan kita di sini hendak membela Amerika Syarikat, cuma kita dapat mengerti apa yang disebutkan oleh pihak ahli-ahli penyokong kerajaan yang bukan sahaja bidas kerana pihak Amerika Syarikat campur tangan di dalam hal ehwal negara Malaysia ini, kita pun tidak bersetuju. Sesiapa sahaja yang campur tangan di dalam hal ehwal Malaysia kita tidak setuju dengan campur tangan seumpama ini kerana kalau kita jadi kerajaan pun kita tidak mahu orang campur tangan.

Walau bagaimanapun, saya ada dengar kritikan dan cemuhan dan sebagainya terhadap Amerika Syarikat bukan sahaja kerana mereka campur tangan di sini, bahkan juga dengan Iraq dan pelbagai aktiviti Amerika Syarikat di luar. Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai kritikan seumpama ini.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat mengenai pelaburan kerana angka ini saya rasa telah dijawab dalam soalan lisan dalam tempoh ini, bukanlah jawapan Ahli Yang Berhormat tetapi jawapan kepada Dewan yang mulia ini dan saya rasa angka-angka itu ada dalam *Hansard*. Kalau hendak boleh kita beri, *no problem*, tidak ada masalah, boleh kita ulang balik, ada angka itu Tetapi Amerika Syarikat terletak diangka yang tinggi, betul dan mereka terus melabur walaupun kita ada bertikam lidah dengan pemimpinnya, walaupun kita kritik kerajaannya terus melabur kerana mereka dapat mengasingkan politik kerajaan mereka dengan dunia luar, bukan sahaja dengan Malaysia.

Setengah daripada kritik-kritik terhadap Kerajaan Amerika ialah mengenai perkara-perkara seperti Iraq dan sebagainya. Ini sebenarnya berasas kepada usaha-usaha di kalangan Kerajaan Amerika untuk mengaplikasikan undang-undang domestik

di luar daripada wilayah domestik, atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengaplikasikan secara *extra territorial domestic legislation* Amerika oleh kerana mereka mempunyai pertelingkahan politik dengan mana-mana negara, misalnya seperti Iraq, maka mereka menggubal undang-undang tempatan yang bukan sahaja mengenakan beberapa tindakan terhadap syarikat Amerika yang berniaga dan melabur di negara yang berkenaan tetapi juga melibatkan negara-negara seperti kita Malaysia, kalau syarikat kita melabur di sana dan ini sudah ditentang sebulat suara oleh semua ahli dalam WTO yang tidak ingin melihat negara seperti Amerika menggubal undang-undang domestik dan cuba mengaplikasikannya secara yang, dengan izin, *extra territorial*. Itulah yang selalu kita bangkitkan bila kita sebut Amerika dan Iraq dan ini sudah mereka buat, sudah pun dijalankan. Ini memang menyalahi peraturan-peraturan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa apabila kita mengkritik sebuah negara bukanlah kerana apa tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ada seorang ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Mana, tidak nampak.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Menteri, saya mewakili Parlimen saya, pengundi-pengundi saya, saya hendak ucap terima kasih, tahniah, syabas kepada Dato' Seri yang telah banyak memperjuangkan masalah perdagangan antarabangsa ini terutamanya untuk mempertahankan Malaysia. Saya kira Dato' Seri telah berupaya memimpin negara-negara membangun dan saya hendak quote rakan saya dari negara jiran yang membuat liputan persidangan semasa di Singapura. Dia kata begini, "*Kalau tidak ada itu ibu Rafidah, kita semua sudah ditelan oleh Amerika.*" [Tepuk] Dato' Seri jangan bimbang, teruskan, pimpin Kementerian Dato' Seri, pertahankan maruah Malaysia di arena antarabangsa, insya-Allah Tuhan akan melindungi kita. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saham.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, janganlah buat sangka buruk ya, saham pula dikaitkan dengan apa Yang Berhormat kata. Yang Berhormat, saya sebenarnya tidaklah dengan bulat-bulat Yang Berhormat menerima untuk diri saya apa-apa pujian tetapi saya ini cuma melambangkan atau mengemukakan pendirian kita Kerajaan Barisan Nasional. Apabila kita berada di satu-satu forum yang kita mengetuai delegasi kita, kita suarakan pendirian negara kita dan kalau kita tidak bertegas memanglah benar negara-negara besar akan dapat menakluki ekonomi kita dalam jangka masa panjang. Di Malaysia kita berazam untuk bersama-sama dengan negara-negara yang sedang membangun untuk menyuarakan hak kita dan memastikan apa juga agenda antarabangsa memberi pertimbangan....

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sedikit...

Dato' Seri Rafidah Aziz: ...yang saksama kepada agenda kita juga. Ya Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya hendak mencelah sahaja, tadi Temerloh itu pujikah atau perlu sebab saya bimbang sedikit. [Ketawa]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Yang Berhormat agaknya kalau Yang Berhormat memuji itu adalah itu ya. [Ketawa] Janganlah menilai orang lain seperti nilai-nilai Yang Berhormatlah, susah sedikit, orang lain tidak serupa. [Sorak] Orang lain kalau puji dia tidak ada udang di sebalik batu, saya pun tidak ada apa hendak beri kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak pernah minta saya pun. [Tepuk] Tidak pernah ada. Kami tidak ada *feed bronco* di sini.

Seorang Ahli: Untuk pemilihan Ketua Wanita.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tak payahhhh! Dia tidak mengundi pun, dia tidak mengundi.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...ada yang hendak bercakap?

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ya, ya, saya hendak cakap. Saya tidak takut untuk puji kalau benda yang betul. Saya kira Yang Berhormat Dato' Seri telah mainkan banyak peranan, telah menyelamatkan negara daripada banyak ancaman-

ancaman antarabangsa. Saya tidak pernah minta saham, saya pun tidak wanita, tidak boleh hendak mengundi beliau. Terima kasih. [Ketawa]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan setakat ini atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun dan mengetuk-ngetuk pembesar suara]

Dato' Seri Radidah Aziz: Saya ucapkan sekali lagi terima kasih, mana-mana isu atau perkara-perkara yang saya tidak bangkitkan pada kali ini....

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada Yang Berhormat bangun lagi.

Dato' Seri Rafidah Aziz:.....saya jamin akan disusuli dan diberi perhatian. Ha?

Tuan Wilfred Madius Tangau : [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bangun lagi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sikit sahaja. Penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tentang perkara-perkara yang dibangkitkan daripada Jeli tadi. Saya sebagai wakil rakyat dari Sabah, saya merasa agak tersinggung seolah-olah kami di Sabah dan Sarawak ini terlalu istimewa di negara Malaysia apabila dikatakan syarikat-syarikat ataupun peniaga-peniaga dari Semenanjung tidak boleh masuk ke Sabah. Jadi kita perlu perjelaskan perkara ini sebab ini adalah satu tanggapan, satu buruk sangka yang tidak betul. Walaupun ada barangkali perkara-perkara keistimewaan negeri Sabah, semuanya ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan yang terkandung dalam IGC atau *Inter-Governmental Committee Report* semasa negara kita yang dibentuk dalam tahun 1963. Jadi buruk sangka ataupun sangkaan yang tidak betul ini kita minta supaya tidak disebar oleh pihak pembangkang seolah-olah negara kita ini bukan satu. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan yang lebih jelas supaya tanggapan yang salah ini diperbetulkan. Terima kasih.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih. Itu saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak tahu dan kerajaan tidak tahu adanya perkara ini, saya rasa tidak ada tetapi mungkin ini sebuah syarikat yang ingin *joint-venture* dengan Yang Berhormat, jadi ditafsir sebagai dasar, pada dasar memang kita tidak ada.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Memang *confirm, confirm*.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Siapa yang buat dasar itu?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Boleh *check* dengan mana-mana syarikat-syarikat *consultant, infect* di *Treasury* pun sudah menetapkan macam itu.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berikan sedikit penjelasan. Sebenarnya di Sabah dan Sarawak pun banyak syarikat *consultant* yang beroperasi, banyak, cawangan ada, syarikat yang dimiliki orang Semenanjung pun ada. Tidak ada syarat tetapi dengan adanya pengalaman dari dahulu di mana ada cawangan, ada *office* tidak ada *consultant*, jadi itu sudah diberhentikan, tidak boleh *sign* kalau tidak ada *consultant* ditempatkan di negeri Sabah kerana dengan ada pengalaman dahulu banyak projek tergendala, tidak ada *consultant* saksi, tidak ada *consultant check*, sudah ada sijil, lulus, sudah mengikut syarat, kemudian projek tergendala, maka kemudian kerajaan negeri atas kepentingan rakyat, pembangunan ekonomi dan lain-lain maka kita kenakan syarat. Ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tujukan soalan kepada Menteri kah? [Ketawa]

Datuk Yong Teck Lee: Saya penjelasan. Penjelasan dan juga tambahkanlah kerana ini dia salah tafsir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir cukuplah, biar Menteri jawablah ya! Cukup. [Ketawa]

Datuk Yong Teck Lee: Sebenarnya ini tidak cukup. Pasal ini memang isu penting. [Disampuk] Kalau boleh, saya sambung. Ini dia akan cakap-cakap yang bukan-bukan. Saya tidak tahan! [Ketawa] [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Yong Teck Lee: Kalau dia pergi Sabah hari ini, banyak syarikat dari Semenanjung, ada yang *joint-venture*, ada orang Kelantan pun di kawasan saya, saya sokong dia buat. Orang berasal dari Kelantan yang membuat *business* di Sabah, saya yang sokong kerana saya nampak dia orang *sincere*. Jadi jangan buat tuduhan yang bukan-bukan. [Tepuk]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana beliau bekas Ketua Menteri tahu sangat dasar Sabah. Jadi menokok tambah apa yang saya kata tadi memang tidak ada dasar demikian. Jadi sekali lagi terima kasihlah kepada semua dan saya harap perkara-perkara yang lain itu akan saya susuli. Terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pihak Kementerian Pertanian diminta jawab. Yang Berhormat Menteri, sila.

4.45 ptg.

Menteri Pertanian [Datuk Effendi bin Norwawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat bertanya-mengenal isu-isu Kementerian Pertanian Malaysia. Oleh kerana ini ialah kali pertama saya berucap di Dewan yang mulia ini iaitu merupakan *maiden speech* saya, maka saya mohon izin dan ihsan Tuan Yang di-Pertua, sementara menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan, saya juga ingin memberi keterangan lanjut mengenai hasrat dan matlamat kerajaan di dalam pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Malaysia Ketiga.

Saya kira ini amat penting kerana kejayaan Dasar Pertanian Negara Kketiga ini, bergantung kepada kejayaan kita melibatkan usaha semua pihak, dengan izin, *we have to have the whole nation behind these programme* khususnya kita memerlukan penglibatan sepenuhnya kerajaan-kerajaan negeri, institusi-institusi berkaitan dengan pertanian seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, Persatuan Nelayan, Persatuan Penternak, Persatuan Pengeluaran Makanan dan yang penting juga ialah penglibatan pihak swasta khususnya kumpulan-kumpulan korporat yang besar yang perlu kita yakinkan supaya melabur di dalam sektor pertanian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Usaha ini melibatkan dua cabaran yang besar, cabaran yang pertama ialah memodenkan sektor pertanian ini, dengan membawa ilmu pengetahuan dan teknologi yang terkini untuk mengeluarkan produk-produk yang bernilai tinggi dan membawa pulangan yang lebih lumayan kepada pengusaha-pengusaha sektor pertanian termasuk pihak swasta dan juga petani-petani, penternak dan nelayan di negara kita. Setelah

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, ya.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Berhubung dengan harga padi di Kedah, pihak Bernas kini menentukan kepada para petani-petani, pemotongan 12%, sedangkan ada kilang-kilang swasta yang boleh tidak memotong langsung. Namun oleh kerana tertakluk kepada syarat Bernas, mereka terpaksa membuat potongan tersebut. Pihak swasta tidak payah memotong kerana kilang mereka mempunyai alat pengering yang lebih cepat dan lebih sempurna. Pemotongan 12% merupakan satu beban kepada petani-petani dan menyebabkan harga padi itu sentiasa menurun. Soalnya bagaimanakah tindakan yang harus dilakukan oleh pihak kementerian?

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat membangkitkan perkara itu. Saya kira tugas saya petang ini ialah menggulung dan menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan semasa perbahasan dan saya meminta notis mengenai soalan ini dan saya akan memberi jawapan secara bertulis. Izinkan saya menyambungkan ucapan saya.

Setelah melawat semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah kementerian saya, saya juga akan melawat ke negeri-negeri untuk berbincang dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri bagi mendalami pengetahuan dan strategi yang paling berkesan untuk menjayakan program-program DPN3 ini. Tetapi cabaran yang paling ketara bagi saya selain dari memoden dan pembaharuan teknologi ialah cabaran transformasi sosial yang perlu dicapai di kalangan pengusaha-pengusaha

pertanian khususnya kalangan petani, nelayan dan penternak untuk meyakinkan mereka, memujuk dan menunjukkan kepada mereka faedah menerima cara-cara baru untuk meningkatkan hasil mereka. Kejayaan ini bergantung besar pada kejayaan kita mendapatkan kemahuan di kalangan mereka iaitu kumpulan sasaran kita hendak menukar cara mereka sekarang.

Di sinilah saya memerlukan sokongan semua ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk membantu saya mencapai transformasi sosial ini. Insha-Allah, usaha kita akan mendapat berkat dan akan membawa perubahan yang besar kepada tidak kurang daripada 1 juta penduduk kita di negara ini yang masih terlibat di dalam sektor pertanian. Kita ingin mereka capai taraf dan mutu hidup yang lebih tinggi dengan pendapatan yang lumayan melalui produktiviti yang lebih tinggi dengan menggunakan idea-idea, pengetahuan sains dan teknologi yang terkini. Sememangnya hasrat kita ingin mengubah imej petani kita untuk menjadi petani moden. Di sini saya ingin menekankan, di dalam kita melibatkan sektor swasta, syarikat-syarikat besar dan menjalankan projek-projek berskala besar, kita akan memberi tumpuan yang sama penting kepada semua pengusaha-pengusaha kecil, khususnya kumpulan petani, penternak dan nelayan supaya mereka dibawa sama dalam arus pembaharuan ini. Ini adalah hasrat Perdana Menteri kita sendiri dan inilah ikrar saya selama saya diberi tugas dalam kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, impian kami ialah supaya sektor pertanian menjadi satu daripada sektor penyumbang utama kepada ekonomi negara supaya ianya sama penting dengan sektor-sektor ekonomi yang lain seperti sektor pembuatan dan pengeluaran. Keutamaan yang diberikan ialah menurunkan harga barangan makanan import yang besar pada masa ini yang berjumlah RM12 bilion dengan mengeluarkan barang-barang makanan yang boleh menandingi barang-barang yang diimport.

Pada masa yang sama kita akan memberi fokus kepada pengeluaran komoditi-komoditi yang bernilai tinggi yang boleh diekspor, di mana Malaysia mempunyai daya persaingan global. Saya pohon idea-idea dan sokongan semua di sini supaya kita sama-sama berjaya untuk negara yang tercinta ini.

Saya bernasib baik mengambil alih kementerian ini daripada rakan baik saya Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud yang berpengalaman dan dengan kepimpinan beliau, serta kebolehan dan kepakaran pegawai-pegawai kementerian, jabatan dan agensi di bawah kementerian kami telah menyediakan buku Dasar Pertanian Negara Ketiga, yang mengandungi dasar-dasar dan juga rancangan-rancangan yang terperinci untuk mencapai hasrat DPN3.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, buku ini telah disediakan dengan menggunakan kepakaran dalaman pegawai-pegawai kita sendiri dengan tidak memerlukan kepakaran luar. Ini menunjukkan ada kepakaran yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai kerajaan Kementerian Pertanian, jabatan, agensi di bawahnya dan ini telah memberi saya keyakinan dan inspirasi untuk berjaya dalam pelaksanaan DPN3.

Rancangan saya sendiri ialah untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada isu-isu dan mekanisme pelaksanaan pada semua yang telah dirancang dalam DPN3 ini seperti yang kita tahu betapa cantiknya rancangan akhirnya

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Datuk Effendi bin Norwawi: ia akan bergantung. Saya akan habis dahulu kemudian saya akan beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya sekejap lagi. Seperti yang kita tahu betapa cantiknya rancangan akhirnya akan bergantung kepada kebolehan, pelaksanaan seperti yang selalu kita sebut dengan izin, *implementation is 90 percent of the game.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri.

Isu ternakan udang di Kerpan dalam Parlimen Jerlun yang saya wakili. 1,000 ekar lebih tanah pertanian yang terbengkalai melibatkan 350 buah keluarga petani

sampai sekarang terbengkalai. Apakah langkah-langkah Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri bagi mengatasi masalah terbengkalai yang melibatkan para petani yang begitu ramai.

Kemudian, pelabur di situ daripada salah sebuah negara Arab di mana mereka mengatakan bahawa ini birokrasi dan juga kurang terjamin pelaburan mereka. Sampai sekarang ini, daripada tahun 1993 sampai sekarang hampir tujuh tahun, bagaimanakah langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh Kementerian Pertanian bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau ini melibatkan keluarga yang begitu ramai seperti 350 buah keluarga, maka ini satu skim yang besar dan sudah tentu harus menerima perhatian kementerian dan saya akan menyusuli persoalan dan perkara tersebut. Terima kasih.

Jadi, saya harap kata-kata pendahuluan saya tadi telah pun menjawab soalan Yang Berhormat Kluang di dalam hal kerajaan memodenkan sektor pertanian dan pengurangan import bahan makanan.

Tuan Jawah anak Gerang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di belakang sana. Dari Sarawak.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada menteri yang baru dan juga saya menaruh harapan yang begitu tinggi kepada menteri-menteri yang baru dengan kata-kata yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Soalan saya ialah begini, di Sarawak dan Yang Berhormat Menteri sendiri juga berasal dari Sarawak, petani-petani, pemilik-pemilik tanah mempunyai tanah yang begitu besar seluas kadang-kadang 1,000 ekar dan soalan saya ialah apakah DPN3 ini ataupun rancangan kerajaan dan rancangan yang akan diusahakan oleh menteri-menteri yang baru untuk menolong petani-petani yang mempunyai tanah begitu luas dan hendak mengusahakan tanah yang begitu dan apakah rancangan kerajaan, sama ada adakah diselitkan di dalam DPN3 soal-soal begini? Sekian, terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, memang inilah satu daripada perancangan strategik di DPN3, di mana kita mahu menggunakan seberapa banyak yang boleh tanah-tanah terbiar, tanah-tanah yang tidak diusahakan pada masa ini dan usahanya kita mahu menggalakkan pemilik-pemilik tanah yang besar, yang pada masa ini tidak terguna supaya mereka dapat bersamasama memasuki rancangan pelaksanaan DPN3.

Jadi, sebenarnya satu daripada rancangan DPN3 ialah rancangan penanaman secara berkelompok, iaitu kita mahu menyatukan semua pemilik tanah supaya pemilik tanah yang terlibat cukup besar untuk membawa cara-cara pertanian moden.

Tuan Fu Ah Kiow: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ada beberapa perkara yang saya inginkan penjelasan iaitu yang pertama, saya setuju bahawa semua rakyat mesti memberi sokongan terhadap program ini tetapi untuk Ahli Yang Berhormat sampai masa kini kita masih belum dapat satu naskhah Dasar Pertanian Ketiga. Jadi, saya hendak tanya sama ada kita akan dibekalkan dengan satu naskhah.

Kedua, selama ini saya percaya ramai rakyat sama ada rakyat jelata atau pegawai di peringkat daerah masih tidak mengetahui isi kandungan dan teras Dasar Pertanian Ketiga ini. Jadi, saya ingin tanya sama ada sesi taklimat akan diberi di peringkat negeri khususnya di peringkat daerah supaya semua yang terlibat tahu dengan teras dan strategi di dalam Dasar Pertanian Ketiga.

Perkara ketiga ialah Dasar Pertanian cuma merupakan satu dasar sahaja, kalau kita hendak berjaya dalam segala program, maka dasar tersebut perlu diterjemah dalam bentuk program spesifik untuk sesuatu kawasan.

Jadi, saya ingin tahu sama ada program yang spesifik akan dirancang oleh pegawai-pegawai pertanian di peringkat kawasan? Sekian, terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, Yang Berhormat kerana pandangan tersebut memang bernas dan mungkin saya mengambil peluang dan mohon Tuan Yang di-Pertua, ini ialah buku Dasar Pertanian Negara Ketiga [Menunjukkan

senaskhah buku] Ia ada dua *version*, satu yang tebal sedikit daripada mereka yang mahu maklumat yang terperinci dan ini ia punya *summary version*. Saya harap ia akan dapat diedarkan tidak lama lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai soal penerangan, sebenarnya usaha ini telah pun dimulakan di mana pihak kementerian telah pergi dari negeri ke negeri memberi taklimat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kepada pegawai-pegawai kerajaan kanan di tiap-tiap negeri. Ini akan saya teruskan dan saya telah pun mulakan dengan negeri Johor pada minggu lepas. Saya ada mempunyai rancangan untuk melawat semua negeri dan memberi taklimat ini sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam pelaksanaan DPN3 ini.

Saya ingat pandangan mengenai teras dan dasar dengan pelaksanaan ini adalah satu pandangan yang penting kerana dasar sahaja tidak akan menjadi realiti kalau tidak ada pelaksanaan yang cekap.

Jadi, itulah hasrat saya dalam lima tahun ini menumpu kepada pelaksanaan, implementation dan ini ialah melibatkan isu-isu mekanisme *implementation* dan ini akan menjadi tumpuan saya terima kasih.

Saya juga menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kluang mengenai nama Kementerian Pertanian ini harus ditukar dan memang kita tahu pada masa ini banyak kementerian pertanian di negara-negara lain yang telah pun berubah kerana masa terkini. Jadi, saya ingat kita akan juga mengkaji hal ini supaya nama kementerian kami ini lebih mencerminkan hala tuju terkini kementerian ini. Saya juga ingin menyentuh soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, rakan saya mengenai pertama sekali stok penimbal lada hitam. Sebenarnya kerajaan telah pun membuat kajian mengenai cadangan ini...

Dato' Haji Fadil bin Md. Noor: Bolehkah satu jaminan diberi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa buku DPN3 itu diedarkan kepada ahli Dewan Rakyat sebelum perbahasan Budget bermula. Yang kedua, adakah Kementerian Pertanian mempunyai rancangan untuk menggantikan tanaman getah yang sekarang ini begitu jatuh harganya dan dijangkakan tidak ada harapan atau sukar bagi pasaran getah untuk mendapat peningkatan harga menggantikan ladang-ladang getah ataupun pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman getah ini dengan tanaman yang lebih tinggi nilai harganya seperti kelapa sawit ataupun lain-lain tanaman yang dapat difikirkan oleh Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih. Saya akan tentukan yang buku ini akan diedarkan kalau boleh esok, insya-Allah. Mengenai gantian tanaman getah saya ingat ini memang sedang diusahakan di mana kita sedang menyelidiki kalau ada tanaman-tanaman yang lebih lumayan, yang lebih *viable* kita akan berbincang dan cuba mendapat persetujuan peladang-peladang tersebut untuk menggantikan tanaman kepada tanaman-tanaman yang lebih berhasil tinggi. Saya akan juga menyusuli hal ini. Terima kasih. Mengenai..

Tuan Yang di-Pertua: Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Berkenaan dengan maklumat yang diberi oleh Menteri tadi iaitu ladang-ladang boleh ditukar untuk menanam tanaman yang lebih berekonomi. Satu minggu yang lepas saya ada dapat satu maklumat dari kawan saya bahawa jikalau hendak memohon ladang getah ditanam dengan kelapa sawit maka conversion itu memerlukan satu ekar mungkin RM300 ke RM400 untuk conversion. Mengapa ia perlu dibayar premium yang begitu tinggi memandangkan perusahaan getah sekarang tidak begitu lumayan tetapi kelapa sawit lebih lumayan?

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya tiada maklumat mengenai perkara ini pada masa ini Yang Berhormat, tetapi saya akan menyelidiki perkara ini dan patutnya sebagai dasarnya pada masa ini kita mahu supaya semua pengusaha-pengusaha menggunakan tanah sepenuhnya. Jadi, soal premium ini sepatutnya pada dasarnya kita mahu kalau boleh premium ini serendah-rendah yang boleh supaya mengalakkan semua petani menggunakan tanaman mereka secara optimum. Walaupun demikian saya akan mengkaji perkara ini. Terima kasih.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi mengadakan stok penimbal lada hitam, sebenarnya kerajaan telah pun membuat kajian mengenai hal ini tetapi kita dapati yang mengadakan stok timbal lada hitam ini ialah melibatkan kos

yang tinggi kerana kita dapati yang kita mungkin terpaksa perlu menyimpan selama lima tahun stok-stok tersebut kerana satu pusingan harga akan mengambil masa sepuluh tahun. Walaupun demikian langkah-langkah yang kita ambil sekarang ini ialah langkah-langkah yang boleh diambil pada masa ini iaitu langkah-langkah pendek termasuklah menggalakkan penjualan hadapan (*forward selling*) dan juga mengeluarkan lada-lada berkualiti dan produk-produk bertambah nilai dan juga industri hiliran. Ini menjalankan R&D, penyelidikan untuk mengeluarkan produk-produk baru seperti sos lada hitam, lada berperisa limau, produk rempah, gula-gula lada dan minyak wangi lada. Dan usaha-usaha ini akan dipertingkatkan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga telah menimbulkan isu berkaitan dengan industri perikanan laut. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, ini adalah satu perindustrian yang berpotensi besar. Pada masa ini negara kita ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Pertama, syabaslah Yang Berhormat Menteri sejak dilantik sebagai menteri pertama kali bersama kita dalam Dewan menjawab soalan. Yang sebenarnya Batang Sadong dia segan hendak bertanya. Ini minyak wangi lada hitam ini macam mana, sebab dia wakil wanita hendak tanya lebih sedikit, di mana dia boleh beli minyak wangi dia hendak bawa balik ke Sarawak?

Datuk Effendi bin Norwawi: Produk ini sudah ada dalam market tetapi mungkin belum dipromosikan dengan lebih giat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengenai soalan Yang Berhormat bagi Batang Lupar

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Datuk. Memandangkan kita banyak mengimport barang makanan dari luar negara termasuk beras, oleh sebab negeri Sarawak tanah yang begitu luas dan besar yang dikatakan lebih kurang 1.5 juta hektar, adakah rancangan kementerian Yang Berhormat Datuk dalam DPN 3 supaya kita dapat menanam padi secara besar-besaran seperti kita menanam kelapa sawit supaya negeri Sarawak dapat mengeluarkan padi sebagai negeri Kedah atau dikatakan Sarawak jadi *rice bowl of Malaysia* di masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Sebenarnya negara kita mempunyai pada masa ini lebih kurang 70% *self-efficiency rice*. Tetapi di negeri Sarawak *self-efficiency* begitu berkurangan sekali dan pada masa ini kementerian sedang berbincang dengan kerajaan negeri Sarawak mengenai satu rancangan untuk menanam padi berskala besar. Kalau ini berjaya kita harap dapat menjalankan rancangan yang sama di kawasan-kawasan yang lain. Terima kasih.

Mengenai industri penangkapan ikan...

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat. Ramai sangat ini.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Menteri, rasa saya kementerian ini harus sedar dan peka bahawa dalam industri penangkapan ikan laut dalam negara kita Malaysia begitu ketinggalan kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran yang lain seperti Thailand dan lain-lain negara. Jadi, apakah perancangan kementerian ini untuk memastikan bahawa ikan di dalam laut Malaysia ini diterokai oleh nelayan-nelayan daripada Malaysia itu sendiri, sedangkan kita masih bergantung kepada negara-negara yang lain untuk menerokai ikan laut dalam ini. Tidakkah Malaysia berhasrat untuk melahirkan jutawan-jutawan nelayan laut dalam ini ke arah membantu negara kita mempertingkatkan ekonomi dan pembangunan industri perikanan ini.

Yang kedua, juga saya suka menyahut seruan wakil sebentar tadi, saya amat bersetuju bahawa negara kita Malaysia ini dari segi pengeluaran padi dan beras masih bergantung kepada import daripada negara-negara luar sedangkan negara kita Malaysia mempunyai tanah yang luas masih tidak dibangunkan seperti Sabah, Sarawak dan negeri-negeri yang lain. Jadi, kalau boleh supaya negara kita tidak lagi bergantung kepada beras daripada negara luar kerana kebimbangan kita kalaulah berlaku satu malapetaka negara-negara ini tidak boleh membekal beras kepada negara kita, apakah

kita akan berpeluk tubuh tanpa memikirkan sesuatu untuk membangun tanah-tanah yang kita telah sedia ada. Satu perkara lagi kesempatan ini saya gunakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah buat ucapan itu. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mok tar bin Radin: Soalan, satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jadi ucapan dah itu.

Tuan Mok tar bin Radin:di mana berlaku di kawasan di persisiran pantai negeri Sabah penangkapan oleh penguatkuasa kepada nelayan-nelayan kecil. Jadi, persoalan ini telah saya kemukakan tetapi tidak dapat dijawab oleh Kementerian Dalam Negeri. Jadi rasa saya Kementerian Pertanian dan perikanan ada hubung kaitnya di mana pihak marin menangkap nelayan-nelayan kecil ini yang menangkap ikan di persisiran pantai. Masalahnya yang berlaku di Sabah apabila nelayan kecil ini keluar daripada kawasan persisiran pantai di tengah-tengah laut maka mereka akan menjadi habuan lanun dan perompak.

Jadi tidak adakah hasrat kementerian ini menukar atau menggubal satu peraturan baru yang boleh memberi ruang khususnya kepada nelayan-nelayan kecil untuk mereka mencari nafkah setiap hari. Ini adalah kerana mereka diganggu oleh pihak Marin, ditangkap kemudian dihadapkan ke mahkamah dan kita pemimpin menjadi rujukan untuk membebaskan mereka. Kalau boleh kementerian ini mengkaji peraturan-peraturan ini. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, saya ingat Yang Berhormat memang betul dari segi perlunya negara kita mengkaji semula industri perikanan ini dan memodenkannya. Sebenarnya kita dapati industri perikanan pada masa ini mempunyai nilai lebih kurang RM4.5 bilion tetapi kita berpontesi lipat gandakannya kepada RM9 bilion kalau kita mengeksploitasikan ikan-ikan dalam perairan kita dengan baik. Walaupun demikian kita juga mempunyai masalah kerana kita mendapati yang nelayan-nelayan negara Malaysia ini tidak suka lagi ke laut. Sukar meminta mereka ke laut. Jadi, kita terpaksa membuat cara-cara baru dan satu daripada caranya ialah kita akan menggalakkan *joint venture* dengan pihak-pihak asing yang akan membawa cara-cara moden, mungkin daripada Europe, dan juga daripada negara Tenggara Asia.

Jadi, saya harap *joint ventures* ini akan berhasil dan membangkitkan semula perindustrian perikanan dan dengan demikian kita berharap supaya nelayan-nelayan tempatan kita mendapati *technology transfer* yang akan membolehkan mereka dalam masa tidak beberapa lama lagi untuk melibatkan diri dengan secara lebih moden di dalam industri penangkapan ikan ini.

Mengenai pembekalan padi tadi memang benar kita mempunyai kebolehan untuk menanam padi 100% sebenarnya, tetapi ini adalah masalah ekonomi di mana kita dapati penanaman lain mungkin mendapat pulangan yang lebih baik. Jadi, kita mungkin tidak wajar memaksa peladang-peladang untuk menambahkan tanaman padi kerana melibatkan subsidi yang besar pada masa ini. Jadi di mana kita boleh import dengan lebih murah, kita akan mengimportkan.

Walaupun demikian, saya ingin menjaminkan di sini yang di dalam usaha-usaha penyelidikan *research and development* MARDI tumpuan kami kepada penanaman padi, misalnya negara kita ini negara pertama yang telah menemui satu jenis padi yang tahan penyakit dan boleh meninggikan hasil sekali. Ini akan sentiasa menjadi tumpuan kementerian kita.

Mengenai penangkapan nelayan-nelayan kecil, ini adalah menjadi satu masalah yang besar dan khususnya di kawasan saya sendiri di Kuala Rajang di mana kebanyakan penduduk di kawasan tersebut ialah nelayan-nelayan. Isunya ialah isu kepentingan nelayan-nelayan itu sendiri di mana kita tidak terpaksa mengurus penangkapan ikan ini mengikut sumber yang ada, misalnya kita tahu sumber yang ada di negeri Sarawak pada masa ini ada 200,000 tan ikan, satu sumber yang terbesar di kawasan Asia ini. Tetapi kita tidak boleh menangkap ikan sewenang-wenangnya kerana ini akan merosotkan sumber ini. Jadi, cara penangkapan dan penghasilan ialah dengan cara teratur supaya industri ini lebih mampan.

Jadi, dengan demikian kita akan mengeluarkan hanya lesen-lesen yang akan mengeluarkan ikan sebanyak yang mampu. Dengan demikian masalah mungkin akan

berlaku kepada mereka yang tidak mendapat lesen di mana mereka telah menjalankan kegiatan menangkap ikan yang tidak dibenarkan. Sudah tentu adalah menjadi kewajipan kementerian dan jabatan perikanan dari segi mempertahankan supaya industri perikanan ini mampan. Kita terpaksa menguatkuasakan banyak undang-undang dan perat uran supaya penangkapan ikan ini mengikut pengeluaran yang telah dirancangkan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sibü.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingin meneruskan....

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Menteri yang baru. Saya yakin beliau tentu boleh meningkatkan taraf pertanian di negara kita.

Saya ingin meminta penjelasan tentang penangkapan ikan di laut dalam khasnya di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di dalam masa satu dua tahun yang lepas banyak lesen untuk menangkap ikan di laut dalam di Sarawak telah dikeluarkan kepada orang tempatan bukan sebenarnya nelayan sendiri kerana itu mereka sewaj bukan *joint venture*. Mereka sewakan lesen ini kepada orang asing, majoritinya dari negari Thailand dan Taiwan. Mereka mengeksploitasikan sumber ikan berkenaan di laut dalam terus *around the clock* 24 jam satu hari.

Mereka keluar memunggah di satu *mother ship*, dengan izin, dan memindahkan lesen ini ke lain bot iaitu macam *merry go round*, dengan izin. Ini diteruskan dan *mother ship* mengeksploitasi hasil penangkapan ikan tanpa melaporkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri di negara kita. Tambahan pula sekarang bot asing pun masuk ke *shallow sea* dengan izin.

Itulah saya mahu meminta penjelasan apakah langkah-langkah yang digunakan oleh kementerian untuk berhentikan practice ini kerana saya takut kalau perkara ini tidak diberhentikan, sumber perikanan di laut dalam khasnya di Sarawak akan dihapuskan, saya difahamkan dalam tempoh dua tahun. Sekian, terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pandangan Yang Berhormat itu memang betul, kalau kita tidak menguruskan perindustrian perikanan di negeri Sarawak maka industri ini akan mengalami satu kerugian yang besar. Jadi saya baru tadi diberitahu mengenai masalah ini oleh Yang Berhormat yang berkenaan tadi, dan saya pun tengah hari tadi telah mengarahkan supaya satu penyelidikan menyeluruh dibuat dan saya akan kembali kepada Yang Berhormat mengenai langkah-langkah yang kita akan ambil untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan yang salah ini.

Tetapi ingin saya memberi penjelasan di sini bahawa pada masa ini ada satu dasar yang membenarkan charter boat di mana bot-bot asing boleh di *charter* oleh pengusaha-pengusaha tempatan untuk menangkap ikan di kawasan perairan kita. Malangnya kita dapati ada penyelewengan ataupun ketidakjujuran di dalam pemberian lesen ini oleh separuh daripada pihak-pihak asing yang terlibat dalam skim charter ini, di mana kita dapati mereka kalau kita beri satu *charter vessel*, kita mendapat laporan mereka telah menggunakan dua tiga vessel yang lain dan juga menggunakan *mother ship* untuk mereka mengambil tangkapan ikan dan membawa keluar daripada negara kita.

Jadi, ini akan mendapat perhatian yang serius daripada pihak kerajaan. Kita sedang membuat penyelidikan yang menyeluruh dan saya akan mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang melanggar peraturan-peraturan lesen-lesen yang diberikan.

Caranya ialah supaya pada masa hadapan ini kita akan memberi lesen-lesen kepada pengusaha-pengusaha nelayan yang tulen, maknanya mereka yang benar-benar terlibat di dalam perindustrian perikanan supaya mereka ini akan mengadakan satu *join-venture* yang tulen dan mereka sendiri terlibat di dalam bot-bot *charter* tersebut. Dan satu daripada berita baik dalam perkembangan ini ialah di mana sekarang kita ada teknologi baru iaitu *VTMS (Vessel Tracking Management System)* yang akan dipasangkan pada tiap-tiap bot yang dilesenkan, dengan ini melalui satelit kita dapat mengesan pergerakan *vessel-vessel* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, saya tertarik dengan kenyataan Menteri bahawa *join-venture* dengan negara asing terhadap perikanan akan meningkatkan pengeluaran ikan negara tetapi adakah Menteri sedar bahawa *join-venture* tidak menjadi polisi kementerian, *join-venture* tidak dibenarkan untuk negeri Sabah. Saya ingin tahu sama ada polisi ini sedang berkuasa dan apakah rasional polisi ini tidak menggalakkan *join-venture* perikanan laut dalam di negeri Sabah. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Ini mungkin kerana saya baru tetapi sebenarnya kita sekarang sedang dalam usaha mendapat persetujuan untuk menggalakkan *join-venture* dengan pihak asing supaya dengan demikian kita mendapat membawa *transfer technology* kepada pengusaha-pengusaha nelayan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, bercakap pasal beras dan padi. Satunya, memang menjadi hakikat bahawa tanaman padi adalah satu industri yang disubsidikan dengan beratnya ataupun dengan izin, *heavily subsidize industry*. Sekarang ini ada usaha-usaha untuk menanam padi menerusi skala yang besar, *large scale paddy plantation*, dengan izin, dan inisiatif telah pun diambil oleh sesetengah syarikat dalam negara, yang menyedihkan bahawa oleh kerana penanaman padi ini dikategorikan sebagai satu industri tradisional dan industri yang disubsidikan maka penanam-penanam padi secara *large scale* juga tidak mendapat insentif-insentif yang sewajarnya. Ini bermakna akan melemahkan semangat mereka.

Jadi soalnya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan akan melihat bahawa kita akan menggalakkan industri padi ini diterokai oleh pengusaha-pengusaha besar, tidak diberikan subsidi tetapi diberikan insentif-insentif galakan modal dan sebagainya. Umpamanya di negeri Sarawak mempunyai kawasan padi yang besar. Pertamanya, adakah kerajaan mahu membina ataupun mengizinkan pembukaan *greenary areas* yang ketiga dan adakah mahu diberikan peluang kepada syarikat-syarikat besar yang mempunyai kepakaran dalam segi management untuk menerokai penanaman padi secara besar-besaran.

Dan seterusnya oleh kerana di Sarawak mempunyai satu jenis padi yang mempunyai nilai tambahan yang besar iaitu padi bario. Saya difahamkan bahawa penanam-penanam padi bario ini, penanam padi yang tidak langsung menerima subsidi. Adakah pihak kerajaan akan melihat nasib petani-petani padi bario supaya beras bario yang mempunyai nilai-nilai perubatan (*medicinal values*) akan diperkenalkan di negara ini. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih. Di negeri Sarawak pada masa ini ada satu kawasan dalam seribu ekar yang telah dikenal pasti dan ini akan diusahakan oleh sebuah pihak swasta. Setakat ini mereka tidak ada mengharapkan subsidi tetapi seperti Yang Berhormat katakan tadi, kita akan mencari jalan dan bersama-sama berfikir dengan mereka supaya skim ini berjaya, kita mencari jalan bagaimana membantu mereka sepenuhnya, mungkin dari segi *infrastructure*, mungkin dari segi *Resources Research & Development* untuk menentukan supaya skim ini berjaya.

Dan bukan sahaja dalam hal padi, sebenarnya dalam semua tanaman-tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan, Kementerian Pertanian terpaksa harus dan sedang melihat, mengkaji semula apakah insentif-insentif yang boleh ditimbang supaya lebih dapat menarik pelabur-pelabur daripada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya hendak berbalik kepada isu lesen bot ikan, tadi Parit Sulong tentang padi dan tentang Sarawak, saya hendak berbalik kepada lesen bot ikan. Seperti yang dikatakan oleh Datuk Menteri tadi, kita mengucapkan syabaslah ada usaha yang kita nampak untuk meningkatkan lagi pengurusan tangkapan ikan dengan memodenkan bot-bot yang sedia ada sekarang ini.

Saya hendak bertanya sedikit macam di kawasan saya di Pulau Tioman, bot-bot ikan ini semasa musim ada banyak ikan, mereka keluar menangkap ikan tetapi kadang-kadang mereka juga mungkin mendapat pendapatan yang tinggi dengan

membawa 'pelancongan', membawa pelancong, Tasek Gelugor terima kasihlah, betulkan saya, bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang nampak serius. Sekarang ini masalahnya lesen yang dibenarkan dari tepi pantai sampai sepuluh kilometer, tetapi tidak dibenarkan untuk membawa pelancong.

Kalau kita mahu tingkatkan pendapatan masyarakat kita penangkap-penangkap ikan ini, adakah ini mungkin satu cadangan mempelbagaikan pendapatan mereka. Mungkin pada suatu hari itu musim ikan yang banyak boleh mereka keluar menangkap ikan, besoknya ikan tidak ada, banyak sebabnya mungkin orang PAS pergi berenang, DAP berenang semua ikannya lari, [Ketawa] dan boleh bawa pelancong, bawa DAP pula untuk melancong, PAS berenang ikan lari, bawa DAP melancong, dua-dua kita untung. Bagaimana, adakah ini - saya hendak minta ini isu mempelbagaikan pendapatan. Kita jangan terlalu *restrictive* dengan peraturan, kadangkala saya risau juga peraturan itu mungkin 30 tahun yang ada pada kita tetapi ini dekad 2000. Kalau kita 'blur'kan, betulkan peraturan, tukarkan peraturan, we have to do, dengan izin. Adakah dengan Menteri yang baru ini, dengan latar belakang korporatnya, memberikan nafas baru kepada industri perikanan, saya minta sedikit pandangan Datuk Menteri.

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat memang tepat sekali kerana satu daripada strategi DPN3 ialah mempelbagaikan lagi pendapatan petani-petani, nelayan dan peladang kita. Dari segi nelayan kita sedang mengkaji contoh-contoh yang berjaya di negara-negara lain di mana nelayan bukan sahaja menangkap ikan tetapi satu daripada aktiviti yang mendapat pendapatan yang tinggi pada masa ini ialah *recreation fishing* iaitu supaya bot-bot ini membawa pelancong.

Jadi inilah satu cadangan yang baik dan saya akan menyusulnya supaya ini mungkin dapat dilaksanakan. Bukan itu sahaja, kita sedang melihat juga mengikut contoh yang kita ada ini bila masa musim tengkujuh mereka akan dibawa kepada mungkin *aquaculture* ataupun penanam sayuran dan buah-buahan supaya kegiatan mereka lebih dipelbagaikan dan mendapat hasil yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tampin.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada sebut pasal buah-buahan dan padi. Saya hendak tanya sedikitlah, tidakkah Yang Berhormat bercadang untuk berbincang dengan Kementerian Perusahaan Utama cara-cara membantu penanam-penanam tembakau khususnya di negeri Kelantan untuk menukar tanaman dari tembakau kepada padi, buah-buahan ataupun tanaman lain memandangkan kerajaan Malaysia pada hari ini begitu agresif dengan kempen larangan merokok termasuk baru-baru ini seorang Ahli Yang Berhormat dari PAS yang begitu marah dengan pengiklanan jenama-jenama rokok semasa temasya sukan dijalankan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, yang telah saya nasihatkan yang penting ialah petani-petani, jadi kita tidak mahu menjalankan satu dasar ataupun arahan yang mungkin merosakkan atau merugikan petani-petani. Jadi yang sedang diusahakan pada masa ini, ialah kita sedang mencari tanaman-tanaman gantian yang boleh membawa pulangan yang sama lumayan dengan tembakau. Kalau ini kita dapat temui, insyaAllah, kita akan menggalakkan dan memujuk penanam-penanam tembakau ini untuk menggantikan tanaman-tanaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada seorang lagi, last.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sudah menjadi polisi kerajaan di negeri Kelantan untuk sedikit demi sedikit menukar penanaman tembakau itu kepada penanaman yang lain dan sekarang ini pun sudah ada di kalangan penanam-penanam tembakau itu telah menukar tanaman tembakau kepada tanaman-tanaman yang lain umpamanya tanaman daun pegaga kerana ia boleh menghasilkan ubat herba.

Datuk Effendi bin Norwawi: Di sini saya mengucapkan tahniahlah kepada kerajaan negeri Kelantan kerana saya ingat kita akan mengkaji mana contoh-contoh yang paling baik supaya kita dapat mengurangkan penanaman tembakau dan supaya dengan menjalankan dasar ini kita tidak merugikan petani-petani kita, dan sebenarnya.....

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: [Bangun]

Tuan Yang di -Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat, besoklah, sudah 5.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.